

# BAB I

## PENGENALAN

---

### 1.0 PENDAHULUAN

Sekitar tahun 2006 isu Undang-undang keluarga Islam telah hangat diperbincangkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat pada masa itu iaitu Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pada ketika itu. Isu ini timbul dari pertubuhan bukan kerajaan yang telah mencadangkan serta menyarankan permohonan anggapan mati ini dilaksanakan berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak sekiranya pihak Mahkamah Tinggi Sivil telah mengeluarkan suatu pengesahan anggapan mati. Penulis telah merujuk kepada perbincangan mengenai anggapan mati di dalam Islam sebelum mengupas isu yang telah dibangkitkan.

Anggapan mati secara ringkasnya adalah merujuk kepada seseorang yang hilang tanpa khabar berita dalam tempoh yang tertentu. Anggapan mati ini juga turut dibincangkan oleh Jumhur Ulama<sup>1</sup> dengan panjang lebar berdasarkan keadaan yang berlaku contohnya pandangan fuqaha yang merujuk kepada anggapan mati ini disabitkan. Maka di sini anggapan mati ini dapatlah dikaitkan dengan kehilangan pada tempoh yang agak lama iaitu pandangan yang lebih masyhur empat tahun lamanya bagi hal yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam serta tujuh tahun bagi perkara yang melibatkan harta iaitu undang-undang pusaka Islam.

---

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985M), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, Cetakan ketiga, jld. 5, Bahagian 4, Fasal 10. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 784-785.

Permohonan anggapan mati ini dikaitkan dengan suami yang menghilangkan diri dari negeri dan isterinya serta tiada siapa yang dapat mengesannya untuk sekian lama dan tidak ada siapa pun yang tahu sama ada orang yang hilang itu masih hidup ataupun mati. Maka bolehlah dinyatakan di sini bahawa suami yang hilang ini dianggap sebagai mati.

Anggapan mati ini dapat dilihat dalam dua keadaan iaitu pertama, hilang atau tidak diketahui sama ada hidup atau mati. Kedua, apabila suami merantau meninggalkan isterinya dalam jangka masa yang lama. Keadaan-keadaan itu boleh membawa kemudharatan kepada isterinya.

Para Ulama berselisih pendapat sama ada membenarkan isteri membuat permohonan atau sebaliknya. Mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat seseorang isteri itu berhak memohon pembubaran perkahwinan kepada Mahkamah kerana kehilangan suami sama ada sekejap atau lama yang mana boleh membawa kemudharatan walaupun meninggalkan harta bagi isteri kerana hak-hak yang wajib suami tunaikan kepada isteri telah terhalang.

Bagi Mazhab Syāfi'ī dan Hanafi, mereka tidak mengharus *fasakh* (salah satu jenis pembubaran perkahwinan) sama ada kehilangan itu lama atau sekejap. Kehilangan suami bukanlah satu kezaliman disebabkan tidak memberi nafkah batin kerana suami tidak wajib untuk sentiasa menunaikan nafkah batin. Mereka berpendapat tidak ada dalil-dalil syarak yang memberikan hak kepada wanita untuk membubarkan perkahwinan.

Mazhab Hanafi sependapat dengan Mazhab Syāfi'ī yang mana Mazhab Syāfi'ī berdalilkan pada *al-athār* yang menjelaskan tidak boleh membubarkan perkahwinan<sup>2</sup> yang bermaksud;

*Dikhabarkan kepada kami oleh Yahya bin Hassan dari Mansor, dari Abī Minhal bin Umar dari Abdullah al Asādi daripada Ali r.a berkata, "isteri yang kehilangan suami tidak boleh berkahwin.*

Maksudnya ialah isteri tidak boleh berkahwin lain selagi belum jelas kehilangan suaminya itu. Begitu juga sekiranya kadi mengetahui tempat tinggalnya, kadi hendaklah menghubungi tempat suami itu berada supaya dapat memerintahkannya memberi nafkah.

Bagi pendapat Mazhab yang membenarkan pembubaran perkahwinan kerana suami hilang, mereka bersepakat penceraian hendaklah melalui hakim kerana kes-kes itu memerlukan penyiasatan dan penelitian oleh pihak Mahkamah.

Setelah diteliti, didapati Mazhab Hanbali dan Maliki yang mengharuskan *fasakh* kerana kehilangannya adalah lebih rajih dan wajar. Hal ini kerana orang yang hilang sudah tentu tidak dapat menunaikan kewajipan terhadap isterinya kerana dianggap teraniaya apabila ditinggalkan suami tanpa nafkah zahir dan batin.

Orang yang hilang (*al-mafqūd*) adalah orang yang hilang dari keluarganya hingga beberapa waktu yang lama, di mana tidak ada bukti yang dapat digunakan untuk membuktikan adakah orang yang hilang itu masih hidup atau sudah mati.

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

Dalam perkara ini, para Ulama berbeza pendapat antara mensabitkan orang yang hilang itu masih hidup atau telah mati. Selagi perkara itu tidak jelas, maka harta peninggalannya tidak boleh dibahagikan kepada ahli warisnya dan ia tetap berhak mendapatkan warisan jika ada kerabatnya yang meninggal saat kehilangannya dan jika disabitkan orang yang hilang itu telah meninggal dunia maka harta tersebut boleh dibahagikan kepada ahli warisnya. Dalam hal ini, ada tiga pendapat di kalangan para fuqaha:<sup>3</sup>

*Pendapat pertama*, bahawa ia tetap dianggap hidup, baik untuk urusan yang terkait dengan dirinya mahupun yang terkait dengan orang lain kerana semua hukum yang berlaku untuk orang yang masih hidup tetap berlaku padanya; hartanya tidak diwariskan, isterinya tidak boleh dinikahi dan *wadi'ah* yang ia berikan pada orang lain tidak boleh diambil. Pendapat ini dipegang oleh Imam Malik dan al-Syāfi'ī.

Hujjah mereka adalah orang yang hilang itu sebelum hilang tetap dihukum sebagai orang yang hidup. Oleh itu hukum ini wajib diistishābkan sehingga terdapat bukti yang mengubah hukum tersebut.

*Pendapat kedua*, ia dianggap hidup berkait dengan hak dirinya sendiri. Pendapat ini dilandaskan pada pandangan bahawa *istishāb* hanya dapat digunakan untuk mendukung hukum yang telah ada sebelumnya, tetapi bukan untuk menetapkan hukum baru.

*Pendapat ketiga*, ia dianggap hidup baik berkait dengan hak dirinya mahupun hak orang lain selama empat tahun sejak hilangnya. Jika empat tahun telah berlalu, maka ia dianggap

---

<sup>3</sup> Zakiüddin Sha'ban, *Usül Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Matba'ah Dār al-Ta'lif. h. 134.

telah meninggal sama ada berkait dengan hak dirinya mahupun hak orang lain; hartanya dibahagi, ia tidak lagi mewarisi dari kerabatnya yang meninggal dan isterinya dapat dinikahi oleh orang lain. Pendapat ini dipegang oleh Imam Ahmad bin Hanbāl.

Alasan dibataskan tempoh waktu empat tahun adalah *qiyās* jika ia meninggalkan isterinya selama empat tahun menurut pendapat ini, maka hakim dapat memisahkan keduanya dan isterinya dapat berkahwin lain setelah masa iddah sejak pemisahan itu berakhir.

Di dalam menentukan sama ada orang yang hilang itu masih hidup atau telah meninggal dunia, hanya Mahkamah sahaja yang dapat membuat keputusan dengan berpandukan kepada bukti-bukti, penyiasatan atau telah tamat tempoh menunggu. Apabila Mahkamah telah memutuskan bahawa orang yang hilang itu telah meninggal dunia, maka kematiannya dianggap berlaku pada masa dikeluarkan keputusan oleh Mahkamah atau disabitkan pada masa orang yang hilang telah hilang. Oleh itu, orang yang hidup (ahli waris) tidak boleh mewarisi harta pewarisnya yang meninggal dunia sebelum keputusan Mahkamah dibuat.

Begitu juga dengan waris-warisnya yang ada pada masa keputusan Mahkamah dibuat sahaja berhak mewarisi hartanya. Jika keputusan mengenai kematiannya telah dibuat tetapi kemudiannya ternyata dia masih hidup, maka orang yang hilang itu tidak boleh menuntut kembali harta yang telah dihabiskan oleh waris-warisnya kecuali mengambil apa yang masih ada atau berbaki sahaja.

Ulamak sepakat menyatakan bahawa orang yang hilang berhak mewarisi harta pusaka pewarisnya, tetapi bahagiannya hendaklah ditahan atau ditangguhkan terlebih dahulu

sehinggalah terbukti dia masih hidup ataupun telah mati. Perbahasan ini akan dibincangkan oleh penulis dengan panjang lebar menerusi bab dua.

Berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, tempoh permohonan untuk anggapan mati ialah selama empat tahun kehilangan sama ada permohonan ini dibuat berdasarkan perwarisan, perwalian atau perkahwinan. Perkara ini juga telah nyata diperuntukkan di bawah seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 di dalam tajuk, beban membuktikan bahawa seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama empat tahun masih hidup. Peruntukan ini adalah sama sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950. Berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah mendengar kes permohonan anggapan mati ini adalah secara jelas dinyatakan di bawah seksyen 46 (2)(b)(ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Peruntukan ini berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah, manakala bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah di sebut di bawah seksyen 47(2)(b) akta yang sama. Perkara yang berkaitan permohonan anggapan mati, bidang kuasa dan Pelaksanaan permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab tiga.

Menurut perspektif kekeluargaan Islam, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan menyatakan di bawah seksyen 53<sup>4</sup>:-

*(1) Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat*

---

<sup>4</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 54 di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang ) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam(Negeri Pahang) 2005, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam( Negeri Johor) 2003, Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 1992, seksyen 53 di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) Tahun 1991 dan seksyen 52 di dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) 2001.

*tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 52.*

*(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu mengikut pengertian perenggan 14(4)(b).*

*(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*

*(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

Anggapan mati ini telah dinyatakan secara jelas di bawah seksyen 50, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1985 iaitu:

*(1) Jika suami seseorang perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh **tujuh tahun atau lebih**, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap menurut Hukum Syara' sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar, mengeluarkan, dalam borang yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut Enakmen ini.*

*(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti seksyen 12(4)(b).*

*(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*

*(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

Oleh itu, kajian ini akan mengupas kehilangan suami ini di atas anggapan bahawa suaminya, ataupun waris yang telah dianggap mati kerana sudah melebihi empat tahun kehilangan sepertimana yang dihukumkan oleh Umar Ibnu-Khattāb berdasarkan riwayat di atas dalam hal berkaitan undang-undang kekeluargaan Islam dan sebahagian negeri iaitu Negeri Terengganu yang memperuntukkan tempoh tujuh tahun sebagai tempoh menunggu bagi membolehkan permohonan anggapan mati ini dibuat.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini adalah berkaitan dengan permohonan anggapan mati (*presumption of death*) yang mana ianya adalah salah satu subseksyen dalam Bahagian Empat (Pembubaran Perkahwinan) di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan 2010) dan juga di bawah seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Menurut Arahan Amalan Nombor 1 Tahun 2000, permohonan anggapan mati ini mewakili Kod 015 (rujuk lampiran 1). Anggapan mati ini adalah salah satu daripada enam permohonan pembubaran perkahwinan yang mana ianya digunakan mengikut keadaan sesuatu kes. Walaubagaimanapun, pendaftaran kes bagi anggapan mati ini dapat dibahagikan dalam tiga aspek permohonan iaitu berkenaan dengan perwalian, pembubaran perkahwinan dan juga perwarisan.



Selain daripada itu, berkenaan dengan masalah kehilangan yang lama, yang memungkinkan permohonan anggapan mati ini diguna pakai adalah kerana terjadinya perkara yang buruk seperti bencana alam, kapal karam, hilang di laut yang dalam menjadikan salah satu senario yang menyebabkan penulis ingin mengkaji tajuk berkenaan anggapan mati.

Tambahan pula, penulis ingin melihat kepada implikasi permohonan anggapan mati ini yang dilakukan di Mahkamah Syariah serta Mahkamah Tinggi Sivil di dalam hal yang berkaitan dengan Undang-undang Kekeluargaan Islam di Malaysia. Jika suatu perintah anggapan mati telah dikeluarkan di Mahkamah Tinggi Sivil, sejauh manakah penerimaan perintah anggapan mati tersebut boleh diguna pakai di Mahkamah Syariah berdasarkan aspek kekeluargaan Islam?. Perkara ini akan dibincangkan di dalam bab empat yang berkaitan dengan analisis isu-isu berbangkit daripada kes permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Di samping itu juga, kajian ini akan menjelaskan bidang kuasa ataupun peruntukan yang diguna pakai oleh Mahkamah dalam mendengar kes permohonan anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam di Malaysia sama ada permohonan tersebut dibuat di Mahkamah Syariah ataupun di Mahkamah Sivil. Penulisan ini akan menjelaskan sejauh mana bidang kuasa yang dimainkan oleh kedua-dua Mahkamah ini dalam menentukan sama ada berlakunya “konflik bidang kuasa” sepertimana yang dinyatakan ataupun tidak. Perkara ini akan dibincangkan oleh penulis di dalam bab tiga penulisan ini.

Permohonan anggapan mati ini dibuat adalah berdasarkan kepada salah seorang daripada pasangan suami isteri yang telah menghilangkan diri ataupun tidak diketahui di mana dia

berada selama lebih daripada empat tahun yang melibatkan perkara kekeluargaan Islam, maka bolehlah isteri atau anak atau waris orang yang hilang itu membuat permohonan anggapan mati ini di Mahkamah Syariah.

Setelah diteliti terdapat tiga tujuan utama permohonan anggapan mati ini dibuat iaitu, pertama untuk menentukan status isteri yang ditinggalkan oleh suami tanpa khabar berita selama tempoh yang lama. Permohonan ini dibuat di bawah perkara pembubaran perkahwinan. Kedua, perkara yang berkaitan dengan perwalian seseorang perempuan yang ditinggalkan oleh walinya tanpa khabar berita dalam tempoh yang lama iaitu melebihi empat tahun bagi negeri-negeri di Malaysia kecuali Negeri Terengganu yang memperuntukkan tujuh tahun kehilangan. Ketiga, berkenaan dengan proses mendapatkan perintah faraid ataupun harta pusaka ataupun perwarisan bagi menentukan waris dan pembahagian harta faraid sama ada orang yang hilang itu layak mendapat bahagian harta pusaka ataupun harta orang yang hilang itu perlu dibahagikan kepada ahli waris yang telah ditinggalkannya. Perkara-perkara ini akan dibincangkan dengan panjang lebar di dalam kajian ini menerusi bab tiga dan juga bab empat.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Permohonan anggapan mati ini boleh dimohon di kedua-dua Mahkamah iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi dalam aspek harta yang melibatkan ahli waris. Hal ini telah disebutkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Sembilan, Senarai Dua, Senarai Negeri yang mana undang-undang diri orang Islam mengenai perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat diletakkan di dalam Senarai Negeri, probet dan surat mentadbir pusaka

masih dalam Senarai Persekutuan.<sup>5</sup> Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan diberi bidang kuasa mengenai:

*Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian: wasiat atau marad-al-maut seorang si mati Islam; waqaf atau nazar; alang masa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang Islam; dan pembahagian dan warisan harta pusaka.*

Akan tetapi, semua perkara itu masih diuruskan oleh Mahkamah Sivil dalam menjalankan bidang kuasanya mengenai probet atau surat mentadbir harta. Apa yang ditinggalkan kepada Mahkamah Syariah adalah bidang kuasa bagi menentukan orang yang berhak mendapat bahagian dari harta pusaka seorang Islam yang telah meninggal dunia atau bahagian yang mana orang itu berhak mendapatkannya sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.<sup>6</sup>

*Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-mana Mahkamah atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau satu Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masingnya berhak, Mahkamah Syariah bolehlah atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi beneficiary atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fee yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepadanya bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masing berhak.*

Fenomena ini adalah yang melibatkan isu harta orang yang hilang yang mana Mahkamah Tinggi juga mengeluarkan anggapan mati dalam masa tujuh tahun. Selain daripada itu juga,

---

<sup>5</sup> Prof. Ahmad Bin Ibrahim (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd. h.5.

<sup>6</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 14 Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001, seksyen 20 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Perlis) 1991, seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991, seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002, seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, dan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

bidang kuasa yang terdapat di Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil sedikit sebanyak menyumbangkan kepada masalah pertindihan bidang kuasa. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjelaskan bagaimana permasalahan ini dapat diselesaikan serta melancarkan proses perjalanan kes di Mahkamah Syariah.

Selain itu, di Malaysia didapati tiada pentafsiran yang khusus berkaitan dengan anggapan mati di dalam perundangan negeri. Maka jika tiada pentafsiran secara khusus mengenai anggapan mati ini di dalam undang-undang, maka Hukum Syarak akan diguna pakai sepertimana yang disebutkan di bawah seksyen 245 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998<sup>7</sup> dan perbincangan mengenai anggapan mati ini boleh dirujuk dari segi pandangan Ulama di dalam kitab-kitab klasik serta moden.

*(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu.*

*(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.*

Justeru itu ketiadaan tafsiran khusus mengenai anggapan mati di dalam peruntukan undang-undang menyebabkan penulis mencari pentafsiran yang sesuai bagi memudahkan pemahaman mengenai apa yang dimaksudkan dengan anggapan mati. Perkara ini akan dibincangkan dengan panjang lebar menerusi bab dua penulisan ini.

---

<sup>7</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 245 di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, Ordinan Tatacara Mal Syariah (Sarawak) 2001, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Johor) 2003, seksyen 264, Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 1991 dan seksyen 273 Aturcara Mal Islam (Kedah) 1979 Pindaan 1984.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- (1) Untuk mengenalpasti kedudukan anggapan mati menurut Undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia.
- (2) Untuk menganalisis permohonan dan prosedur pelaksanaan anggapan mati yang dibuat di Mahkamah Syariah di Malaysia.
- (3) Untuk mengupas isu-isu berbangkit daripada pelaksanaan anggapan mati di Mahkamah Syariah di Malaysia.
- (4) Untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang perlu untuk menjelaskan bidang kuasa yang sebenar antara Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

- (1) Membantu Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan masalah berbangkit daripada permohonan anggapan mati.
- (2) Dapat menilai sejauh mana pelaksanaan permohonan anggapan mati yang dijalankan di Mahkamah Syariah di Malaysia.
- (3) Analisis yang dibuat mampu mendedahkan isu-isu yang berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan anggapan mati di Mahkamah Syariah di Malaysia.
- (4) Cadangan yang dibuat dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan dalam menentukan bidang kuasa Mahkamah yang berkaitan.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini akan menfokuskan kepada aspek permohonan dan pelaksanaan anggapan mati yang dijalankan di Mahkamah Syariah dalam tiga aspek iaitu perwalian, perkahwinan dan juga perwarisan. Di samping itu juga, penulis turut membuat perbandingan secara umum

mengenai permohonan yang dibuat di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai pelaksanaan permohonan anggapan mati. Selain itu, penulis ingin melihat penghakiman yang dibuat oleh kedua-dua hakim Mahkamah tersebut serta Mahkamah Syariah di setiap negeri yang mempunyai kes anggapan mati berdaftar di Malaysia. Perkara ini dilakukan bagi mendapatkan perbezaan penghakiman menerusi dua jenis Mahkamah yang berbeza. Namun begitu kajian ini akan lebih menumpukan isu-isu berbangkit di Mahkamah Syariah di dalam aspek kekeluargaan tanpa mencari penyelesaian pelaksanaan permohonan anggapan mati di Mahkamah Sivil. Justeru itu, kajian ini masih terdapat ruang-ruang kosong bagi pengkaji-pengkaji lain membuat kajian bagi permohonan anggapan mati dalam aspek perwarisan di Mahkamah Sivil sekiranya Mahkamah Syariah telah mengeluarkan suatu perintah anggapan mati tersebut.

Dalam melengkapkan kajian ini, rujukan dibuat kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan Akta / Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri<sup>8</sup>, Akta / Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri<sup>9</sup>, Akta/ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri<sup>10</sup> di Malaysia serta Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

---

<sup>8</sup> Lihat Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001, seksyen 20 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Perlis) 1991, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

<sup>9</sup> Lihat Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Johor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Melaka) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pahang) 2005, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Keterangan Syariah (Sarawak) 2001, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

<sup>10</sup> Lihat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sabah)

**Jadual 1.5.1: Statistik Berdaftar Kes Permohonan Anggapan Mati (015) Bagi Negeri-Negeri Di Malaysia Dari Tahun 2005 sehingga tahun 2009**

NEGERI/TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009	KESELURUHAN KES DI NEGERI-NEGERI
JOHOR	0	1	0	0	2	3
KEDAH	0	0	0	1	0	1
KELANTAN	1	0	0	0	0	1
MELAKA	2	0	0	0	4	6
NEGERI SEMBILAN	1	0	0	0	0	1
PAHANG	1	0	0	0	0	1
PERAK	0	0	0	0	0	0
PERLIS	0	0	1	0	0	1
PULAU PINANG	0	0	0	0	0	0
SABAH	0	0	0	0	0	0
SARAWAK	0	0	0	0	1	1
SELANGOR	2	1	0	0	2	5
TERENGGANU	3	1	3	2	1	10
WILAYAH PERSEKUTUAN	0	0	0	0	1	1
JUMLAH KESELURUHAN KES BERDAFTAR DI MALAYSIA	10	3	4	3	11	31

Sumber: Statistik dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Melihat kepada jadual 1.5.1 di atas menunjukkan statistik berdaftar kes permohonan anggapan mati (015 ) bagi negeri-negeri di Malaysia dari tahun 2005 sehingga tahun 2009 di atas, sebagaimana jumlah kes yang didaftarkan dan diputuskan di Mahkamah Syariah berkaitan dengan anggapan mati yang ditunjukkan di atas adalah sedikit, malah tidak semua negeri mempunyai daftar kes yang melibatkan permohonan anggapan mati ini. Skop pemilihan berdasarkan tahun, kes yang akan dikaji adalah dari tahun 2005 sehingga 2009. Tempoh lima tahun yang diambil adalah bagi melihat rumpun permohonan yang dibuat.

Memandangkan pendaftaran kes yang kurang, penulis akan melihat kecenderungan permohonan anggapan mati pada tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2000 sehingga tahun 2004. Pandangan dari pihak yang terlibat dan yang akan terlibat dengan permohonan anggapan mati ini turut diambil rujukan supaya perkara ini dapat diambil perhatian yang meluas terutamanya melalui temu bual Hakim Syarie ataupun Pegawai Syariah yang melaksanakan tugas atau pernah melaksanakan tugas membicarakan, mendengar dan memutuskan kes permohonan anggapan mati. Perkara ini selanjutnya akan dijelaskan di dalam bab empat berkaitan dengan isu-isu berbangkit bagi kes permohonan anggapan mati.

Berdasarkan statistik ini juga, negeri yang dipilih adalah negeri yang mencatatkan kes berdaftar yang tertinggi berkenaan anggapan mati iaitu di Negeri Terengganu yang mencatatkan 10 kes, Negeri Selangor 5 kes dan Negeri Melaka 6 kes. Justeru itu, kajian ini akan melihat kepada senario permohonan yang didaftarkan, keadaan serta alasan permohonan ini dilaksanakan. Menerusi statistik inilah penulis akan membuat analisis kandungan fail kes di setiap negeri di dalam bab empat kajian ini. Manakala negeri selain Terengganu, Selangor dan Melaka, penulis akan melihat kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada serta meneliti perbezaan peruntukan antara negeri-negeri di Malaysia dengan menemu bual pihak-pihak yang beramal dengan undang-undang, sama ada Hakim, Ketua Pendaftar dan juga Peguam serta mereka yang terlibat secara langsung dalam perkara yang melibatkan perundangan.

## **1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS**

Umumnya, berdasarkan kepada pemerhatian penulis, didapati bahawa penulisan mengenai anggapan mati di Malaysia tidak menunjukkan kuantiti yang banyak, akan tetapi ianya banyak dibincangkan di dalam kitab-kitab klasik dengan panjang lebar berbanding dengan



penulisan terkini. Hal ini demikian mengenai definisi anggapan mati ini, penulis merujuk kitab klasik bagi mendapatkan kefahaman awal mengenai konsep *al-mafqūd*.

Kitab *Al-Fiqhhul Islāmī wa Adillatuhu*,<sup>11</sup> karangan Dr. Wahbah al-Zuhaili, yang memberi makna kepada *al-mafqūd* sebagai anggapan mati yang membolehkan penulis mengaplikasikan teori berkenaan seterusnya menggunakan istilah tersebut secara relevan berdasarkan keadaan semasa yang berlaku pada zaman sekarang sebagai;

هو الشخص الذي غاب عن بلده بحيث لا يعرف اثر , ومضى على فقده زمان بحيث  
لا يعرف أنه حي أو ميت .

Ertinya;

‘ *Al-mafqūd* ( المفقود ) ialah seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama hingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui mengenainya dan tidak diketahui juga sama ada dia masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia.’

Manakala kitab *Al-Fiqh Al-Manhāji*,<sup>12</sup> karangan Dr Mustafā Al-Khin, Dr. Mustafā Al-Bugha dan Ali Asy-Syarbaji, yang yang membahaskan mengenai *al-mafqūd* yang memberi makna yang sama seperti kitab yang disebutkan di atas.

Kitab ini juga membahaskan mengenai kaedah kira-kira yang membolehkan penulis mengetahui bahagian pusaka setiap pewaris serta terdapat peruntukan satu bab yang dinamakan *al-mafqūd* yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa sebagai bab orang yang hilang.

---

<sup>11</sup> Wahbah al-Zuhaili, *opcit.* h. 784-785.

<sup>12</sup> Mustafā Al-Khin, Mustafā Al-Bugha dan Ali Asy-Syarbāji, (1426H/2005M) . *Fiqhul Manhāji* . jld 2, Damsyik: Dār Qalam.

Kitab *Bughyah Al Murstarshidīn* yang juga ada membincangkan sedikit mengenai *al-mafqūd* yang membenarkan isteri itu boleh *fasakh* nikahnya kerana isteri tersebut tidak mendapatkan nafkah dan harta suaminya tidak ada di dalam kawasan dua marhalah dari tempat itu. Selain daripada itu, kitab *Al-Mawārith fi Al-Syari'ah Al-Islāmiyah fi Dhawil al-Kitāb wa Al-Sunnah* karangan Al-Shaykh Muhammad Ali Al-Sabuni,<sup>13</sup> yang menyebut mengenai sebab-sebab perwarisan yang berkaitan dengan anggapan mati.

Rujukan daripada kitab-kitab klasik ini juga akan dibahaskan dengan panjang lebar dalam bab dua dengan mengumpulkan contoh-contoh yang relevan pada masa sekarang. Melihat kepada tajuk kajian penulis iaitu pemohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah di Malaysia, didapati masih tidak terdapat kajian secara khusus yang berkaitan dengan kajian penulis dibuat. Walaubagaimanapun, penulisan-penulisan lain yang ada membincangkan bab-bab kecil mengenai anggapan mati ini banyak membantu penulis dalam memperolehi maklumat terkini mengenai maksud kajian serta aplikasinya dalam permohonan anggapan mati ini yang dibuat di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Antara penulisan yang dapat membantu penulis ialah buku yang bertajuk “Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia”, yang ditulis oleh Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azahari.<sup>14</sup> Buku ini mengulas pelaksanaan hukum kekeluargaan di Malaysia dengan mengambil kira sama ada ianya bertepatan atau sebaliknya dengan konsep asal sebagaimana yang diterangkan oleh para fuqaha dalam penulisan dan pengajaran mereka. Buku ini juga banyak merujuk kepada pandangan-pandangan para fuqaha, meskipun pandangan Mazhab Syāfi’ī diberi perhatian berat

<sup>13</sup> Al-Shaykh Muhammad Ali Al-Sabūni (1407 H / 1987 M ). *Al-Mawārith fi Al-Syari'ah Al-Islāmiyah fi Dhawil al-Kitāb wa Al-Sunnah*, Cetakan Kelima, Al-Sobani. h. 36.

<sup>14</sup> Mahmud Zuhdi dan Raihanah Azahari ( 1989 ). *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

namun pandangan-pandangan mazhab lain juga turut diberi perhatian yang wajar atas dasar bahawa perundangan Islam itu sebenarnya satu gagasan yang merangkumi semua mazhab yang ada di dalamnya, dan dengan pengertian bahawa perbezaan pendapat di kalangan mazhab-mazhab itu sebenarnya satu fenomena yang boleh mendatangkan banyak kebaikan jika diterima dengan sikap yang positif. Tambahan pula buku ini banyak membicarakan kes-kes berdasarkan peruntukan dalam perundangan kekeluargaan Islam yang hanya menyentuh mengenai anggapan mati di dalam perkara pembubaran perkahwinan. Buku ini sedikit sebanyak membantu penulis membuat suatu perbahasan berdasarkan teori yang dipersembahkan di dalam penulisan buku tersebut.

Anggapan mati ini adalah salah satu jenis permohonan ataupun tuntutan untuk pembubaran perkahwinan yang mana rujukan telah dibuat terhadap artikel Raihanah Abdullah di dalam Jurnal Syariah 5 bilangan 1 yang bertajuk “Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh”.<sup>15</sup> Artikel ini membincangkan alasan membubarkan perkahwinan melalui *fasakh* yang mana anggapan mati ini dapat dinyatakan dengan alasan suami hilang. Hilang di sini tidak dikira sama ada hilang sekejap ataupun hilang yang lama. Justeru itu, artikel ini memberi gambaran yang jelas bahawa alasan pembubaran perkahwinan bagi anggapan mati memerlukan tempoh kehilangan empat tahun bagi negeri-negeri di Malaysia kecuali di Negeri Terengganu yang memperuntukkan tujuh tahun.

Menerusi aspek perwarisan Islam, pembacaan awal telah dilakukan dengan meneliti konsep perwarisan ini dari segi pengertian, hukum, rukun, dasar umum, syarat perwarisan dan sebagainya di dalam buku mengenai ‘Institusi Kekeluargaan Islam’ di dalam bab sembilan

---

<sup>15</sup> Raihanah Abdullah (1997). *Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh*, Jurnal Syariah 5(1): 51-62. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

iaitu Perpaduan Keluarga Melalui Harta (Faraid),<sup>16</sup> yang dikarang oleh Mustafa Haji Daud yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pembacaan ini memberi penjelasan kepada penulis mengenai perkara yang timbul dari aspek perwarisan serta mengaitkan dengan isu anggapan mati di dalam perwarisan Islam ini. Kupasan berkaitan dengan anggapan mati berdasarkan perwarisan Islam ini akan dibincangkan melalui analisis kes di dalam bab empat penulisan ini.

Selain daripada itu, perkara berkaitan dengan anggapan mati dapat diselami kefahamannya menerusi pembacaan daripada buku yang diterbitkan oleh Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk,<sup>17</sup> “Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia”. Buku ini membincangkan mengenai undang-undang Pusaka Islam (Faraid) secara terperinci. Perbincangan yang meliputi konsep undang-undang pusaka Islam, waris-waris yang terlibat dan pembahagiannya, doktrin *al-hajb*, *al-awl* dan *al-radd*. Di samping itu, dalam buku ini disertakan cara pengiraan harta pusaka dan beberapa kes perwarisan waris-waris tertentu seperti janin, khuntha dan orang yang hilang iaitu yang dianggap mati.

Buku ini memberi fokus mengenai undang-undang pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia dengan melihat kepada jenis-jenis harta pusaka dan undang-undang yang berkaitan serta peranan Mahkamah Syariah. Maka menerusi buku inilah, penulis mendapatkan gambaran yang jelas bagi mengupas isu-isu yang berkaitan dengan anggapan mati berdasarkan aspek kehartaan orang Islam yang melibatkan anggapan mati. Selain daripada itu juga, buku ini banyak membantu penulis memahami secara mendalam konsep

---

<sup>16</sup> Mustafa Haji Daud. (1997). *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 126-137.

<sup>17</sup> Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang. (2006). *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 145-148.

anggapan mati berdasarkan perwarisan Islam serta pembahagian yang perlu dilaksanakan mengikut Hukum Syarak turut diambil perhatian.

Dalam bab empat penulisan ini, penulis akan membincangkan mengenai bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil. Penulis juga akan mengupas aspek ini di dalam bab tiga yang mana penulis telah membuat pembacaan menerusi penulisan “ Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes *Jumaaton lwn Raja Hizaruddin* ” oleh Tajul Aris Ahmad Bustami<sup>18</sup> iaitu yang menerangkan dan merungkaikan segala permasalahan dalam konteks pembahagian harta pusaka khususnya isu yang melibatkan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia. Secara amnya, bab di dalam penulisan tersebut terbahagi kepada tiga perbincangan utama iaitu bahagian pertama yang akan mengimbas kembali sejarah ringkas undang-undang faraid di kalangan masyarakat Melayu dan pengaruh undang-undang Inggeris ke atas sistem tersebut sewaktu penjajahan British di Tanah Melayu. Bahagian kedua ini menyentuh secara ringkas tentang kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang diguna pakai dalam pentadbiran dan prosedur pembahagian harta pusaka Islam. Bahagian terakhir bab ini mengandungi analisis kes *Jumaaton dan satu lagi lwn Raja Hizaruddin* dalam ruang lingkup bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tentang hal-hal perwarisan. Kesimpulan di dalam bab ini, penulis mendapati bahawa anggapan mati berdasarkan perwarisan termasuk di dalam isu perwarisan sepertimana yang dibincangkan di dalam buku ini adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh itu penulis akan mengambil pendekatan analisis kes sepertimana di dalam penulisan tersebut dan merujuk kepada kes anggapan mati yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah

---

<sup>18</sup> Tajul Aris Ahmad Bustami (2005). Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas Kes *Jumaaton lwn Raja Hizaruddin* dalam *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Farid Sufian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 25-53.

di Malaysia. Prinsip yang telah digunakan di dalam kes tersebut ialah berkaitan dengan pendekatan “subject matter” dan “remedy prayed for approach” akan diaplikasikan oleh penulis dalam menganalisa kes anggapan mati yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan skop kajian kes yang telah penulis pilih.

Melihat kepada aspek keterangan pula dapat dilihat dalam penulisan mengenai prosedur permohonan anggapan mati ini. Pembacaan yang banyak dibuat di dalam buku “Tinjauan Kepada Perundangan Islam di Malaysia”<sup>19</sup> yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia yang mana Dato’ Munir Yaakub sebagai penulisnya. Pembacaan terhadap buku ini membantu penulis bagi mengetahui sejauh mana aspek keterangan banyak digunakan dalam sesuatu perbicaraan serta mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh hakim dalam membuat keputusan dengan menggunakan aspek-aspek keterangan menerusi kes anggapan mati.

## **1.7 KAEDAH PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS DATA**

Kajian ini menggunakan beberapa metod yang akan digunakan yang mana difikirkan sesuai bagi memudahkan lagi pengumpulan data dan membuat penyusunan isi.

### **1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Metod pengumpulan data telah digunakan bagi mendapatkan dan mengumpulkan data yang diperlukan bagi tujuan penulisan kajian ini. Metod ini digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang relevan dan mempunyai kaitan dengan tajuk kajian seperti perkara yang berkaitan dengan anggapan mati berdasarkan Undang-undang Keluarga Islam

---

<sup>19</sup> Munir Yaakub. (2007). *Tinjauan Kepada Perundangan Islam di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

yang terdiri daripada pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan. Metod tersebut ialah:-

**a) Kajian Perpustakaan**

Pengumpulan bahan yang dibuat berdasarkan penyelidikan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat awal berhubung dengan penulisan dan pengkajian ini telah dilakukan. Bahan-bahan tersebut terdiri daripada kitab-kitab fiqh terutamanya kitab bahasa arab, kitab tafsir, buku-buku, kertas kerja dari persidangan dan seminar, jurnal serta laporan kes (laporan rasmi) yang berkaitan dengan kajian ini.

Antara perpustakaan-perpustakaan yang terlibat bagi mengumpul bahan kajian ini ialah:

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Negara.
5. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
6. Perpustakaan Pusat Islam.
7. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. Perpustakaan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan.

**b) Kajian Lapangan**

Sebelum menentukan kajian lapangan ini, suatu ujian rintis telah dilakukan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dan Mahkamah Tinggi Syariah Perlis bagi melihat bentuk fail kes permohonan anggapan mati ini. Sebanyak 6 kes telah dikenal pasti dan

diteliti yang mana ianya diperolehi sebanyak 5 kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dan sebanyak 1 kes sahaja yang didapati di Mahkamah Tinggi Syariah Perlis. Pemilihan fail kes ini dibuat secara rawak berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dari tahun 2005 hingga tahun 2009.

Setelah diteliti semua fail kes tersebut, terdapat tiga jenis alasan yang dibuat berdasarkan permohonan anggapan mati ini iaitu pertama, berkaitan dengan perwalian untuk berkahwin. Kedua, adalah untuk status perempuan yang kehilangan suami ini secara *al-mafqūd*. Ketiga, ialah untuk urusan harta pusaka sama ada menuntut harta atau pembahagian sesuatu harta pusaka (faraid).

Seterusnya dengan melihat kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada tahun 2005 hingga tahun 2009 terdapat 31 jumlah permohonan anggapan mati yang dibuat. Berdasarkan jumlah tersebut, terdapat tiga buah negeri yang menyumbangkan jumlah berdaftar yang tertinggi iaitu Negeri Terengganu yang mencatatkan 10 kes, Negeri Selangor 5 kes dan Negeri Melaka 6 kes. Oleh yang demikian pemilihan ini dibuat terhadap tiga buah negeri ini sahaja dan mengambil kes-kes ini dari tahun 2005 hingga tahun 2009 dan meneliti fail-fail kes dari permohonan yang dibuat sehinggalah keputusan dibuat. Justeru itu, sejumlah 21 kes (67.74%) ini akan dijadikan sampel dan mengambil populasi bagi mewakili semua kes anggapan mati yang berdaftar di Malaysia seterusnya menjelaskan kedudukan permohonan ini dibuat serta pelaksanaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia.



Dalam menambahkan lagi maklumat-maklumat yang sedia ada agar menjadi lebih terperinci, sesi temu bual bersama Hakim Mahkamah Syariah, Pendaftar serta Pegawai Syariah bagi mendapatkan pendedahan berkaitan tajuk ini yang akan dilaksanakan dengan memberikan fokus kepada Pegawai Syariah yang berkhidmat ataupun pernah berkhidmat sebagai Hakim dengan memberi fokus kepada Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga di Negeri Selangor kerana Pegawai-pegawai Syariah di lokasi ini pernah berkhidmat di pelbagai negeri dan juga pelbagai bidang.

#### **c) Kaedah Pemerhatian**

Melalui kaedah pemerhatian, data-data dapat dikumpul dengan penglibatan penulis secara langsung dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan permohonan anggapan mati sama ada di dalam kes perwalian, perwarisan dan juga pembubaran perkahwinan. Kaedah pemerhatian ini penting bagi penulis mendapatkan pandangan mengenai sesuatu isu anggapan mati secara langsung. Kajian pemerhatian ini menyumbangkan data dengan tepat di mana data-data itu direkodkan secara langsung sepertimana tingkah laku itu diperhatikan pada ketika kajian itu dilaksanakan.

#### **d) Kaedah Temu bual**

Penulis juga menggunakan metod temu bual untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas. Metod ini amat penting bagi mendapatkan maklumat lanjut yang diperlukan mengenai tajuk kajian ini sebagai sokongan terhadap data-data kajian terutamanya apabila menyentuh sesuatu isu yang berbangkit dari penelitian kes yang telah dianalisis. Metod temu bual akan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan serta pandangan daripada Responden yang telah dikenal pasti dan dijangka dapat membantu dalam

menghasilkan kajian ini dengan berkesan. Temu bual dijalankan dalam bentuk formal dan berstruktur berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan secara bertulis dan akan dihantar kepada Responden terlebih dahulu. Di samping itu, temu bual tidak berstruktur turut digunakan seperti temu bual bersemuka dengan bertanya isu-isu secara lisan selain daripada soalan yang dirangka secara bertulis. Temu bual melalui telefon dan juga temu bual kaedah *email* turut digunakan dalam menjalankan kajian ini. Jenis-jenis temu bual ini digunakan sepenuhnya oleh penulis bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan serta mengukuhkan hipotesis melalui dapatan analisis data daripada penelitian kes-kes yang dikenal pasti.

### **1.7.2 Kaedah Analisis Data**

Setelah segala data yang diperlukan dapat dikumpul melalui metod tadi, maka proses-proses analisis fail kes (dokumen rasmi) yang dikumpul melalui tiga negeri ini akan dibuat analisis kandungan (*contents* analisis) dengan mengenalpasti unit analisis. Penulis memilih analisis kandungan secara *konseptual* dengan mengutamakan huraian dan juga penjelasan unit analisis dari segi perkataan dan juga ayat dalam fail kes yang terdiri daripada permohonan, affidavit, ekshibit yang dilampirkan, penghujahan pihak peguam, alasan penghakiman dan juga perintah ataupun keputusan yang dikeluarkan bagi kes permohonan anggapan mati ini. Selain daripada kaedah analisis kandungan, analisa kes permohonan anggapan mati ini akan melalui kaedah-kaedah yang disebutkan di bawah:

**a) Metod Deduktif**

Melalui kaedah ini, penghuraian masalah dengan terperinci dapat dilakukan. Cara menganalisis dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir bagi mencari bukti-bukti berasaskan kepada dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus dapat dibuat.

**b) Metode Komparatif**

Kesimpulan dapat dibuat melalui perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa membuat penelitian. Oleh itu, melalui kajian ini dapatlah dibuat perbandingan data-data serta maklumat yang diperolehi. Perbandingannya dengan melihat kepada Mahkamah iaitu antara Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Syariah. Seterusnya perbandingan antara anggapan mati yang dibuat di dalam bab Undang-undang Keluarga Islam iaitu berkaitan dengan perwalian, perkahwinan yang lain dan juga perwarisan iaitu berkaitan dengan permohonan pengeluaran sijil faraid bagi harta pusaka (faraid) turut diberi penekanan. Semua kaedah-kaedah yang dikumpul untuk mendapatkan data yang telah disebutkan, digunakan sepenuhnya dalam menganalisa kes-kes yang berkaitan secara mendalam.

## **BAB II**

### **KONSEP ANGGAPAN MATI BERDASARKAN HUKUM SYARAK**

---

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Berdasarkan kepada perbincangan permohonan anggapan mati di dalam bab ini, penulis akan membincangkan berkaitan dengan konsep anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam yang melibatkan isu pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan. Perkara-perkara ini akan dilihat satu persatu dari segi konsep dan perbahasan berdasarkan Hukum Syarak. Seterusnya di dalam bab ini, penulis akan menjelaskan apakah asas tempoh masa permohonan anggapan mati berdasarkan peruntukan undang-undang yang diguna pakai. Penjelasan konsep anggapan mati ini akan di sentuh antaranya mengenai pengertian anggapan mati dari segi bahasa dan istilah, dalil anggapan mati, batasan waktu anggapan mati dan sebagainya. Di samping itu juga dalam membincangkan anggapan mati dari segi Hukum Syarak, perbincangan berkenaan aspek keterangan dalam membicarakan permohonan anggapan mati turut dibincangkan di dalam bab ini. Sedikit sebanyak perbincangan di dalam bab ini akan memberi penjelasan yang jelas bagi bab seterusnya di dalam kajian ini.

#### **2.1 PENGENALAN ANGGAPAN MATI**

Anggapan mati boleh difahami apabila seseorang suami yang menghilangkan diri dari negeri serta isterinya dan tiada siapa yang dapat mengesannya untuk sekian lama dan tidak

ada siapa pun yang tahu sama ada dia hidup ataupun mati. Maka bolehlah dinyatakan di sini bahawa suami yang hilang ini dianggap sebagai mati.<sup>20</sup>

Perkara ini dapat dilihat dalam dua keadaan iaitu pertama, hilang atau tidak diketahui sama ada hidup atau mati. Kedua, apabila suami merantau meninggalkan isterinya dalam jangka masa yang lama. Keadaan-keadaan itu boleh membawa kemudharatan kepada isterinya. Para Ulama berselisih pendapat sama ada membenarkan isteri tersebut membuat permohonan atau sebaliknya.

Mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat seseorang isteri itu berhak memohon *fasakh* kepada mahkamah kerana kehilangan suami sama ada sekejap atau lama yang mana boleh membawa kemudharatan walaupun meninggalkan harta bagi isteri kerana hak-hak yang wajib diberikan oleh suami telah terhalang.

Kedua-dua mazhab ini mengambil pendapat dan amalan Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar kerana telah maklum pendapat sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w diterima sebagai Hukum Syarak berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.<sup>21</sup>

عن خذيفة رضى الله عنه عن النبي (ص) قال : افتدوا بالذين من بعدى بكر  
وعمر.

Ertinya: *Daripada Huzaiifah r.a daripada Rasulullah s.a.w sabdanya, "ikutlah petunjuk dua orang iaitu Abu bakar dan Umar, sesudah aku tiada lagi".*

(Riwayat Tarmidzi)

<sup>20</sup> Wahbah al-Zuhayli, (1405H/1985M) *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dār al- Fikr, Damsyik, Syria, jil. 5. h. 769. Cet Ke-2.

<sup>21</sup> Muhammad Khatib As-Sharbinī (1955), *Mughnī al- Muhtāj*, Dār al- Kutub Al-Ilmiah. Beirut. Lubnan. jld. 8, h. 251.

Bagi Mazhab Syāfi'ī dan Hanafi, mereka tidak mengharus *fasakh* sama ada kehilangan itu lama atau sekejap. Hilang suami bukanlah satu kezaliman disebabkan tidak memberi nafkah batin kerana suami tidak wajib untuk sentiasa menunaikan nafkah batin. Mereka berpendapat tidak ada dalil-dalil syarak yang memberikan hak kepada wanita untuk membubarkan perkahwinan.

Mazhab Hanafi berdalilkan hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Mughirah bin Syu'bah;

قال رسول الله (ص) : امرأة المفقود امرأته حتى يأتيها البيان

*Ertinya: Seorang isteri yang kehilangan suami masih lagi isteri baginya sehingga didatangkan keterangan.*

Mazhab Hanafi sependapat dengan Mazhab Syāfi'ī yang mana Mazhab Syāfi'ī berdalilkan pada *al-athār* yang menjelaskan tidak boleh *fasakh*.<sup>22</sup>

اخبرنا يحيى بن حسان عن او عوانه عن منصور عن ابي المنهال ابن عمر  
عن عبد الله الاسدي عن على رضى الله عنه انه قال : فى امرأة المفقود :  
انها لا تتزوج

*Ertinya :*

*Dikhabarkan kepada kami oleh Yahya bin Hassan dari Mansur, dari Abi Minhal bin Umar dari Abdullah al-asādi daripada Ali r.a berkata, " isteri yang kehilangan suami tidak boleh berkahwin.*

Maksudnya ialah tidak boleh isteri berkahwin lain selagi belum jelas kehilangan suaminya itu. Begitu juga sekiranya kadi mengetahui tempat tinggalnya, kadi hendaklah menghubungi tempat suami itu berada supaya memerintahkan beliau memberi nafkah kepada tanggungannya.

---

<sup>22</sup> Wabhab al-Zuhailī , *Op.Cit* .

Dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj* dinyatakan hujah bagi pendapat Mazhab al-Syāfi'ī iaitu suami yang telah mencampuri isterinya tidak diwajibkan lagi memberi nafkah batin. Oleh itu apabila suami meninggalkan isterinya dia dianggap tidak membuat zalim. Justeru itu isterinya tidak boleh menuntut cerai.

Bagi mazhab yang membenarkan pembubaran perkahwinan kerana suami hilang, mereka bersepakat penceraian hendaklah melalui hakim kerana kes-kes itu memerlukan penyiasatan dan penelitian oleh pihak Mahkamah.

Setelah diteliti, didapati Mazhab Hanbāli dan Maliki yang mengharuskan *fasakh* kerana hilang adalah lebih utama dan wajar. Hal ini kerana yang hilang sudah tentu tidak dapat menunaikan kewajipan terhadap isterinya kerana dianggap teraniaya apabila ditinggalkan suami tanpa nafkah zahir dan batin.

Oleh itu, kajian ini akan mengupas kehilangan suami ini di atas anggapan bahawasanya suaminya itu mati kerana sudah melebihi empat tahun sepertimana yang dihukumkan oleh Umar Ibnu-Khattab berdasarkan riwayat di atas.

## **2.2 TAKRIF ANGGAPAN MATI DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH**

*Al-mafqūd* adalah perkataan dari bahasa Arab “فقد” secara harfian bermakna “hilang” atau lenyap yang dikatakan *faqadtu asy-syai'a idzā adha'tuhu* (sesuatu dikatakan hilang apabila ia tidak ada). *Al-mafqūd* adalah *isim maf'ul* berasal dari kata: **فقد-يفقد-فقدا-مفقودا** yang

memberi makna hilang.<sup>23</sup> Berdasarkan firman Allah di dalam surah Yusuf ayat 72 yang menyatakan;

قَالُوا نَفَقْدُ صُوعَ الْمَلِكِ وَلَمَن جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ



Ertinya:

*"Penyeru-penyeru itu berkata: 'Kami kehilangan piala raja, dan siapa yang dapat mengembalikannya akan memperoleh bahan makanan (seberat) beban unta, dan aku menjamin terhadapnya.'"*

Secara istilah ada beberapa pengertian berkaitan dengan *al-mafqūd*. Antaranya ialah orang yang tidak diketahui di mana setelah sekian waktu menghilang dari tempatnya,<sup>24</sup> ataupun orang yang hilang, terputus beritanya, dan tidak diketahui khabarnya adakah masih hidup atau sudah mati.<sup>25</sup>

Terdapat juga istilah *fiqh* yang berkaitan dengan *al-mafqūd* yang member makna “orang hilang” yang tidak diketahui khabar beritanya kerana meninggalkan tempat tinggalnya, tidak dapat dipastikan domisilnya dan tidak pula diketahui apakah dia masih hidup atau sudah mati.<sup>26</sup>

Dari beberapa pengertian, baik dari aspek bahasa mahupun dari segi istilah, *al-mafqūd* dimaksudkan sebagai sebutan terhadap orang yang tidak diketahui tentang hidup atau matinya, oleh sebab kehilangannya tidak dapat diketahui di mana berada dan di mana

<sup>23</sup> Mahmud Yunus, *Kamus Arab Indonesia*, (Jakarta : Yayasan Penyelenggara Penterjemah Pentafsiran al Qur'an, 1973), h. 280.

<sup>24</sup> Muhammad Jawad Mughniyah, *Fiqh Lima Mazhab*, (Jakarta : Bukti Press, 1988), h.108.

<sup>25</sup> Muhammad Ali Al- Sobuni, *Al Mawārīth fi al Syarī'ah al Islāmiyyah 'ala Dhawil Kitāb Wa al -Sunnah, 1399 H / 1979*, Cet ke-2, h. 196.

<sup>26</sup> Ahmad Rofiq, *Fiqh al- Mawārīth*, (Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada, 1988), h. 138.



tempat tinggalnya. Namun yang lebih ditekankan dalam konteks ini adalah persoalan mengenai kepastian hidup atau matinya seseorang yang hilang itu.

Sedangkan menurut istilah para fuqaha, *al-mafqūd* bererti orang yang hilang, terputus beritanya, dan tidak diketahui di mana dia berada, apakah dia masih hidup atau sudah mati. Anggapan mati berdasarkan pendapat para fuqaha dapat dikaitkan dengan ghaib atau hilang tanpa khabar berita. Oleh itu anggapan mati dari segi bahasa ialah *المفقود الخبر* iaitu hilang tanpa khabar berita. Manakala dari segi istilahnya ialah tidak menghantar berita serta tidak menunjukkan dirinya kepada orang yang berkepentingan atau yang sepatutnya tahu di mana dia berada.

### **2.3 TAKRIF ANGGAPAN MATI BERDASARKAN PENDAPAT MAZHAB**

Anggapan mati<sup>27</sup> mengikut pendapat Imam Malik ialah apabila seorang suami ghaib, tidak diketahui tempatnya dan tidak pula sampai kepada isterinya khabar atau berita daripadanya, maka wajib ke atas isteri menunggu selama empat tahun, iaitu masa yang paling panjang bagi seseorang perempuan itu hamil. Kemudian hendaklah beriddah dengan iddah perempuan yang kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari, kerana *diihtimalkan* (diandaikan) bahawa dia telah mati.

Selepas daripada tempoh itu bolehlah perempuan itu berkahwin lagi. Suami berkenaan tidak boleh lagi memiliki isterinya kembali kerana dia telah dihukumkan bersalah atas alasan tidak memberitahu di mana dia berada, sama ada kepada isterinya atau penduduk

---

<sup>27</sup> Mahmood Zuhdi & Raihanah Azahari, (1989). *Undang-undang Keluarga Islam, Konsep & Pelaksanaannya di Malaysia*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

kampung di mana dia tinggal. Tetapi perkara ini hendaklah berlaku dengan keizinan suami berkenaan terlebih dahulu.

Perkara ini berdasarkan *athār* yang diriwayatkan oleh Imam Malik yang berbunyi.<sup>28</sup>

عن عمر رضى الله عنه قال ايما امرأة فقدت زوجها ولم تدر أين هو فانها  
تنتظ اربع سنين ثم تعتد اربعة اشهر و عشر ثم تحل

*Ertinya: “ Daripada Umar r.a., beliau telah berkata ; siapa jua perempuan yang hilang suaminya sedangkan dia tidak tahu di mana suaminya itu, maka hendaklah dia menunggu selama empat tahun. Kemudian daripada itu, dia beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian halallah dia berkahwin.”*

Imam Syāfi’ī pula berpendapat, jika ada bukti yang menunjukkan bahawa seseorang suami itu telah meninggal dunia, atau seorang hakim telah menghukumkan kematiannya setelah berlalu suatu tempoh masa itu, maka barulah isterinya memulakan iddahya dan setelah habis iddahya, bolehlah dia berkahwin lagi serta dia berhak pula mendapat haknya daripada pusaka suaminya.<sup>29</sup>

Menurut pendapat dalam mazhab lama (hakimm) dari Imam Syāfi’ī hendaklah isteri tersebut menunggu selama empat tahun sebelum dia mulai beriddah dengan iddah kematian suami iaitu selama empat bulan sepuluh hari. Menurut pendapat ini lagi, adalah harus menangguhkan pembahagian harta pusaka suami tersebut sehingga benar-benar diyakini kematiannya.

<sup>28</sup> Al-Nawāwī, *Op.Cit.*, h.105. Al Kasānī, Alauddin, *Op.Cit.*, J. 3, h. 191-192. Al-Ramli, *Nihāyat al- Muhtāj*, h. 121, J. 7.

<sup>29</sup> *Ibid.*

Jika didapati suami tersebut masih hidup selepas isterinya berkahwin lain, maka dihukumkan perempuan itu tetap menjadi isterinya sekalipun dia telah dihukumkan oleh kadi sebagai sudah mati. Tetapi dia tidak boleh bersetubuh dengan isterinya kecuali selepas perempuan itu beriddah dengan sebab perkahwinannya dengan suaminya yang kedua, kerana persetubuhannya dengan suaminya yang itu dihukumkan syubhat.

#### 2.4 BATAS WAKTU UNTUK MENENTUKAN BAHAWA SESEORANG HILANG ATAU MATI<sup>30</sup>

Hukum asal orang yang hilang itu adalah “hidup” sesuai dengan kaedah: *الأصل بقاء ما كان على ما كان* yang memberi makna;<sup>31</sup> Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya. Oleh kerana itu, harta orang yang hilang tidak boleh dibahagi-bahagikan sehingga ada kepastian mengenai kematiannya.

Terdapat dua pertimbangan hukum yang dapat digunakan dalam mencari kepastian status hukum bagi orang yang hilang, sama ada orang yang hilang itu masih hidup atau sudah meninggal dunia.

Pertimbangan hukum yang pertama adalah berdasarkan bukti-bukti yang dapat diterima secara Syarak. Hal ini didasarkan dengan kaedah asas iaitu;

*الثابت بالبرهان كالثابت بالعيان*

*Ertinya;*

*Sabit berdasarkan bukti keterangan seperti sabitnya berdasarkan kenyataan”<sup>32</sup>*

<sup>30</sup> Muhammad Ali As-Sobūnī, (1995) *Pembahagian Waris Menurut Islam*, terj. A.M. Basamalah, Gema Insani Press, Jakarta.

<sup>31</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqa'. ( 1938M-1357H), *Syarh al-Qawāid al-Fiqhiyyah*, Cet. Ke-2, Damsyik: Dār al-Qalm. h. 87.

<sup>32</sup> *Ibid.* h. 368.

Justeru itu, di dalam keadaan sebagai ahli waris, jika hakim telah memutuskan bahawa seseorang yang hilang itu telah mati maka harta orang yang hilang itu boleh dibahagikan mengikut bahagian masing-masing.

Manakala pertimbangan hukum yang kedua iaitu bersandarkan kepada batas waktu lamanya kehilangan orang yang hilang itu. Bagi penentuan batas waktu orang yang hilang ini, para fuqaha pula berbeza pendapat.<sup>33</sup>

Mazhab Hanafi berpendapat bahawa orang yang hilang dan tidak diketahui di mana berada dapat dinyatakan sebagai orang yang sudah mati dengan melihat orang yang sebaya di wilayahnya atau tempat dia tinggal. Apabila orang-orang yang sebaya dengannya sudah tidak ada, maka ia dapat diputuskan sebagai orang yang sudah meninggal. Dalam riwayat lain, dari Abu Hanifah, menyatakan bahawa batasnya adalah sembilan puluh tahun.<sup>34</sup>

Sedangkan Mazhab Maliki berpendapat bahawa batasnya adalah tujuh puluh tahun. Hal ini berdasarkan hadith secara umum yang menyatakan bahawa umur umat Muhammad saw antara enam puluh hingga tujuh puluh tahun.<sup>35</sup>

Dalam riwayat lain, dari Imam Malik, disebutkan bahawa isteri orang yang hilang di wilayah Islam dibolehkan mengadu kepada hakim untuk menghantar surat kepada orang yang hilang itu supaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan syarat isteri tersebut mendapatkan maklumat secara jelas melalui saranan dan prasarana yang ada. Apabila langkah tersebut mengalami kegagalan, maka hakim memberikan tempoh bagi isterinya

---

<sup>33</sup> *Al-Bada'ī*, jld.5, h. 196; *Fath al-Hakimr*, jld. 3, h. 440; *Tabyin al-Haqā'iq*, jld. 6, h. 202; *al-Durr al-Mukhtār*, jld. 3, h. 360; *al-Syarh al-Saghīr*, jld. 2, h. 694, dan *Muhadhdhab*, jld. 2, h. 146; *Kasyaf al-Qina'*, jld. 5, h. 487.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> *Ibid.*

selama empat tahun untuk menunggu. Apabila tempoh masa empat tahun telah sampai dan orang yang hilang belum juga ditemui atau dikenali mayatnya, maka bermulalah untuk menghitung hari 'iddahnya sebagaimana lazimnya isteri yang ditinggal mati suaminya, iaitu empat bulan sepuluh hari. Apabila selesai tempoh iddahnya, maka perempuan tersebut dibolehkan untuk bernikah lagi.<sup>36</sup>

Sedangkan dalam Mazhab Syāfi'ī dinyatakan bahawa batas waktu orang yang hilang adalah sembilan puluh sembilan tahun, iaitu dengan melihat umur orang-orang yang sebaya di wilayahnya. Namun, pendapat yang paling sahih menurut anggapan Imam Syāfi'ī ialah bahawa batas waktu tersebut tidak dapat ditentukan atau dipastikan. Akan tetapi, cukup dengan apa yang dianggap dan dilihat oleh hakim, kemudian hakim tersebut mensabitkan orang yang hilang itu sebagai telah mati. Hal ini demikian, menurut Imam Syāfi'ī, seorang hakim hendaklah berijtihad kemudian mensabitkan bahawa orang yang hilang itu dihukumkan sebagai *al-mafqūd* iaitu sebagai orang yang sudah mati.<sup>37</sup>

Sementara itu, Mazhab Hanbali berpendapat bahawa apabila orang yang hilang itu dalam keadaan berkemungkinan kematiannya itu dalam kejadian terjadinya peperangan, atau menjadi salah seorang penumpang kapal yang tenggelam atau karam maka hendaklah menunggu kepastian itu selama empat tahun. Apabila setelah empat tahun belum juga ditemui atau belum diketahui beritanya, maka hartanya boleh dibahagikan kepada ahli warisnya. Demikian juga isterinya, ia hendaklah menunggu masa 'iddahnya, dan isteri orang yang hilang boleh bernikah lagi setelah masa 'iddah yang dijalannya selesai.

Namun, apabila hilangnya orang yang hilang itu bukan dalam berkemungkinan meninggal, seperti pergi untuk berniaga, melancong, atau untuk menuntut ilmu, maka Imam Ahmad

---

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> *Ibid.*

dalam hal ini memiliki dua pendapat. Pertama, menunggu sampai perkiraan umurnya mencapai sembilan puluh tahun. Sebab sebahagian besar umur manusia tidak mencapai atau tidak melebihi sembilan puluh tahun. Kedua, menyerahkan seluruhnya kepada ijtihad hakim. Apabila sahaja hakim mensabitkan orang yang hilang sebagai telah mati, maka itulah yang berlaku.<sup>38</sup>

Berdasarkan penerangan dari pelbagai mazhab, pendapat Mazhab Hanbali dalam hal ini lebih rajih (lebih tepat), dan pendapat inilah yang dipilih oleh Ulama Mazhab Hanafi dan disepakati oleh banyak Ulama lainnya. Sesuatu perkara itu, memang tidak tepat jika hal ini hanya disandarkan pada batas waktu tertentu, dengan alasan berbezanya kawasan dan keadaan. Misalnya, orang yang hilang pada saat peperangan dan pertempuran, atau banyak perompak dan penjahat, akan berbeza halnya dengan orang yang hilang bukan dalam keadaan yang demikian. Perkara ini menunjukkan ijtihad dan usaha seorang hakim sangat penting dalam mencari kemungkinan dan tanda-tanda kuat yang dapat menentukan pensabitan seseorang itu masih hidup atau sudah mati. Ini adalah suatu pendapat yang lebih mendekati kepada wujudnya kemaslahatan terhadap masyarakat.

## 2.5 DALIL ANGGAPAN MATI

Perkara anggapan mati ini adalah berdasarkan *athār* yang diriwayatkan oleh Imam Malik yang boleh menjadi dalil permohonan anggapan mati dibuat oleh isteri yang ditinggalkan iaitu.<sup>39</sup>

عن عمر رضى الله عنه قال ايما امرأة فقدت زوجها ولم تدر أين هو فانها تنتظ اربع سنين ثم تعتد أربعة اشهر و عشر ثم تحل

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Al-Nawāwī, *Op. Cit.*, h.105. Al Kasani, Alaudin, *Op. Cit.*, J.3, h.191-192. Al-Ramli, *Nihāyat al- Muhtāj*, J. 7. h. 121.

*Ertinya:*

*“ Daripada Umar r.a., Beliau telah berkata ; Siapa jua perempuan yang hilang suaminya sedangkan dia tidak tahu di mana suaminya itu, maka hendaklah dia menunggu selama empat tahun. Kemudian daripada itu, dia beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian halallah dia berkahwin.”*

Berdasarkan dalil inilah penulis berpendapat peruntukan undang-undang Islam di Malaysia mengguna pakai tempoh empat tahun bagi kes permohonan anggapan mati di semua negeri melainkan di Negeri Terengganu yang memerlukan tempoh tujuh tahun kehilangan maka bolehlah permohonan anggapan mati ini dibuat. Perkara ini adalah kerana peruntukan Undang-undang Keluarga Islam yang dibentuk adalah berdasarkan Hukum Syarak.

## **2.6 PERBAHASAN MEGENAI ANGGAPAN MATI DARI ASPEK KEKELUARGAAN ISLAM<sup>40</sup>**

### **2.6.1. Pandangan Fuqaha**

Para Ulamak berbeza pendapat apakah seseorang isteri itu mempunyai hak untuk menuntut cerai atau tidak apabila suaminya telah menghilangkan diri dalam tempoh yang panjang sehingga mendatangkan dharar ke atasnya atau dikhuatiri fitnah ke atas isteri yang telah ditinggalkannya.

Pendapat pertama: Mazhab Hanafi, Syāfi’ī dan Zahīrī berpendapat isteri tidak berhak menuntut cerai disebabkan suami ghaib, walaupun ini menimbulkan dharar di sebaliknya, sama ada ghaibnya dengan uzur atau tidak.<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> Haji Mohd Salleh Haji Ahmad, (2009), *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.: Selangor.  
<sup>41</sup> *Al-Umm*, jld. 5, h. 235, *Hasyiah Radd al-Muhtār*, jld. 2, h. 903, *Mughnī al- Muhtāj*, jld. 3, h. 442, *al-Muhallā*, jld. 10, h. 142.

Pendapat kedua: Mazhab Maliki, Hanbāli dan Zaidi berpendapat isteri boleh menuntut perceraian disebabkan suami ghaib.<sup>42</sup>

### 2.6.2 Dalil Dan Hujjah Pendapat Pertama

Dinyatakan secara jelas bahawa tiada dalil al-Quran atau al-Sunnah yang mengharuskan suatu tuntutan perceraian kerana ghaib suami, maka tidak ada nas yang sah yang boleh dijadikan asas perceraian ini. Justeru itulah pendapat pertama ini berpegang kepada prinsip atau dasar yang menegaskan bahawa talak adalah milik suami sahaja الطلاق لمن أخذ بالساق (Talak adalah milik bagi mereka yang mengambil betis), oleh kerana itu hakim tidak memiliki kuasa talaq<sup>43</sup>.

### 2.6.3 Dalil Dan Hujjah Pendapat Kedua

Berdasarkan Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Baqarah ayat 231;

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرَحوهُنَّ  
بِمَعْرُوفٍ وَلَا تَمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا<sup>ج</sup> وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ  
نَفْسَهُ<sup>ج</sup>

*Ertinya:*

*Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, maka rujuklah mereka dengan cara yang ma'ruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang ma'ruf. Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudharatan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka...*

Maka kedua-dua dalil ini jelas melarang ruju' isteri dengan tujuan memudharatkannya, tidak syak lagi bahawa suami ghaib yang boleh menimbulkan dharar terhadap isteri dan tidak mungkin diangkat dharar itu melainkan dengan menceraikan mereka berdua atas

<sup>42</sup> Mawāhib al-Jalil, jld. 4, h. 7155, al-Mughnī, jld. 7, h. 252, al-Syarh al-Saghīr, jld. 2, h. 746, al-Raudhah al-Hindiyyah, jld. 2, h. 56.

<sup>43</sup> Op.cit



tuntutan isteri. Oleh itu hendaklah diceraikan mereka itu. Tambahan pula Saidina ‘Umar al-Khattab juga telah menulis surat kepada suami-suami yang ghaib daripada isteri-isteri mereka supaya memberi nafkah atau menceraikan isteri-isteri mereka<sup>44</sup>.

#### **2.6.4 Kesan Pendapat Yang Mengharuskan Perceraian, Perwalian Dan Perwarisan**

Berdasarkan pendapat al-Malikiyyah dan al-Hanabilah yang mengharuskan pemisahan di antara suami isteri kerana ghaib perlu diambil perhatian dalam beberapa perkara berikut:

1. Al-Malikiyyah dan al-Hanabilah sependapat bahawa hakim tidak akan menceraikan isteri bagi suami yang ghaib melainkan setelah dimaklumkan kepadanya jika ada kemudahan. Maka jika suami itu ghaib tidak diketahui tempat ia berada atau tidak boleh sampai surat hakim kepadanya, bolehlah hakim menceraikan isteri tanpa menguzurkan kepadanya iaitu melalui pembubaran perkahwinan menganggap kematian suami tersebut. Seterusnya perkara yang berkaitan dengan aspek perwalian dan juga perwarisan harta faraid boleh diteruskan tanpa merasa ragu-ragu lagi.<sup>45</sup>

Sekiranya tempat tinggal suami itu diketahui dan boleh sampai surat-surat dari Mahkamah kepadanya, maka Mahkamah hendaklah menghantar surat tersebut kepadanya sebagai Responden dan meminta Responden (suami/ bapa/ waris) hadir atau kembali semula ke tempat tinggal asalnya, atau merujuk perkara ini kepada negeri di mana Responden berada.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> *Op.cit.*

<sup>45</sup> Ibnu Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Maqāsīd*, Beirut, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, jld. 2, h. 52.

<sup>46</sup> Ibnu Juzai (2005), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Kaherah, Dār al- Hadit h. 177.

Jika suatu usaha tersebut telah berjaya dilaksanakan dan Mahkamah berpuashati bahawa suatu perkara tersebut telah dinyatakan supaya Responden menghadirkan diri ke Mahkamah, maka hakim boleh membubarkan perkahwinan tersebut, membenarkan pewalian diserahkan melalui permohonan dan juga mengeluarkan perintah pembahagian faraid kepada ahli waris.<sup>47</sup>

Namun demikian, hakim hendaklah menentukan suatu tempoh yang munasabah agar suami dapat melakukan sesuatu yang dituntut oleh hakim daripadanya. Sekiranya dia telah melaksanakan apa yang dituntut oleh hakim maka selesailah masalahnya, sebaliknya jika ia tidak melaksanakan perintah hakim maka selepas habis tempoh, hakim bolehlah membubarkan perkahwinan mereka melalui anggapan mati.<sup>48</sup> Justeru itu apa yang penting adalah memastikan bahawa kehilangan seseorang itu adalah tanpa khabar berita atau anggapan bahawa orang yang hilang itu telahpun mati adalah mengikut Hukum Syarak.

2. Walaupun al-Malikiyyah dan al-Hanabilah sependapat di atas prinsip pembubaran perkahwinan kerana ghaib, tetapi mereka berbeza pendapat tentang mensyaratkan ghaib uzur atau tidak uzur kerana al-Malikiyyah berpendapat isteri boleh dibubarkan perkahwinan oleh hakim sama ada ghaib suami itu dengan uzur seperti menuntut ilmu atau berniaga, atau tanpa uzur seperti melancong.<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Al-Mughnī*, jld. 7, h. 253, *Mawāhib al-Jalīl*, jld. 4, h. 17.

<sup>49</sup> *Ibid.* Ibnu Rusyd. h. 54.

Al-Hanabilah pula berpendapat tidak boleh dibubarkan perkahwinannya jika ghaib suami itu kerana keuzuran. Hakim hanya boleh membubarkan perkahwinan suami isteri itu jika ghaib suami ketika tidak uzur sahaja.<sup>50</sup>

3. Manakala tempoh masa yang boleh diceraikan antara suami isteri apabila berakhirnya masa itu, al-Hanabilah berpendapat selama enam bulan berdasarkan kata-kata ‘ Umar bin al-Khattab ketika ia bertanya kepada Hafsa berapa lamakah wanita boleh bersabar berpisah daripada suami mereka, jawab Hafsa; ‘ *Lima atau enam bulan sahaja*’.<sup>51</sup> Keputusan ini hanya berlaku apabila suami tersebut pergi begitu sahaja tanpa ada apa-apa tujuan yang diharuskan oleh Syarak dan ini disebut dengan *fasakh* (pembubaran perkahwinan oleh Mahkamah) dan tidak disebut sebagai talaq. Sementara al-Malikiyyah menurut pendapat yang rajih dikalangan mereka, tempohnya ialah satu tahun dan satu pendapat lagi tiga tahun kehilangan.<sup>52</sup>
4. Adapun dari sudut waktu diceraikan pula al-Malikiyyah berpendapat bahawa hakim boleh membubarkan perkahwinan suami isteri itu pada ketika disabitkan dakwaan atas permintaan isteri itu apabila tempat suami tersebut tidak diketahui. Tetapi, jika tempat tinggal suami itu diketahui, hakim hendaklah memberi amaran supaya suami tersebut hadir ke mahkamah ataupun mengirim dan menghantar nafkah di samping menetapkan masa yang sesuai menurut pandangan hakim. Sementara al-Hanabilah berpendapat hakim boleh membubarkan perkahwinan itu setelah perempuan itu berjaya membuktikan apa yang didakwanya.<sup>53</sup>

---

<sup>50</sup> *Mada Hurriyyah al-Zaujain Fi al-Talāq*, jld. 2 h. 797. *Muhadharat fi Farq al-Zawj*, h. 229.

<sup>51</sup> Muhammad Abu Zaharah (1957), *al-Ahwāl al-Syakhsiyyah*. Kaherah, Dar al-Fikr al-Arabi. h. 367.

<sup>52</sup> *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, h. 216, *Kasyaf al-Qina'a*, jld. 5, h. 124.

<sup>53</sup> *Mawāhib al-Jalil*, jld. 4, h. 17. *al-Mughni*, jld. 7, h. 255.

5. Manakala perceraian yang jatuh dengan sebab ghaib suami, al-Malikiyyah berpendapat bahawa perceraian itu dikira perceraian yang boleh dirujuk, kerana setiap perceraian yang dijatuhkan hakim dikira talaq bain kecuali perceraian dengan sebab Ila'. Sementara al-Hanabilah berpendapat perceraian tersebut di kira sebagai *fasakh* bukan talaq, maka bilangan talaq tidak akan berkurangan kerana ia merupakan perceraian dari pihak isteri dan Mazhab Hanbali perceraian ini dikira sebagai *fasakh*.<sup>54</sup>

Sungguhpun apabila suami dipenjarakan, jumhur Ulamak berpendapat tidak harus diceraikan kerana dipenjarakan atau ditawan kerana tiada dalil Syarak yang mengharuskannya dan kerana ghaib itu dengan keuzuran.

Al-Malikiyyah berpendapat harus diceraikan kerana suami ghaib dengan uzur atau tiada. Berdasarkan pendapat ini apabila melebihi tempoh tiga tahun maka isteri boleh menuntut cerai dan hakim hendaklah membubarkan perkahwinan mereka berdua tanpa menulis surat kepada suami atau menunggunya lagi. Perceraian ini dikira sebagai *talaq bain*.

Menurut Undang-undang Keluarga Islam Jordan 1976 yang berpegang kepada pendapat yang mengharuskan perceraian kerana ghaib suami sebagaimana yang terdapat dalam seksyen (123) ; “*Apabila isteri telah membuktikan ghaib suami daripadanya atau meninggalkannya satu tahun atau lebih tanpa uzur yang dapat diterima, di samping tempat tinggalnya diketahui, maka harus bagi isteri menuntut perceraian daripada hakim dengan*

---

<sup>54</sup> *Al-Syarh al-Saghir*, h. 746, *al-Mughni*, jld. 7, h. 588.

*talaq bain apabila merasai dharar disebabkan berjauhan darinya atau kerana ditinggalkannya, walaupun ada harta yang boleh dibelanjakannya”.*<sup>55</sup>

Perkara ini jelas jika dilihat apabila ghaibnya seorang suami itu dengan diketahui bahawa suami tersebut masih hidup, ianya tidak menjadi pertikaian dalam perkara permohonan anggapan mati, tetapi ghaib ini membolehkan pihak isteri memohon kepada mahkamah untuk membubarkan perkahwinan sama ada dalam perkara *fasakh* ataupun ta'liq.

Walaubagaimanapun antara isu ghaib dan juga anggapan mati adalah suatu entiti yang berlainan terutama sekali berdasarkan tempoh yang menyatakan bahawa ghaib dalam masa satu tahun manakala anggapan mati telah ditetapkan dalam tempoh melebihi empat tahun.

## **2.7 PENSABITAN SEBAGAI ANGGAPAN MATI BAGI ORANG YANG HILANG**

Hakim yang menyelesaikan perkara ini sudah tentu tetap berpegang kepada tatacara menjalankan prosiding sesuatu kes yang berlaku. Bermula dengan proses pemeriksaan, pembuktian sehinggalah kepada peringkat keputusan. Sedangkan pendapat para fuqaha tersebut hanyalah sebagai bahan pertimbangan untuk membuat rujukan bagi mensabitkan bahawa orang yang tidak diketahui sebagai orang yang telah meninggal. Sudah tentu aspek yang paling utama ialah aspek ijtihad hakim yang perlu dibuat bagi mensabitkan orang yang hilang itu sebagai *al-mafqūd*. Kerana itu jugalah, ijtihad seorang hakim sangat berperanan bagi mencari kemungkinan dan tanda-tanda yang kuat yang dapat menentukan kepada suatu penghakiman. Perkara ini adalah sesuatu perkara yang mendekati wujudnya kemaslahatan ummah.

---

<sup>55</sup> *Nizām al-Ushrah Fi al-Islāmī*, jld. 3, h. 244.

Selain itu juga, ijtihad hakim dapat dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan hakim dan juga pembacaan dari perbantuan Ulama dari segi Hukum Syarak di samping melihat kepada perubahan zaman di era reformasi dan teknologi moden sangat membantu hakim dalam membuat suatu keputusan yang adil dan saksama.

## 2.8 HAK ISTERI ORANG YANG HILANG

Anggapan mati ini memberi kesan kepada sesuatu perkahwinan itu dari segi kehidupan kerana jika kehilangan suami maka tanggungjawab suami terhadap isteri dan anak-anak akan terabai walaupun suami tersebut meninggalkan harta yang banyak untuk keluarganya. Selain daripada itu, jika cukup tempoh selama empat tahun suami tersebut tidak juga muncul maka adalah berhak isteri tersebut membuat permohonan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah melalui permohonan anggapan mati. Hal ini adalah menunjukkan kesabaran pihak isteri yang mengharapkan kepulangan suaminya selama tempoh empat tahun, maka selepas tempoh itu adalah kemungkinan besar kehilangan suaminya itu adalah dianggap sebagai telah mati.

Kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillātuhu*,<sup>56</sup> karangan Dr. Wahbah al-Zuhailī, yang memberi makna *al-mafqūd* iaitu anggapan mati yang membolehkan penulis mengaplikasikan teori berkenaan, seterusnya menggunakan istilah tersebut secara relevan berdasarkan keadaan semasa yang berlaku pada zaman sekarang sebagai;

هو الشخص الذي غاب عن بلده بحيث لا يعرف اثر , ومضى على فقده زمان بحيث لا يعرف أنه حي أو ميت .

---

<sup>56</sup> *Ibid.*

Ertinya;

'*Al-mafqūd* ialah seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama hingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui mengenainya dan tidak diketahui juga sama ada dia masih hidup atau pun yang telah meninggal dunia.'

Manakala kitab *Fiqh al- Manhāji*,<sup>57</sup> membahaskan mengenai *al-mafqūd* yang memberi makna yang sama seperti kitab yang disebutkan di atas.

Kitab ini juga membahaskan mengenai kaedah kira-kira yang membolehkan penulis mengetahui bahagian pusaka setiap pewaris serta terdapat perbincangan yang dinamakan *al-mafqūd* yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa sebagai bab orang yang hilang.

Dalam Kitab Al-Fiqh al- Manhāji<sup>58</sup>

Ertinya;

'Harta *al-mafqūd*, (orang yang hilang) tidak boleh dibahagi- bahagikan, melainkan setelah disahkan kematiannya atau berlangsung suatu tempoh sememangnya diketahui atau pada kebiasaannya orang yang hilang tidak akan hidup melebihi tempoh tersebut. Tempoh ini tidak ditentukan mengikut jarak masa tertentu tetapi mengikut ijtihad hakim yang akan mengesahkan kematiannya.

Mengenai bilakah orang yang hilang dihukumkan meninggal dunia dan apakah kesannya, ada dibahaskan di dalam Kitab Al-Fiqh al- Islāmī wa Adillatuhu;

Ertinya;

'Jika berlaku masa yang lama dari tarikh lahir seseorang yang hilang itu, sekadar-kadarnya tidak mungkin ada yang orang yang sebayanya boleh hidup lagi, secara yakin atau mengikut kebiasaan, maka orang yang hilang itu dikira sudah meninggal dunia. Dengan sabitan yang sedemikian maka orang yang hilang dan disabitkan mati itu hendaklah terpisah daripada isterinya, hartanya pula hendaklah dibahagikan antara ahli warisnya yang hidup, dan dia tidak berhak menerima pusaka daripada mana-mana orang.'

---

<sup>57</sup> Mustafa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Fiqh al-Manhāji*, 1426H/2005M. jld 2, Damsyik: Darul Qalam.

<sup>58</sup> *Ibid.*

Dalam perkara ini suatu elemen yang diperlukan adalah pembuktian. Hal ini demikian dapat dijelaskan dengan sebuah hadis yang mengisahkan pembuktian perlu diberikan iaitu:

Ertinya;

“Seorang lelaki dari Hadramaut berkata, “Wahai Rasul, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah kepunyaan saya,” Kemudian lelaki dari Kindah membalas dengan berkata, “Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke tanah itu.” Rasulullah s.a.w. bertanya kepada lelaki Hadramaut. Adakah kamu mempunyai bukti? Lelaki Hadramaut menjawab, “Tidak” Rasulullah S.A.W bersabda kepada lelaki Kindah, “Kamu mesti bersumpah.” Mendengar sabda Rasulullah s.a.w. itu lantas lelaki Hadramaut berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya. Dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, kamu tiada pilihan lain melainkan melalui cara sedemikian.”

Sekiranya suami ghaib dan tidak diketahui sama ada dia seorang yang mampu atau tidak dan telah putus khabarnya kerana isterinya tidak dapat nafkah dan tidak ada hartanya dalam kawasan dua marhalah dari tempat itu maka bagi isterinya boleh *fasakh* pernikahannya”.

Di dalam ilmu faraid, iaitu ilmu berkaitan kaedah kira-kira yang membincangkan pembahagian pusaka setiap pewaris ada diperuntukkan satu bab yang dinamakan *al-mafqūd* yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai bab Orang Yang Hilang.<sup>59</sup>

Ertinya:

‘Ilmu faraid dari segi syaraknya bermaksud hukum perwarisan, iaitu pengetahuan yang mendalam mengenai pusaka dan ilmu kira-kira yang membolehkan kita mengetahui siapakah yang berhak menerima bahagian daripada pusaka si mati dan banyak mana bahagian yang berhak diterimanya,’

---

<sup>59</sup> Wahbah al-Zuhayli (1405H/1985M). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. jil. 5. cet. ke-2, Dār al-Fikr, Damsyiq, Syria. h. 785.



### 2.8.1 Nafkah Isteri Orang Yang Hilang

Orang yang ghaib ataupun yang hilang ialah orang yang sukar dibawa ke Mahkamah untuk diselidik tentang dakwaan nafkah, sama ada ia tinggal berjauhan atau berdekatan, fuqaha berselisih pendapat tentang cara mewajibkan nafkah ke atasnya.<sup>60</sup>

Jumhur berpendapat bahawa wajib ke atasnya membiayai nafkah yang lepas walaupun nafkah itu bukan keputusan Mahkamah dan ia menjadi hutang pada tanggungannya. Manakala Abu Hanifah berpendapat bahawa ia tidak wajib, kecuali dengan keputusan hakim yang mewajibkannya.

Dalil bagi pendapat jumhur bahawa sesungguhnya Umar r.a. menulis kepada seorang lelaki yang berjauhan daripada isteri mereka. Beliau menyuruh mereka membiayai nafkah isteri-isteri mereka atau menceraikannya. Hal ini demikian menunjukkan mereka dipaksa untuk bercerai ketika mereka enggan membiayai nafkah. Tambahan pula, oleh kerana membiayai nafkah isteri daripada hartanya adalah sukar, maka isteri berhak memilih. Sama seperti keadaan suami yang papa dan kesempitan kewangan, bahkan ini lebih utama isteri berhak *fasakh*, kerana apabila diharuskan *fasakh* ke atas orang yang ada keuzuran, maka lebih-lebih lagi ke atas orang yang tiada keuzuran, dan kerana kesabaran isteri tersebut boleh membawa kemudharatan.

---

<sup>60</sup> *Fath Al-Hakimr*, jld. 3, h. 336-338; *Al-Durr Al-Mukhtār*, jld.2, h. 916; *Bidāyah Al-Mujtahid*, jld.2, h. 55; *al-Sharh al-Saghīr*, jld. 2, h. 745 Dan Seterusnya; *Al-Mahadhhab*, jld.2, h. 163; *Mughnī Muhtāj*, jld. 3, h. 436; *Al-Mughnī*, jld. 7, h. 576-578; *Ghayah Al-Muntahā*, jld. 3, h. 236; *Kashshaf Al-Qina*; jld.5, h. 556.

Dalil Abu Hanifah bahawa sesungguhnya nafkah isteri wajib ke atas suami menunaikan dari hari ke hari. Maka gugurlah nafkah dengan sebab kelewatannya sekiranya tidak ditentukan oleh hakim seperti nafkah kerabat. Tambahan pula nafkah yang lepas sebenarnya tidak diperlukan lagi dengan sebab masa yang telah berlalu, maka gugur nafkah itu sebagaimana nafkah kerabat.

Ulamak Hanafi berpendapat bahawa tidak dikenakan hukuman membiayai nafkah pada harta orang yang hilang (ghaib), kecuali bagi isteri yang suaminya ghaib, anak-anaknya dan kedua ibu bapanya. Adapun kerabat mahram yang lain seperti saudara lelaki, saudara perempuan, bapa saudara sebelah bapa dan bapa saudara sebelah ibu, maka tidak dikenakan hukuman membiayai nafkah mereka daripada harta orang yang hilang.

Apabila suami hilang dan isteri menuntut kepada hakim supaya menentukan nafkah. Jika suami mempunyai harta yang boleh menyara dan boleh diambil nafkah daripadanya, maka hakim menghukumkan nafkah isteri diambil daripada harta suami. Perkara ini boleh dilaksanakan setelah isteri tersebut bersumpah dengan nama Allah s.w.t bahawa suaminya tidak memberi nafkah demi menjaga kemaslahatan dirinya kerana suaminya telah hilang. Seorang penjamin harus dilantik daripada pihak isteri mengenai nafkah pada pendapat Ulamak Hanafi dan Shāfi'ī demi menjaga maslahat suami yang hilang, kerana boleh jadi isteri telah menerima nafkahnya, atau suami telah menceraikannya dan telah tamat tempoh 'iddahnya.

Demikian juga dengan pendapat Ulama Maliki, iaitu isteri diminta bersumpah bahawa ia tidak berhak mendapatkan nafkah daripada suaminya yang hilang sedangkan suaminya tidak meninggalkan harta untuk nafkahnya dan tidak mewakilkan seseorang membiayai nafkah ke atasnya. Sumpah isteri ini dikenali sebagai sumpah pengukuhan.

Jika suami tiada harta yang nyata, maka hakim mengikut Ulama Hanafi tidak berhak menjatuhkan hukuman bercerai dengan sebab suami tersebut kesempitan wang, kerana ia tidak menjadi satu sebab yang tidak membolehkan hakim menceraikan isteri sama ada suami hadir ataupun ghaib.

Pendapat jumbuh selain daripada Ulama Hanafi iaitu hakim boleh menceraikan isteri dengan sebab suami dalam kesempitan wang semata-mata, sama ada suami hadir ataupun ghaib. Cuma Ulama Maliki berpendapat bahawa jika kehilangan suami masih baru, maka diutuskan wakil untuk memaklumkan sama ada dia hadir ataupun menghantar nafkah, atau akan diceraikan melalui hakim. Sebaliknya jika kehilangannya sudah lama seperti memakan masa 10 hari, maka hakim akan membubaran perkahwinan jika suami tersebut tidak meninggalkan sesuatu dan tidak mewakilkan seseorang untuk membiayai nafkahnya ketika ketiadaan suami. Selain daripada itu isteri tersebut perlu bersumpah atas hal yang demikian.

Para fuqaha bersependapat bahawa<sup>61</sup> apabila isteri membiayai nafkah ke atas dirinya daripada harta suaminya yang hilang, kemudian ternyata suaminya telah mati sebelum isterinya menggunakan hartanya sebagai pembiayaan nafkah, maka

---

<sup>61</sup> *Al-Mughnī*, jld. 7, h. 579.

dikira perbelanjaan itu sebahagian daripada pusakanya, sama ada ia mengurus sendiri pembiayaan nafkah dirinya ataupun dengan perintah Mahkamah.

### **2.8.2 Iddah Bagi Isteri Orang Yang Hilang**

Orang yang hilang ialah orang yang ghaib (tidak hadir), yang tidak diketahui sama ada ia masih hidup ataupun sudah mati. Contohnya orang yang hilang daripada keluarganya pada waktu siang ataupun malam, atau ia keluar sembahyang kemudian ia tidak pulang ke rumah, atau hilang dalam satu kemalangan, atau hilang dengan sebab berlaku peperangan, atau bahtera atau kapal karam dan sebagainya. Hukum ‘*iddah* isterinya adalah mengikut hukum keadaan dirinya menurut para fuqaha’.<sup>62</sup>

Ulamak Hanafi berpendapat bahawa orang yang hilang itu dikira masih hidup pada hak dirinya. Oleh itu, hartanya tidak boleh dipusakai dan isterinya masih kekal sebagai isterinya. Oleh itu, isteri tidak dikenakan ‘*iddah* sehingga yakin tentang kematiannya. Ini adalah mengikut kaedah *istishāb* kerana ia hidup pada masa yang lepas.

Bagi isteri yang mendapat tahu tentang kematian suaminya, atau ia diberitahu oleh orang yang boleh dipercayai bahawa suaminya yang hilang itu telah mati, atau telah menceraikannya dengan talaq tiga, atau dibawa kepadanya surat talaq daripada suami melalui orang yang boleh dipercayai, maka tidak mengapa ia beriddah dan berkahwin dengan lelaki yang lain.

---

<sup>62</sup> *Al-Sharh Al-Saghīr*, jld. 2, h. 693; *Bidāyat Al-Mujtahid*, jld. 2, h. 52; *Al-Muhadhdhab*, jld. 2, h. 146; *Kashaf Al-Qina’*, jld. 5, h. 487; *Ghāyah Al-Muntaha*, jld. 3, h. 212; *Al-Mughnī*, jld.7, h. 488-492; *Al-Durr Al -Mukhtār*, jld.3, h. 160, dan lihat jld. 2, h. 847; *Mughnī al-Muhtāj*, jld. 3, h. 397.

Pendapat *qawl jadīd* Ulama Shāfi'ī yang sahih adalah sama seperti pendapat Mazhab Hanafi, *isterinya terfasakh* daripada perkahwinan kerana apabila tidak harus dihukumkan suami yang hilang sebagai mati dalam kes pembahagian harta, maka begitu juga tidak harus dihukumkan suami yang hilang sebagai mati dalam kes perkahwinan isterinya. Oleh itu, maka isteri dikenakan iddah dan tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain sehingga yakin suaminya mati, atau suaminya menceraikannya mengikut kaedah *al-istishāb* dan dengan pendapat 'Ali r.a. iaitu, “Hendaklah ia sabar sehingga diketahui kematiannya”.

Ulamak Maliki dan Hanbāli berpendapat bahawa isteri yang kehilangan suami, hendaklah menunggu selama tempoh empat tahun, kemudian ia beriddah dengan iddah kematian iaitu selama empat bulan sepuluh hari setelah mendapat perintah daripada hakim. Ini berdasarkan riwayat daripada Umar r.a bahawa seorang lelaki yang hilang daripada isterinya, maka isterinya itu datang kepada Saidina Umar al-Khattab r.a dan menyebutkan hal itu kepadanya, lalu 'Umar berkata, 'Kamu tunggu empat tahun'. Perempuan itu melakukan sebagaimana arahan Umar, kemudian ia datang pula kepada 'Umar, maka 'Umar berkata, “Tunggulah empat bulan sepuluh hari”. Perempuan itu lakukan sebagaimana arahan 'Umar, kemudian datang lagi kepada 'Umar, maka 'Umar bertanya. “Di manakah wali bagi suaminya tu?” lalu beberapa orang membawakan wali itu kepada 'Umar lalu beliau berkata kepadanya, “Ceraikan perempuan ini”. Wali itu lakukan mengikut arahan 'Umar, dan 'Umar berkata kepada perempuan itu, “Berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu suka”.<sup>63</sup>

---

<sup>63</sup> Dirwayatkan oleh *Al-Athram, Al-Jurjani dan Al-Daruqutni*.

## 2.9 HAK PERWALIAN BAGI ORANG YANG HILANG

Sebelum meneruskan perbincangan berkaitan dengan hak perwalian bagi orang yang hilang adalah lebih berkesan jika diteliti berkaitan dengan konsep perwalian. Jika diteliti pembahagian wali terbahagi kepada dua peringkat iaitu wali nasab dan juga wali hakim. Apa yang dikatakan sebagai wali nasab ini ialah mereka yang mempunyai hubungan darah dengan perempuan yang akan dikahwinkan, seperti bapa, datuk dari sebelah bapa, saudara lelaki seibu sebapa, saudara lelaki sebapa, anak lelaki bagi saudara lelaki seibu sebapa, anak lelaki bagi saudara sebapa, bapa saudara sebelah bapa yang seibu sebapa, bapa saudara sebelah bapa yang sebapa, anak lelaki kepada bapa saudara yang seibu sebapa, bapa saudara kepada bapa seibu sebapa dan bapa saudara kepada bapa sebapa.

Berdasarkan wali-wali yang disebutkan, orang yang lebih berhak dan lebih utama menjadi wali ialah bapa yang dikenali sebagai wali Aqrab. Wali-wali lain dikenali sebagai wali ab'ad.<sup>64</sup> Berdasarkan kepada perwalian bagi orang yang hilang seharusnya seorang bapa menjadi wali kepada anak perempuannya yang ingin berkahwin. Jika seorang perempuan yang ingin berkahwin tidak mempunyai wali maka perkara ini perlu dirujuk kepada Mahkamah Syariah bagi mendapatkan wali hakim.

Justeru itulah perkara ini ada disebut di dalam sebab-sebab yang membolehkan Wali Hakim berfungsi kerana wali aqrab telah hilang dan tidak diketahui di mana dia berada ataupun dikenali sebagai orang yang hilang.<sup>65</sup> Oleh itu, bagi hak perwalian bagi orang yang hilang menjadi perkara utama dalam permohonan anggapan mati bagi anak perempuan yang ingin berkahwin, perlu mendapatkan pengesahan anggapan mati walinya di Mahkamah Syariah

---

<sup>64</sup> Mat Saad Abd Rahman. (2006), *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Intel Multimedia and Publication. Petaling Jaya: Selangor.h. 25-27.

<sup>65</sup> *Ibid* .hlm. 28-29.

di Malaysia sebelum berpindah kepada permohonan mendapatkan wali hakim ataupun berpindah kepada wali *ab'ad* yang lain.

## 2.10 HAK PERWARISAN BAGI ORANG YANG HILANG

Hubungan dengan persoalan harta dan kewarisan seseorang yang hilang menjadi persoalan dalam hal ini adalah bagaimana pembahagiannya apabila seandainya ahli waris memerlukan harta warisan tersebut dibahagikan dengan kadar yang segera, sedangkan orang yang hilang yang ada kaitannya dengan harta warisan tersebut belum lagi diputuskan status hidup atau matinya oleh Mahkamah. Sesungguhnya di antara prasyarat pembahagian faraid ialah ahli waris itu adalah “pasti hidup atau pasti mati”. Perwarisan mempunyai empat syarat;<sup>66</sup>

- 1) Telah pasti matinya *al-Muwārrith* (orang mewariskan harta peninggalan) sama ada diketehai secara realiti, andaian atau secara hukum (hakim membuat keputusan berdasarkan ijtihad bahawa telah mati seorang yang hilang).
- 2) *Al-Warith* (orang yang mewarisi) dipastikan masih hidup selepas kematian *al-Muwārrith* walaupun seketika.
- 3) Mengetahui hubungan atau ikatan ahli waris dengan si mati sama ada ikatan kekeluargaan, perkahwinan atau wala’.

---

<sup>66</sup> Al-Shaikh Muhammad Ali Al-Sobuni (1407H/1987M), *Al-Mawārrith fi Al-Syāriah Al-Islāmiyyah fi Dhauil Kitab wa Al-Sunah*, jld. 5, h. 26.

- 4) Mengetahui al-jihah (segi /aspek) yang membawa kepada perwarisan secara terperinci (khusus menjadi tanggungjawab hakim).

Justeru itu, bagi membincangkan berkenaan dengan perwarisan orang yang hilang itu, sekurang-kurangnya terdapat dua perkara penting yang perlu diambil perhatian.

### **2.10.1 Orang Yang Hilang Berstatus Pewaris**

Ulamak sepakat menetapkan bahawa harta milik orang yang hilang itu harus ditahan (ditangguhkan) terlebih dahulu sehingga ada berita yang jelas atau maklumat yang boleh dijadikan sandaran. Selagi belum jelas atau belum ada keputusan oleh hakim, maka harta miliknya tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada ahli warisnya. Perkara ini dapat dijelaskan dengan dua pendekatan;<sup>67</sup>

Pertama, bahawa salah satu syarat perwarisan itu ialah adanya kematian orang yang mewariskan harta kepada ahli waris sama ada kematian secara hakiki, sandaran dan juga kematian secara hukum. Dalam konteks ini orang yang hilang perlu diputuskan sama ada masih hidup atau telah mati.

Kedua, membahagi-bahagikan harta milik orang yang hilang kepada ahli warisnya atas dasar ghaibnya semata-mata, sementara masih ada kemungkinan dia tetap hidup, adalah menjadi kemudharatan jika ternyata orang yang hilang itu masih hidup. Kemudharatan itu harus ditolak dan dihindari secara mutlak. Suatu dalil untuk menetapkan hukum sesuatu ialah atas dasar keadaan semulajadi iaitu orang

---

<sup>67</sup> Muslich Maruzi, *Asas al- Mawarith, Pokok-Pokok Ilmu Waris*, Jakarta : Pustaka Amani, cet. ke-2, h. 88.



yang hilang pada asalnya adalah hidup, bukan untuk menetapkan suatu hukum berdasarkan hal yang lain, dan keadaan inilah menjadi dasar menentukan hukum hidupnya orang yang hilang. Oleh sebab itu orang yang hilang masih mempunyai hak dan milikan penuh terhadap harta bendanya sehingga dibuktikan bahawa orang yang hilang itu telah mati berdasarkan ijtihad hakim dan perkara inilah yang dikatakan sebagai kematian secara hukum.

### **2.10.2 Orang Yang Hilang Berstatus Ahli Waris**

Jumhur fuqaha menyatakan bahawa bahagian yang akan diterima oleh orang yang hilang itu perlu ditahan dahulu sehingga ada keputusan oleh hakim yang menyatakan bahawa orang yang hilang itu telah mati. Perkara ini adalah disebabkan salah satu syarat perwarisan bagi orang yang mewarisi itu ialah “hidupnya ahli waris di saat kematian pewaris”. Dalam perkara ini orang yang hilang yang mendapat bahagian dalam perwarisan itu masih diragui sama ada masih hidup ataupun telah mati. Perkara ini juga perlu diputuskan oleh hakim dalam mensabitkan hukum bagi orang yang hilang.<sup>68</sup>

Kedua, memberikan harta warisan kepada orang yang hilang itu dengan menyimpan bahagiannya dengan menyatakan bahawa orang yang hilang itu masih hidup akan merugikan ahli waris yang lain. Justeru itu, bagi menghindari kemudharatan ini

---

<sup>68</sup> Muhammad Abdul Rahim al-Kisyka, *al-Muhadharat fi Mirath al- Muqaran*, h. 40: Yusof Musa, *al-Tirkah wa al- Mirath fi al- Islam*. h. 50.

keputusan hakim dalam menentukan atau mensabitkan orang yang hilang sama ada masih hidup ataupun telah mati amatlah diperlukan.<sup>69</sup>

Atas dasar itulah, pembahagian harta waris harus ditangguhkan terlebih dahulu sehinggalah suatu keputusan oleh Hakim Syarie telah dikeluarkan menyatakan bahawa orang yang hilang itu telah mati.

### 2.10.3 Pensabitan Perwarisan Bagi Orang Yang Hilang

Berkenaan dengan faraid,<sup>70</sup> di dalam kitab *al-Mawāriṭh* menyebut bahawa;

*Ertinya;*

*‘Sebab-sebab perwarisan itu ada empat:*

- 1) *Nasab/ Qarabah.*
- 2) *Nikah/Perkahwinan*
- 3) *Al-Wala’*
- 4) *Islam ( Baitul Mal)*

Di dalam ilmu Faraid, iaitu ilmu yang berkaitan dengan kaedah kira-kira yang memberi gambaran berkaitan dengan bahagian pusaka setiap pewaris ada diperuntukkan di dalam bab yang dinamakan sebagai *al-mafqūd* yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai bab orang yang hilang, Ilmu Faraid dalam kitab *Al-Fiqh al- Manhāji*,<sup>71</sup> diertikan juga sebagai;

Ilmu Faraid dari segi syaraknya bermaksud hukum perwarisan, iaitu pengetahuan yang mendalam mengenai pusaka dan ilmu kira-kira yang membolehkan kita mengetahui siapakah yang berhak menerima bahagian daripada pusaka si mati dan banyak mana bahagian yang berhak diterimanya.

---

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Al-Shaikh Muhammad Ali Al-Sobūni, (1407H/1987M), *al-Mawāriṭh fi al-Syarīah al- Islamiyah fi Dhawil Kitāb wa Al-Sunah*, jld. 5, h. 36.

<sup>71</sup> Mustaffā al-Khan. Mustafā al-Bugha dan Ali al-Syarbani, (1426H/2005M), *Al-Fiqhul Islāmī wa Adillatuh*. Jld. 2, cet. ke-6, Darul Qalam, Damsyq, Syria, h. 267.

Menyentuh persoalan *al-mafqūd* atau orang yang hilang,<sup>72</sup> di dalam kitab menyebut;

Ertinya;

Dari segi istilahnya *al-mafqūd* bererti orang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama sehingga terputus berita mengenainya dan tidak ada orang yang mengetahui dan tidak mengetahui juga sama ada dia masih hidup atau pun telah meninggal dunia.

Di dalam kitab *Al-Fiqh al- Islāmī wa Adillatuh*<sup>73</sup> pula memberi makna *al-mafqūd* sebagai;

هو الشخص الذي غاب عن بلده بحيث لا يعرف أثره, ومضى على فقده زمان بحيث لا يعرف أنه حي أو ميت.

‘Seseorang yang hilang daripada tempat asalnya dalam tempoh yang lama hingga terputus berita mengenainya dan tidak diketahui mengenainya dan tidak diketahui juga sama ada dia hidup atau pun telah meninggal dunia’.

Mengikut peruntukan Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan di atas dan mengikut peruntukan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II Senarai Negeri, dan peruntukan subseksyen 11(11) (3) Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001, yang antara lain memperuntukkan kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam;

Pembahagian atau perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat; dan penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak’

Seterusnya, dalam kitab *Al-Fiqh al- Manhāji*,<sup>74</sup> menyebut;

Ertinya:

<sup>72</sup> Ibid. *Al-Fiqh al- Manhāji*, h. 331-332.

<sup>73</sup> Wahbah al-Zuhayli, (1405H/1985M), *Al-Fiqh al- Islāmiyyah wa Adillatuh*, jld. 5, cet. ke-2, Dār al- Fikr, Damsyik, Syria. h. 784.

<sup>74</sup> Op.cit. *Al-Fiqh al- Manhāji*. h. 331-332.

Harta *al-mafqūd* (orang yang hilang), tidak boleh dibahagi-bahagikan, melainkan setelah disahkan kematiannya atau berlangsung suatu tempoh sememangnya diketahui atau pada kebiasaannya orang yang hilang tidak akan hidup melebihi tempoh tersebut. Tempoh ini tidak ditentukan mengikut jarak masa tertentu tetapi mengikut ijihad hakim yang akan mengesahkan kematiannya.

Sebelum pengesahan hakim sedemikian, sebarang pengurusan ke atas harta orang yang hilang adalah tidak sah dilakukan kerana asasnya dia masih dianggap hidup. Hartanya itu juga tidak boleh diwarisi melainkan adanya asas yang meyakinkan.

Setelah hakim membuat sabitan anggapan mati secara hukum bahawa orang yang hilang telah meninggal dunia, maka hendaklah harta orang yang hilang itu dibahagikan kepada orang-orang yang berhak ke atas hartanya mengikut bahagian masing-masing pada masa dihukumkan orang yang hilang itu meninggal dunia. Mana-mana ahli waris orang yang hilang yang telah disabitkan telah meninggal dunia, sebelum tarikh hakim membuat sabitan bahawa orang yang hilang telah meninggal dunia atau telah mati, walaupun sekadar satu saat, ahli waris berkenaan tidak layak mempusakai harta pusaka berkenaan kerana terdapat ruang ketidaktentuan matinya orang yang hilang pada saat itu.

Justeru itulah sesuatu perkara itu perlu diputuskan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan Hukum Syarak bagi menjelaskan bahawa permohonan anggapan mati perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum harta-harta tersebut dibahagi-bahagikan mengikut pembahagian faraid.

## 2.11 TEMPOH ANGGAPAN BAGI SESEORANG ITU MATI

Tempoh anggapan bagi seseorang itu mati adalah sama sepertimana orang yang hilang boleh dianggap mati. Tempoh yang dapat dibuat di sini tidak bersandarkan kepada mana-mana riwayat tertentu, cuma ia dibuat mengikut kadar perbandingan umur sahabat-sahabatnya. Imam al-Hassan ada meriwayatkan satu riwayat daripada Abu Hanifah menyatakan bahawa tempoh umur seseorang yang hilang adalah selama 120 tahun daripada tarikh lahirnya.<sup>75</sup> Pada masa kini, mengikut *uruf* di Malaysia umur yang paling munasabah adalah 80 tahun.

**Jadual 2.11 : Jangka Hayat Pada Umur Kelahiran**

JANGKA HAYAT BERDASARKAN DARI TARIKH LAHIR / TAHUN / JANTINA	2005	2006	2007	2008
LELAKI	71.4	71.5	71.5	71.6
PEREMPUAN	76.2	76.3	76.4	76.4

Sumber: Dipetik dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Dikemaskini 8 Jun 2010.<sup>76</sup>

Berdasarkan kepada jadual di atas, menunjukkan statistik jangka hayat pada umur kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Majoriti umur masyarakat lelaki di Malaysia adalah purata 71 tahun sehingga 72 tahun. Manakala bagi perempuan, jangka hayatnya adalah dari 76 tahun sehingga 77 tahun. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada statistik tersebut para hakim dalam membuat ijtihad dapatlah membuat rujukan bagi mensabitkan orang yang hilang itu telah mati apabila dikira telah berumur 72 tahun bagi lelaki dan 77 tahun bagi perempuan dari tarikh lahirnya. Fonema ini secara langsung memberi gambaran bahawa jangka hayat penduduk Malaysia adalah sekitar 80 tahun bagi mensabitkan perkara di bawah permohonan anggapan mati ini.

<sup>75</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Op.Cit.*, h.770.

<sup>76</sup> Dipetik dari Laman Web <http://www.statistics.gov.my> bertarikh 13 Disember 2010.

## 2.12 STANDARD BAGI ANGGAPAN MATI

Orang yang hilang dianggap hidup bagi dirinya dan dianggap mati bagi pihak lain. Maka hak-haknya yang sabit dalam bentuk negatif dan bukan positif. Oleh itu dia tidak mendapat perwarisan dan isterinya tidak mendapat talak ba'in. Bagi orang lain tidak seorang pun daripada sanak saudara-saudaranya yang boleh mewarisi haknya dengan anggapan seolah-olah dia sudah mati.

Begitu juga jika seorang telah berwasiat untuk orang yang hilang, kemudian sebelum orang yang hilang itu muncul, dan orang yang berwasiat itu telah mati, maka tidak boleh dia mengambil harta wasiat tersebut. Malah dia berhenti pada bahagiannya dalam warisan atau terhenti kepada wasiat sehingga ternyata orang yang hilang itu masih hidup atau sudah mati. Ulama Syāfi'ī sependapat dengan pendapat yang menyatakan isteri orang yang hilang tidak berhak untuk menuntut *fasakh* sehinggalah dia menerima berita kematian suaminya dengan pasti.

Imam Malik dan Ahmad berkata apabila sudah empat tahun seseorang itu hilang, maka hakim boleh memisahkan atau membubarkan perkahwinan antara orang yang hilang dengan isterinya. Setelah cukup i'ddah, isteri itu bolehlah berkahwin lagi jika dia mahu. Hal ini demikian dikaitkan dengan perbuatan Saidina Umar yang pernah menghukumkan begitu dalam kes seorang yang hilang.<sup>77</sup>

## 2.13 KETERANGAN DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Keterangan dari segi undang-undang bermaksud apa yang menjadikan bukti sebagai fakta dalam sidang penghakiman. Sesuatu fakta itu bukan hanya terbatas kepada apa yang

---

<sup>77</sup> *Ibid.*

diperoleh melalui deria malah termasuk juga apa yang disedari seperti rasa sakit atau keadaan mental. Keadaan mental seseorang merupakan suatu fakta bagi keadaan dia memahami sesuatu.<sup>78</sup> Sehubungan dengan itu, fakta kadang kala berbeza daripada pendapat dan undang-undang. Pendapat merupakan sesuatu yang mungkin seorang itu akan berkata. Manakala fakta merupakan apa yang sebenarnya seseorang itu berkata. Pendapat selalunya diberi oleh sidang penghakiman bukan oleh seseorang saksi. Dalam sesetengah kes, pendapat juga diterima sebagai suatu fakta atau perkara yang tepat sebagai keterangan.<sup>79</sup> Secara umumnya, keterangan merujuk kepada sebarang fakta, kesan kecenderungan atau rancangan, atau niat untuk menghasilkan dalam fikiran suatu keyakinan atau kepercayaan tentang wujud atau tidak wujudnya apa-apa perkara.

Menurut perundangan Islam, keterangan dikenali sebagai al-bayyinah yang bermaksud petunjuk yang jelas atau secara fikiran atau melalui deria (عقلية كانت او محسوسة) (الدلالة الواضحة). Secara umumnya al-bayyinah ialah sesuatu yang memperjelas yang benar dan menzahirkannya.<sup>80</sup>

Di dalam al-Qur'an al-bayyinah bukan hanya bermaksud dua orang saksi tetapi ia juga bermaksud hujah, dalil, tanda (burhan) secara tunggal atau majmuk. Al-bayyinah bermaksud apa yang menjelaskan yang benar. Maka ia mestilah menepati apa yang berlaku dan menepati hakikat. *Al-bayyinah, al-dalīl, al-hujjah, al-ayāt, al-tabsīrat, dan al-ammārāt* kesemuanya mempunyai maksud yang hampir sama.<sup>81</sup>

---

<sup>78</sup> Al-Kasaniy, 1998. *Al-Badāi al-Sanāi*, jld. 5, Cet. ke-3. Beirut: Dār Ihya' al-Turath, h. 417.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (t.th). *Al-Turūq al-Hukmiyyah*. Kaherah: Dār al-Madānī, h. 13. lih. Ibn Farhum, *Tabsīrah al-Hukkām*, 1995. cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiy. h. 172.

<sup>81</sup> *Ibid.*

Oleh itu kesaksian juga merupakan salah satu daripada al-bayyinah kerana kata-kata saksi boleh menjelaskan sesuatu dan menghilangkan keraguan. Kesaksian ini juga dapat dikaitkan dengan keterangan di dalam kes permohonan anggapan mati. Pemohon perlu mendatangkan saksi bagi mengukuhkan kenyataannya disamping menunjukkan bukti seperti tanda kehilangan, kubur, keadaan kehilangan seperti peperangan, hujan ribut di lautan dan sebagainya. Kenyataan saksi ini diperlukan oleh Mahkamah sekurang-kurangnya 2 orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan seorang saksi perempuan bagi mensabitkan permohonan anggapan mati ini.

Keterangan secara kesaksian mestilah diketahui (علم) dengan tepat dan jelas bukan sangkaan (الظن) atau sangkaan berat (غلبة الظن). Tetapi dalam keadaan darurat dibenarkan sangkaan berat dalam beberapa hal seperti muflis, penentuan pusaka, anggapan mati atau apa-apa yang menyamainya. Berdasarkan firman Allah s.w.t di dalam Surah Yusuf ayat 81;

أَرْجِعُوا إِلَىٰ آبَائِكُمْ فَقُولُوا يَا أَبَانَا إِنَّ أُمَّتَكَ سَرَقَ وَمَا شَهِدْنَا إِلَّا بِمَا عَلَّمْنَا  
وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَافِظِينَ ﴿٨١﴾

*Ertinya;*  
*Kembalilah kepada ayahmu dan Katakanlah: "Wahai ayah kami! Sesungguhnya anakmu telah mencuri, dan Kami hanya menyaksikan apa yang Kami ketahui, dan sekali-kali Kami tidak dapat menjaga (mengetahui) barang yang ghaib.*

Tujuan keterangan yang diambil berdasarkan Hukum Syarak adalah semata-mata untuk mencapai keadilan dan keadilan itu tidak akan dapat ditegakkan. Hukuman yang tepat tidak akan dapat diberikan tanpa adanya keterangan yang kuat dan menyeluruh. Keterangan



adalah asas kepada kelicinan perbicaraan. Firman Allah S.w.t dalam Surah al-Maidah ayat 8;

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ  
شَنَّانُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ  
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Ertinya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah s.w.t., lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa-apa yang kamu lakukan.”*

Allah s.w.t. telah memerintahkan agar kita menegakkan keadilan seperti yang dituntut oleh Islam. Seperti yang dimaklumi, keadilan Islam ini hanya akan dapat ditegakkan dengan adanya keterangan di dalam perbicaraan dan merupakan ibadat kepada Allah s.w.t.. Oleh itu Islam menganggap bahawa orang yang mengemukakan bukti dan memberikan keterangan bermaksud dia menjadi saksi kepada Allah s.w.t. yang Maha Mengetahui dan juga menjadi saksi kepada Mahkamah tanpa mengira sama ada ianya dipanggil oleh yang mendakwa atau yang didakwa. Ini bermakna saksi memberikan keterangan adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t dan tidak terikat dengan kepentingan orang yang memanggilnya. Menurut Islam, memberi keterangan di Mahkamah bererti taat kepada Allah s.w.t dan tanda taqwa dan tunduk kepadanya.

Ayat di atas menjelaskan bahawa keterangan dan kesaksian hendaklah diberikan tanpa pilih kasih, walaupun keterangan itu merugikan diri sendiri seperti seorang yang bercakap

benar di Mahkamah bahawa ianya berhutang kepada kawannya dan belum membayarnya lagi. Ini bermakna Islam menyuruh umatnya melakukan ikrar atau pengakuan yang merugikan diri sendiri.

## **2.14 KESIMPULAN**

Kesimpulan yang dapat dibuat dalam mendalami konsep dan teori anggapan mati ini adalah sesuatu yang sukar pada mulanya. Hal ini kerana tidak ada satu makna yang mengkhususkan sebenarnya makna anggapan mati ini. Dengan merujuk kepada pendapat para fuqaha<sup>82</sup> maka jelaslah di sini anggapan mati ini dapat dikaitkan dengan kehilangan pada tempoh yang agak lama iaitu empat tahun maka bolehlah dihukumkan sebagai mati. Perkara ini hendaklah diputuskan oleh hakim bagi mensabitkan bila seseorang itu telah hilang dan juga bila seseorang yang hilang itu disabitkan telah mati. Selain daripada itu, asas keperluan permohonan anggapan mati ini boleh dibuat dalam konteks kekeluargaan Islam iaitu dari aspek perwalian, pembubaran perkahwinan dan juga perwarisan harta faraid. Semua perkara ini perlu dinyatakan asas permohonan anggapan mati di dalam affidavit permohonan dan disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan. Perkara ini akan dibincangkan lanjut di dalam bab seterusnya.

## **BAB III**

### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PROSEDUR PERMOHONAN ANGGAPAN MATI DI MALAYSIA**

---

## **3.0 PENDAHULUAN**

---

<sup>82</sup> Mahmood Zuhdi hj Abdul Majid dan Raihanah Azahari. *Op.Cit.*, h.161.

Keseluruhan negeri di Malaysia mempunyai peruntukan berkaitan dengan anggapan mati. Peruntukan yang sama dinyatakan secara jelas di bawah seksyen anggapan mati kecuali dari segi tempoh yang mana semua negeri di Malaysia memperuntukkan empat tahun ke atas tempoh kehilangan manakala Negeri Terengganu memperuntukkan tujuh tahun ke atas tempoh kehilangan untuk anggapan mati. Perbincangan berkaitan dengan peruntukan undang-undang Islam di dalam bab ini akan mengambil pendekatan berdasarkan peruntukan undang-undang yang terpakai di Wilayah Persekutuan bagi memudahkan perbincangan peruntukan ini yang berbeza dari segi seksyen di negeri-negeri.

Justeru itu peruntukan undang-undang Wilayah-wilayah Persekutuan yang dikenali sebagai Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan) 2010 (AUKI), Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 akan digunakan bagi mewakili peruntukan undang-undang di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Di samping itu juga, perbincangan peruntukan undang-undang dan pelaksanaan anggapan mati negeri-negeri di Malaysia akan dilihat dari masa ke masa melalui perbincangan bab ini. Justeru itu, di dalam bab ini perbincangan akan meliputi semua peruntukan yang berkaitan dengan anggapan mati di Mahkamah Syariah dan juga di Mahkamah Sivil supaya dapat dilihat bidang kuasa sebenar serta pelaksanaannya berkaitan dengan permohonan ini di kedua-dua institusi kehakiman di Malaysia ini.

### **3.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

Berkaitan perbahasan peruntukan undang-undang di dalam bab ini, penulis akan menumpukan apakah peruntukan undang-undang berkaitan dengan anggapan mati yang telah dinyatakan di Malaysia ini. Perkara ini akan dilihat menerusi punca kuasa suatu peruntukan itu diguna pakai dari dasarnya sehinggalah peruntukan-peruntukan tersebut diguna pakai di negeri-negeri di Malaysia. Tumpuan akan dilihat dari asal peruntukan undang-undang itu dipakai iaitu dari Perlembagaan Persekutuan seterusnya kepada akta atau enakmen negeri-negeri.

### **3.1.1 Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil Dalam Perlembagaan Persekutuan**

Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa:

*Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.*

Perkara ini menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi tidak boleh mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah dan dalam erti kata yang lain pula, menghalang Mahkamah Tinggi untuk mempunyai bidang kuasa berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Selain daripada itu juga, dalam bab kehartaan ini, bolehlah dilihat Senarai 1 Senarai

Persekutuan di dalam fasal 4 e (ii) yang memperuntukkan:

*Perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, pemberian atau perwarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat;*

Dalam hal ini, berkaitan dengan permohonan anggapan mati, Undang-undang Keluarga Islam jelas menyatakan di bawah seksyen 53 Akta undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984. Tambahan pula, fasal di atas menjelaskan bahawa pemberian atau perwarisan harta untuk orang-orang Islam adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Justeru dalam kes permohonan anggapan mati ini yang berkaitan dengan harta peninggalan orang yang hilang adalah jelas hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah, akan tetapi berkaitan dengan 'Probet dan surat mentadbir harta' adalah jelas diperuntukkan di bawah fasal 4(e)(i) dalam Jadual Kesembilan Senarai Pertama Senarai Persekutuan.

Seterusnya di dalam perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa;

*Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau senarai bersama.*

Senarai ini menjelaskan :

1. *Kecuali mengenai wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan Undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta'arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang*

*seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukumkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.*

Di bawah Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam dan keanggotaan Mahkamah Syariah, susunan dan tatacaranya termasuk di bawah bidang kuasa Negeri berdasarkan butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan manakala undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk keanggotaan dan susunan Mahkamah Sivil termasuk di bawah bidang kuasa Persekutuan juga mengandungi hal perkara probet dan surat kuasa mentadbir serta undang-undang keterangan. Walau bagaimanapun, butiran 4(e)(ii) pula telah mengecualikan bidang kuasa persekutuan dalam perkara berkaitan dengan undang-undang diri orang Islam berhubung dengan persoalan perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.

### **3.1.2 Bidang Kuasa Dalam Mendengar Kes Anggapan Mati**

Bidang kuasa Mahkamah Syariah yang ditadbirkan bagi tiap-tiap negeri terkandung dalam Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri masing-masing<sup>83</sup>. Contoh Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, bidang kuasa Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam Seksyen 46 yang memperuntukkan seperti berikut:-

**46.** (1) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.*

(2) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

(a) ...

(b) *dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-*

(i) *pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri;*

(ii) *apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*

(iii) ...

(iv) ...

(v) ...

(vi) ...

(vii) ...

(viii) *pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;*

(ix) *penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; atau*

(x) *perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.*

### 3.1.3 Tafsiran Anggapan Mati<sup>84</sup>

<sup>83</sup> Lihat peruntukan yang sama di bawah seksyen 14 Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001, seksyen 20 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Perlis) 1991, seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991, seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002, seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, dan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

<sup>84</sup> Sek.2 (2)(3) *Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984* (Pindaan 2010).

Di dalam AUKI tidak terdapat tafsiran yang diberikan bagi menjelaskan apakah anggapan mati ini. Oleh yang demikian Akta Tafsiran 1967 telah memperuntukkan bahawa pentafsiran adalah penting dan jika tiada tafsiran yang terdapat di dalam statut maka rujukan daripada manuskrip arab adalah bertepatan bagi mentafsirkan maksud statut tersebut. Seksyen itu dapat ditafsirkan dengan menggunakan kaedah atau kesediaan Akta Tafsiran 1964 dengan menggunakan peruntukan yang disediakan dalam Seksyen 2 Subseksyen 2 dan 3 AUKI 1984 dan Akta Tafsiran 1967<sup>85</sup> untuk melihat bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah oleh Parlimen yang mana dibenarkan membuat rujukan bentuk skrip bahasa Arab.

#### Seksyen 2. Tafsiran.

(2) *Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya masing-masing oleh Akta itu.*

(3) *Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersempena dengannya dalam ungkapan Jadual itu.*

Berpandukan peruntukan ini maka permohonan anggapan mati ini dapat ditafsirkan dengan mengambil hukum berdasarkan *athār* sahabat yang diriwayatkan oleh imam Malik:<sup>86</sup>

عن عمر رضى الله عنه قال أيما امرأة فقدت زوجها ولم تدر أين هو فإنها  
تنتظر أربع سنين ثم تعتد أربعة أشهر وعشرا ثم تحل

Ertinya:

Daripada umar r.a., beliau telah berkata, “siapa jua perempuan yang hilang suaminya sedangkan dia tidak tahu di mana suaminya itu, maka hendaklah dia menunggu selama empat tahun. Kemudian daripada itu, ia ber’iddah

<sup>85</sup> Akta Tafsiran 1967.

<sup>86</sup> Hj. Mohd. Sanusi Bin Hj. Mahmood (1984), *Undang-undang Keluarga Dalam Islam*, h. 131-132.



*selama tempoh empat bulan sepuluh hari. Kemudian halallah dia berkahwin”.*

Setelah itu Imam Malik menambah dan berkata.

*“Jika perempuan itu berkahwin sesudah habis ber’iddah, sama ada suaminya yang baru itu telah bercampur dengan ia atau tidak, tiadalah jalan bagi suami yang pertama kembali kepada perempuan itu.”*

Justeru itu jika dilihat berdasarkan amalan di Mahkamah Syariah ini, jika perempuan yang kehilangan suaminya melebihi empat tahun atau telah berjaya menunjukkan bukti bahawasanya suaminya tidak ada lagi di dunia ini maka dibenarkan membuat permohonan anggapan mati berdasarkan seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

### **3.1.4 Peruntukan Anggapan Mati Bagi Tujuan Perkahwinan**

Dalam seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984<sup>87</sup> sebagai contoh, jelas memperuntukkan mengenai anggapan mati iaitu:

*(1) Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 52.*

---

<sup>87</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 14 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, Enakmen undang-undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pahang) 2005, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Sabah) 1992 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) Tahun 1991, dan seksyen 12 di dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001 dan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985.

*(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu mengikut pengertian perenggan 14(4)(b).*

*(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*

*(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

Tambahan pula, seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 menyebut seksyen 14(4)(b) Akta yang sama menjelaskan perlunya pengeluaran sijil kematian atau mengisytiharkan kematian sebagai anggapan mati di dalamnya iaitu:

*(4) Jika perempuan itu adalah seorang balu—*

*(a) ...*

*(b) dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.*

Perkahwinan dan pembubaran perkahwinan bagi orang Islam adalah jelas merupakan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Suatu perakuan anggapan mati bagi maksud membolehkan seorang balu berkahwin hendaklah dibuat terlebih dahulu di Mahkamah Syariah di bawah seksyen 53 Akta Undang-undang keluarga Islam. Peruntukan di bawah seksyen 14(4)(b) hendaklah dibaca bersama supaya maksud perakuan kematian bagi membolehkan seorang perempuan berkahwin semula dapat diteruskan. Justeru itu di dalam isu anggapan mati dari aspek perkahwinan Mahkamah Syariah akan mengeluarkan perakuan anggapan mati seterusnya membubarkan perkahwinan perempuan tersebut. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mengeluarkan anggapan mati bagi tujuan pembubaran perkahwinan.

### 3.1.5 Peruntukan Anggapan Mati Bagi Tujuan Perwalian

Bidang kuasa Mahkamah yang telah dirujuk bagi permohonan anggapan mati adalah berdasarkan seksyen 46 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang menyatakan seperti berikut;<sup>88</sup>

*(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.*

*(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

*(a) ...*  
*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-*

*(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri;*

Anggapan mati yang difailkan bagi tujuan perwalian di buat di Mahkamah Tinggi Syariah, akan tetapi kes perwalian difailkan di Mahkamah Rendah Syariah. Perkara ini telah jelas dinyatakan di bawah seksyen 47 Akta yang sama. Justeru itulah anggapan mati bagi tujuan perwalian telah menggunakan peruntukan yang telah dinyatakan di atas tadi.

### 3.1.6 Peruntukan Anggapan Mati Bagi Tujuan Perwarisan

---

<sup>88</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 14 Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001, seksyen 20 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Perlis) 1991, seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991, seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002, seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, dan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

Bidang kuasa Mahkamah perlu dilihat menerusi peruntukan anggapan mati bagi tujuan perwarisan hendaklah merujuk kepada seksyen 46(2)(b) (vii) & (ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang menyatakan seperti berikut;<sup>89</sup>

*46. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.*

*(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

*(a) ...*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-*

*(i) ...*

*(ii) ...*

*(iii) ...*

*(iv) ...*

*(v) ...*

*(vi) ...*

*(vii) ...*

*(viii) pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;*

*(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; atau*

Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 juga memperuntukkan seperti berikut:<sup>90</sup>

*50. Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-*

---

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 14 Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001, seksyen 20 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Perlis) 1991, seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991, seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002, seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, dan seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

*orang itu masing-masingnya berhak, Mahkamah Syariah bolehlah, atas permohonan mana mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari, atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fee yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masingnya berhak.*

Justeru itu berdasarkan peruntukan yang dinyatakan di atas, maka peruntukan inilah yang telah diguna pakai bagi permohonan anggapan mati bagi tujuan perwarisan.

### **3.1.7 Peruntukan Berkaitan Anggapan Mati Dalam Akta Keterangan Syariah Negeri-Negeri**

Seksyen 2 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan<sup>91</sup>:-

*Seksyen 2. Pemakaian.*

*Akta ini hendaklah terpakai bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah dalam Wilayah-wilayah Persekutuan.*

Seksyen 80 Enakmen yang sama memperuntukkan seperti yang berikut<sup>92</sup>:

*Seksyen 80. Beban membuktikan bahawa seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama empat tahun masih hidup.*

Peruntukan di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 juga memperuntukkan tempoh empat tahun bagi beban membuktikan seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama empat tahun masih hidup walaupun

---

<sup>91</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 2 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Johor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Melaka) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Keterangan Syariah (Pahang) 2005, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Keterangan Syariah (Sarawak) 2001, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

<sup>92</sup> Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 80 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Johor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Melaka) 2002, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Keterangan Syariah (Pahang) 2005, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Keterangan Syariah (Sarawak) 2001, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan seksyen 84 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004.

peruntukan lain di Negeri Terengganu berkaitan dengan seksyen 52 anggapan mati adalah memperuntukkan tempoh tujuh tahun atau lebih. Perkara ini telah diteliti dan mendapati analisa menunjukkan bahawa tempoh yang digunakan dalam permohonan anggapan mati adalah tujuh tahun manakala beban membuktikan digunakan tempoh empat tahun berdasarkan peruntukan yang tidak selari tetapi berhubungkait antara satu sama lain perlu dikaji supaya peruntukan ini adalah selari.

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

### **3.1.8 Peruntukan Berkaitan Anggapan Mati Dalam Akta Keterangan 1950**

Akta Keterangan 1950 [Akta 56] memperuntukkan anggapan mati dalam seksyen 108 adalah sama dengan peruntukan di bawah seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 di atas kecuali tempoh yang terdapat dalam Enakmen tersebut adalah lebih singkat iaitu 4 tahun berbanding dengan tempoh 7 tahun di bawah Akta Keterangan 1950 ( Akta 56). Seksyen 108 Akta 56 menyatakan:-

*108. Beban membuktikan kematian orang yang diketahui masih hidup dalam masa tujuh tahun masih hidup.*

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya. Konsep ini

diguna pakai secara umum di dalam mana-mana permohonan di mana Mahkamah Tinggi berbidang kuasa.

### **3.1.8.1 Definisi Anggapan.**

Secara literalnya, anggapan adalah sesuatu daripada fakta-fakta yang tidak perlu di buktikan (*facts which not to be proved*) selain daripada pengakuan *formal* (*for admission*) dan pengiktirafan kehakiman atau penghujahan kehakiman (*judicial notice*).<sup>93</sup> Ianya merupakan satu keistimewaan yang diberikan oleh pihak Mahkamah di mana Mahkamah memberikan gadaian hak kepada pihak yang mengemukakan sesuatu fakta meskipun tempat keterangan atau keterangan yang dikemukakan itu tidak mencukupi untuk mensabitkan sesuatu kes. Anggapan ini berkuat kuasa sehingga keterangan sebaliknya dikemukakan bagi menafikan anggapan itu. Dalam situasi begini, keterangan lain adalah diperlukan untuk menolak anggapan yang telah ditentukan itu berlainan daripada anggapan.<sup>94</sup>

Kamus undang-undang mendefinisikan anggapan sebagai andaian yang dibenarkan atau diperlukan untuk diwujudkan oleh undang-undang. Sesetengah anggapan adalah berhubung dengan orang contohnya anggapan kepada kejujuran, kematian dan kegilaan dan sesetengah anggapan pula adalah berkaitan dengan kejadian contohnya anggapan kesahan (*omnia presumuntur rite et solemniter esse acta*) iaitu semua benda dianggap dibuat dengan betul dan serius.

---

<sup>93</sup> Chm Tet Yung, *Singapore Law Series: Evidence, Malay Law Review*, Butterworths, Singapore Malaysia, 1998, h. 135.

<sup>94</sup> Lihat Seksyen 4 Akta Keterangan 1950.

Akta Keterangan 1950 tidak mendefinisikan secara khusus mengenai anggapan ini.

Akan tetapi Sir James Stephen telah mendefinisikan anggapan dalam *Digestnya*.<sup>95</sup>

*“a rule of law that court and judges shall draw a particular inference from a particular evidence, unless and until the truth of such is proved”*

*Iaitu: “ sesuatu peraturan undang-undang yang mana pihak Mahkamah dan para hakim dikehendaki membuat kesimpulan tertentu berasaskan fakta tertentu atau bukti tertentu melainkan fakta atau bukti tersebut dibuktikan sebaliknya.”*

Jelas menunjukkan bahawa pihak Mahkamah mempunyai kuasa atau hak untuk membuat anggapan atau budi bicara sendiri terhadap sesuatu fakta yang dikemukakan kecuali ia dibuktikan sebaliknya.

### **3.1.8.2 Pendekatan Anggapan Dalam Keterangan 1950.**

Di bawah seksyen 4(1) Akta Keterangan 1950, Mahkamah boleh membuat anggapan fakta jika ia diperuntukkan di dalam sesuatu Akta. Ini bermakna Mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk membuat anggapan fakta atau sebaliknya. Anggapan fakta sebenarnya ialah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan.<sup>96</sup> Apabila satu anggapan fakta beroperasi, fakta yang lain itu akan dianggap sebagai wujud. Jika Mahkamah tidak membuat sebarang anggapan sebagai wujud, maka pihak-pihak di dalam kes berkenaan harus membuktikan kewujudan fakta berkenaan.<sup>97</sup>

Sebagai contoh, di dalam misalan (a) kepada seksyen 114 Akta Keterangan 1950 diperuntukkan bahawa Mahkamah boleh menganggap seseorang itu ada dalam

---

<sup>95</sup> Stephen, Sir James, (2008), *Australian Dictionary of Biography*, Percival Serle.

<sup>96</sup> *Public Prosecutor v Leong Kow Chai* [1986] 2 MLJ 273.

<sup>97</sup> Peruntukan ini bukanlah mandatori kerana perkataan yang digunakan ialah ‘ boleh’. Antara seksyen-seksyen yang terlibat di bawah seksyen 4(1) AK ialah Seksyen 86, 87, 88 dan 114 AK.



miliknya barang curi selepas barang itu dicuri kecuali dia boleh membuktikan sebaliknya. Jika Mahkamah tidak menggunakan seksyen 114 Akta Keterangan 1950, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen mencuri seperti yang terdapat di dalam seksyen 378 Kanun Keseksaan.

Seksyen 4(2) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan tentang anggapan undang-undang yang boleh dipatahkan atau *rebuttable presumption of law*. Ini bermakna apabila Mahkamah diminta untuk membuat sesuatu anggapan, Mahkamah mestilah membuat anggapan tersebut.<sup>98</sup> Walau bagaimanapun, anggapan ini hanya boleh dibuat setelah fakta asas telah dibuktikan.<sup>99</sup> Mahkamah Tinggi di dalam kes *Public Prosecutor v Leong Kow Chai*<sup>100</sup> menyatakan bahawa anggapan undang-undang adalah anggapan *statutory* iaitu apabila sesuatu fakta itu dibuktikan, fakta yang berikutnya dianggap sebagai wujud.

Seksyen 4(3) Akta Keterangan 1950 pula berkenaan dengan anggapan undang-undang yang tidak boleh dipatahkan atau *unrebuttable presumption*. Ini bermakna, jika sesuatu Akta memperuntukkan mengenai sesuatu anggapan, maka tidak ada sebarang keterangan boleh dibawa untuk mematahkan anggapan tersebut.<sup>101</sup> Antara peruntukan lain yang menyebut tentang anggapan yang tidak boleh dipatahkan ialah seksyen 105(3) Akta Kastam 1952.<sup>102</sup>

---

<sup>98</sup> Sebagai contoh di bawah seksyen 105 AK, Mahkamah hendaklah menganggap bahawa tertuduh tidak mempunyai pembelaan.

<sup>99</sup> Rujuk kes *Muhammed Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273.

<sup>100</sup> [1968] 2 MLJ 29.

<sup>101</sup> Anggapan di bawah seksyen 112 AK budak yang berumur di bawah 13 tahun tidak berupaya untuk melakukan rogol. Jika seksyen 113 AK dibaca bersama seksyen 4(3) AK maka Mahkamah tidak akan membenarkan apa-apa fakta diberi untuk mematahkan anggapan.

<sup>102</sup> Lihat kes *Pang Po & Anor v Public Prosecutor* [1962] 2 MLJ 294.

### 3.1.9 Anggaran Mati Bagi Tujuan Permulaan Prosiding Kes

Terdapat peruntukan dalam seksyen 7 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 yang menyatakan seperti yang berikut:-

Seksyen 7. Cara memulakan prosiding mal

*(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding mal di Mahkamah hendaklah dimulakan melalui saman.*

*(2) Semua prosiding berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dimulakan melalui permohonan.*

Jadual kedua Akta ini memperuntukkan prosiding yang hendak dimulakan melalui permohonan termasuklah permohonan bagi anggaran mati dan kodnya adalah 015 iaitu Permohonan Anggaran Mati sepertimana di dalam Arahan Amalan No 1 Tahun 2000 (rujuk lampiran 1).

Jadual kedua di bawah seksyen 7 tersebut menyatakan seperti berikut;

JADUAL KEDUA  
(Subseksyen 7(2))  
**PROSIDING YANG HENDAKLAH DIMULAKAN DENGAN  
PERMOHONAN**

Perkara-perkara yang berhubungan dengan undang-undang diri dan keluarga seperti yang berikut:

Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan seseorang orang belum dewasa

Pelantikan wali am

Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang

**Anggaran kematian**

Pelantikan penjaga harta seseorang orang belum dewasa

Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang orang belum dewasa

Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang orang

belum dewasa

Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang orang belum dewasa

Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang orang belum dewasa

Kebenaran untuk menyara seseorang orang belum dewasa daripada pendapatan hartanya

Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang orang belum dewasa

Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang orang belum dewasa

Injunksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia

Perintah untuk mengetepikan, dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah

Injunksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau isteri

Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pengkuterimaan paterniti)

Pengesahan pengakuterirnaan paterniti oleh perempuan dalam '*eddah* (Pembahagian harta pusaka)

Seterusnya apabila suatu kes dimulakan prosidingnya dengan permohonan maka pendaftaran akan melalui peringkat berikutnya. Borang Pendaftaran yang dikemukakan mestilah lengkap dan ditandatangani oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar. Selanjutnya Pemohon hendaklah menceritakan masalahnya yang mana menyebabkan Pemohon membuat permohonan anggapan mati ini kepada Mahkamah.

Borang ini hendaklah ditaip bagi memudahkan pembacaan dan dihantar kembali ke kaunter pendaftaran dengan membuat pembayaran sebanyak RM40.00 bagi Mahkamah Tinggi Syariah manakala sebanyak RM 20.00 bagi Mahkamah Rendah Syariah untuk pendaftaran kes berdasarkan Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi)

(Wilayah –wilayah Persekutuan) 2011. Setiap maklumat yang telah diisi perlulah disemak sepertimana yang dilampiran (rujuk lampiran 2). Sebagai syarat utama iaitu:-

- (i) *Plaintif atau Defendan mestilah bermastautin di Wilayah Persekutuan (salinan kad pengenalan beralamat di Wilayah Persekutuan atau surat Pengesahan bermastautin)*
- (ii) *Surat Pengesahan tempat tinggal daripada Pengerusi atau Iman Qariah perlu disertakan sekiranya alamat dalam Kad Pengenalan di Luar Wilayah Persekutuan.*
- (iii) *Bagi Anggota Polis atau Tentera Surat Pengesahan Tempat Tinggal dan Majikan perlu disertakan.*
- (iv) *Semua borang permohonan mestilah bertaip dengan kemas.*
- (v) *Bayaran pendaftaran Permohonan atau tuntutan mengikut kaedah fi hendaklah dikemukakan.*

Permohonan ini akan berkuatkuasa jika tempoh empat tahun kehilangan suami itu dikenal pasti, jika tidak cukup tempoh empat tahun itu, maka Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat atau menjalankan prosiding bagi kes permohonan ini melainkan pihak tertentu menfailkan di bawah perkara lain seperti ta'liq, *fasakh* dan sebagainya di dalam aspek pembubaran perkahwinan.

Prosedur ini juga menyatakan jika suami tidak muncul atau tidak menyatakan perkhabaran kepada isterinya atau bapanya melebihi daripada empat tahun, maka pihak isteri atau anak atau warisnya boleh menfailkan permohonan anggapan mati kepada Mahkamah Syariah dengan melalui prosiding perbicaraan.

Setelah Mahkamah meneliti serta mendengar perbicaraan ini dengan keterangan saksi dan keterangan daripada pihak isteri mengenai kehilangan atau ghaibnya seorang suami itu dengan tidak menghantar khabar berita, jika Mahkamah berpuas hati, maka suatu kenyataan yang menyatakan kematian suami dengan mengeluarkan perintah menyatakan kematian itu perlu dibuat.

Selepas Mahkamah memutuskan membubarkan perkahwinan di bawah permohonan anggapan mati ini, maka isteri hendaklah beri'ddah dengan i'ddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari, maka setelah tamat tempoh i'ddah tersebut bolehlah perempuan itu, berkahwin dengan lelaki lain. Bagi permohonan rentetan dari kes perwalian dan juga perwarisan, dengan wujudnya perintah anggapan mati itu di dikeluarkan oleh Mahkamah, maka perintah tersebut bolehlah dikuatkuasa dengan serta merta. Dengan adanya perintah tersebut, pembahagian faraid boleh dilaksanakan, dan perwalian juga boleh berpindah kepada wali ab'ad yang lain ataupun boleh memohon kepada Mahkamah berkenaan dengan wali Hakim atau Raja bagi perempuan yang tidak mempunyai wali nasab.

Setengah pendapat menyatakan bahawa semasa tempoh perkahwinan dengan suaminya yang baru, suaminya yang lama telah muncul kembali, maka perkahwinannya yang baru terubur dan hendaklah dia ber'iddah tiga kali suci dan kembali kepada suaminya yang lama kerana persetubuhan dengan suami baru itu dihukumkan syubhat.<sup>103</sup>

Jika ditakdirkan juga bahawa waris di dalam pembahagian faraid tersebut telah muncul, maka ahli waris yang lain hendaklah memulangkan baki harta yang tinggal kepada orang yang hilang tersebut.

Wujud juga pendapat daripada mazhab lain yang menyatakan jika pihak suaminya yang hilang itu muncul kembali maka perkahwinan baru bagi perempuan itu tidak terubur malah diteruskan kerana pihak Mahkamah telah memutuskan pembubaran perkahwinan

---

<sup>103</sup> Ibn Juzai, (2005), *al-Qawāid al-Fiqhiyyah*. Kaherah, Dār al- Hadīth, h. 177.

kepada perkahwinan mereka malahan perkahwinan dengan suaminya yang lama itu yang terubur.<sup>104</sup>

Hal ini bergantung kepada budi bicara hakim dengan mengambilkira asas pembentukan hukum, *masālih mursalah*. Kebanyakannya mengikut budi bicara hakim mereka tidak akan membubarkan perkahwinan baru seseorang perempuan itu. Begitu juga halnya dari aspek perwalian dan juga perwarisan harta. Perkara ini berkait rapat dengan rujukan yang dibuat berdasarkan Hukum Syarak serta ijtihad hakim. Walaubagaimanapun, tidak ada kes yang telah dilaporkan berkaitan dengan perkara ini di Mahkamah Syariah di Malaysia.

### **3.2 PROSEDUR PERMOHONAN ANGGAPAN MATI DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN**

Menurut Arahan Amalan No 1 Tahun 2000 Permohonan Anggapan Mati ini berada di bawah Kod 015 (rujuk lampiran 1). Sebelum memerlukan proses permohonan, pihak yang memohon hendaklah dikenal pasti berada di bawah bidang kuasa yang sebenar di Mahkamah Syariah wilayah Persekutuan. Selepas itu hendaklah membuat pengaduan di bahagian kaunseling selanjutnya mengisi borang pendaftaran dengan lengkap di kaunter Mahkamah Syariah (rujuk lampiran 2).

Permohonan anggapan mati ini dibuat berdasarkan di bawah kod kes 15. Borang Pendaftaran ini mestilah lengkap dan ditandatangani oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar.

---

<sup>104</sup> *Ibid.*

Selanjutnya Pemohon hendaklah menceritakan masalahnya yang mana menyebabkan Pemohon membuat permohonan anggapan mati ini kepada Mahkamah.

Borang ini hendaklah ditaip dan dihantar kembali ke kaunter pendaftaran dalam tiga salinan dengan membuat bayaran sebanyak RM40.00 bagi Mahkamah Tinggi Syariah manakala sebanyak RM 20.00 bagi Mahkamah Rendah Syariah bagi pendaftaran kes. Setiap maklumat yang telah diisi perlulah disemak sepertimana senarai semak yang telah disediakan oleh pihak Mahkamah.

Selepas semakan terhadap permohonan anggapan mati telah lengkap, maka proses pendaftaran dan bayaran dikenakan dan tarikh sebutan dalam masa 21 hari akan ditetapkan oleh pihak kaunter melalui penjanaan permohonan melalui Borang MS 3. Permohonan ini akan berkuat kuasa jika tempoh empat tahun kehilangan suami itu dikenal pasti, jika tidak cukup tempoh empat tahun itu, maka Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat atau menjalankan prosiding bagi kes permohonan ini melainkan pihak tertentu menfailkan di bawah perkara lain seperti ta'liq dan sebagainya.

Selepas proses pendaftaran selesai sehingga ke peringkat penetapan tarikh sebutan pertama dalam masa 21 hari maka fail tersebut akan dikendalikan oleh pihak Mahkamah dari sebutan pertama, perbicaraan sehinggalah ke peringkat keputusan.

Semasa prosiding perbicaraan pihak Pemohon perlu menyatakan orang yang hilang tidak muncul atau tidak menyatakan perkhabaran kepadanya melebihi daripada empat tahun.

Perkara ini perlu dinyatakan di dalam affidavit permohonannya beserta dengan dokumen sokongan seperti iklan dan juga akuan sumpah.

Kebiasaannya hakim semasa sebutan atau perbicaraan akan melihat kepada usaha pihak Pemohon sama ada telah dibuat iklan atau sebagainya berkaitan dengan orang yang hilang ini. Selain daripada itu, Pemohon hendaklah bersedia menyediakan saksi bagi menyokong keterangannya berkaitan dengan anggapan mati orang yang hilang.

Setelah Mahkamah meneliti serta mendengar perbicaraan ini dengan saksi dan keterangan daripada pihak isteri atau seorang perempuan ataupun waris mengenai kehilangan atau ghaibnya seorang itu dengan tidak menghantar khabar berita, jika Mahkamah berpuas hati, maka suatu kenyataan yang menyatakan kematian orang itu akan dikeluarkan melalui perintah Mahkamah.

Selepas Mahkamah memutuskan anggapan mati ini di bawah pembubarkan perkahwinan, maka isteri hendaklah beri'ddah dengan 'iddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari, maka bolehlah perempuan itu berkahwin dengan mana-mana lelaki lain.

Jika ditakdirkan bahawa semasa tempoh perkahwinan dengan suaminya yang baru, suaminya yang lama telah muncul kembali, maka perkahwinannya yang baru terubuh dan hendaklah dia beri'ddah tiga kali suci dan kembali kepada suaminya yang lama akan tetapi tidak boleh bersama selagi tidak melangsungkan akad perkahwinan yang baru kerana perceraian berkenaan di bawah perceraian yang boleh dirujuk dengan adanya perkahwinan yang baru.



Wujud juga pendapat daripada mazhab lain yang menyatakan jika pihak suaminya yang hilang itu muncul kembali maka perkahwinan baru bagi perempuan itu tidak terubuh malah diteruskan kerana pihak Mahkamah telah memutuskan pembubaran perkahwinan kepada perkahwinan dengan suami pertama. Hal ini bergantung kepada budi bicara hakim dan dan kebanyakannya mereka tidak akan membubarkan perkahwinan baru seseorang perempuan itu.

Bagi permohonan anggapan mati berdasarkan perwalian, permohonan hendaklah dibuat berdasarkan permohonan yang disokong dengan affidavit. Perkara ini telah dinyatakan di bawah seksyen 190 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu;

- (1) *Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan affidavit.*
- (2) *Mana-mana pihak-*
  - (a) *Yang menfailkan affidavit yang dicadangkan hendaklah digunakan olehnya dalam apa-apa prosiding berhubung dengan permohonan itu; atau*
  - (b) *Yang bercadang untuk menggunakan dalam mana-mana prosiding sedemikian apa-apa affidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding sedemikian apa-apa affidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding yang terdahulu hendaklah memberikan notis kepada tiap-tiap pihak lain tentang penfailan itu atau tentang cadangannya hendak berbuat demikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.*

Affidavit itu hendaklah menyatakan bahawa seseorang itu telah hilang tanpa khabar berita selama beberapa tahun (dari tahun berapa) dan telah keluar dengan tujuan apa. Di samping itu juga affidavit tersebut hendaklah menyatakan bahawa orang tersebut telah tidak menghantar khabar berita melebihi empat tahun. Prosedur pelaksanaan bagi permohonan anggapan mati ini adalah sama seperti proses perbicaraan kes-kes permohonan yang lain.

### **3.3 PENGESAHAN ANGGAPAN MATI DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN**

Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan mensyaratkan empat tahun atau lebih bagi tempoh kehilangan suami maka barulah pihak isteri atau seorang perempuan ataupun waris boleh memohon untuk membuat permohonan ini. Pengesahan akan dibuat berdasarkan hujah atau keterangan yang dikemukakan di dalam perbicaraan semasa prosiding berjalan. Di samping itu juga keterangan daripada saksi dan juga dokumen yang berkaitan akan mempertimbangkan keterangan tersebut dengan mengambil kira beberapa aspek keterangan sepertimana di dalam peruntukan undang-undang. Hakim dalam mengendalikan perbicaraan akan berlandaskan Hukum Syarak dengan mengambil kira segala pendekatan yang telah ditetapkan dalam mensabitkan anggapan mati seterusnya mengeluarkan suatu perintah berkenaan anggapan mati .

Para hakim akan menjatuhkan hukuman bersandarkan *athār* sepertimana Umar al-Khattab menghukum bagi kes suami hilang yang mana isteri menunggu selama tempoh empat tahun iaitu tempoh paling lama bagi sesuatu kehamilan dan beri'ddah dengan I'ddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari. Perkara ini juga terpakai bagi semua aspek kekeluargaan Islam.

### **3.4 PENGESAHAN ANGGAPAN MATI DI MAHKAMAH SIVIL**

Manakala Mahkamah Sivil memberikan tempoh selama tujuh tahun bagi seseorang isteri itu membuat permohonan anggapan mati bagi permohonan pembahagian harta dalam aspek perwarisan. Tempoh ini telah dijelaskan di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 di atas.

Manakala menurut seksyen 63 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164)<sup>105</sup>

*(1) jika seseorang yang telah berkahwin menyatakan bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi menjangkakan bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu telah mati, maka ia boleh menyampaikan sesuatu petisyen kepada mahkamah supaya pihak yang satu lagi itu dianggap sebagai telah mati dan supaya perkahwinan itu dibubarkan, dan mahkamah jika berpuas hati bahawa alasan-alasan yang munasabah itu ada, boleh membuat suatu dekri nisi penganggapan mati dan cerai.*

Seksyen ni hanya terpakai kepada orang bukan Islam yang mana menjelaskan langkah-langkah perbicaraan sesuatu petisyen untuk mendapat *dekri nisi* atas alasan suatu pihak kepada perkahwinan itu dianggap telah mati, menurut subseksyen (1) petisyen boleh dibuat kepada Mahkamah dengan alasan yang munasabah menyatakan suatu pihak kepada perkahwinan itu dipercayai telah mati dan meminta supaya perkahwinan mereka dibubarkan. Mahkamah berasaskan kepada alasan-alasan yang diberikan itu boleh membuat suatu *dekri nisi* penganggapan cerai mati.

Terdapat tiga perkara penting yang perlu dipertimbangkan dalam perkara ini iaitu (i) menjangkakan pihak yang satu lagi itu telah mati, (ii) ada alasan-alasan yang munasabah, dan (iii) Mahkamah berpuas hati dengan alasan-alasan yang telah diberikan.

*(2) Dalam sesuatu perbicaraan itu fakta bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu telah tidak ada bersama sipetisyen berterusan selama tempoh tujuh tahun ke atas dan sipetisyen itu tiada sesuatu sebab bagi dipercayai pihak yang hilang itu masih hidup.*

Jika kurang daripada tujuh tahun, suatu keterangan yang positif menganggap salah satu pihak itu telah mati boleh juga dipertimbangkan melihat kepada hal dan keadaan yang

---

<sup>105</sup> Shamsuddin Suhor (1994), *Panduan Ringkas Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (AKTA 164)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 112-114.

dibawa ke Mahkamah. Apabila tempoh tujuh tahun itu telah berlalu dan kehilangan atau ketiadaannya itu masih belum jelas, pempetisyen masih boleh berjaya jika dalam tempoh tujuh tahun itu tidak juga mendapat apa-apa berita yang boleh dipercayai pihak satu lagi itu masih hidup.

Sekiranya pihak yang satu lagi itu didapati masih hidup setelah *dekri nisi* dibuat oleh Mahkamah tetapi belum menjadi mutlak, *dekri* tersebut boleh dibatalkan.<sup>106</sup> Sebaliknya jika *dekri nisi* telah mutlak perkahwinan pasangan tersebut akan dianggap sebagai telah dibubarkan. Dalam hal ini Mahkamah boleh membuat pertimbangan bagi peruntukan kewangan dan hal ehwal perkahwinan sama seperti di dalam kes-kes penceraian.

*(4) Seksyen 61 dan 62 hendaklah dipakai bagi sesuatu petisyen dan sesuatu dekri di bawah seksyen ini sebagaimana seksyen-seksyen itu dipakai masing-masing bagi sesuatu petisyen untuk penceraian dan sesuatu dekri penceraian.*

Sesuatu *dekri* penceraian yang diperintahkan oleh Mahkamah atas anggapan mati, hendaklah terlebih dahulu menjadi suatu *dekri nisi* sepertimana yang telah digariskan di bawah seksyen 61 akta yang sama. Selepas sesuatu *dekri* penceraian itu menjadi mutlak, salah satu pihak kepada perkahwinan itu dibenarkan berkahwin semula.

Akan tetapi berdasarkan aspek kekeluargaan Islam, aspek perwarisan juga diguna pakai di Mahkamah Tinggi Sivil berkaitan dengan apa-apa harta yang melibatkan Unit Pusaka Kecil dan perkara-perkara yang melibatkan permohonan bagi mendapatkan surat kuasa mentadbir.

---

<sup>106</sup> Lihat seksyen 61(2)(b) *Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976*.

### **3.5 BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DALAM PERKARA PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Sebagaimana yang diketahui, bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah lebih jelas daripada Mahkamah Sivil dalam perkara permohonan anggapan mati bagi orang Islam. Hal ini demikian jika sesuatu pihak membuat permohonan anggapan mati ini di Mahkamah Sivil setelah selesainya kes itu, pihak itu hendaklah melaporkan atau membuat pengesahan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah kerana semestinya itu adalah perkara di bawah undang-undang keluarga Islam. Hal ini juga terpakai bagi perkara yang melibatkan perwarisan dan perwalian dalam Islam.

Perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi berdasarkan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta melihat sejauh mana pindaan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memainkan peranannya. Sebelum itu lebih baik kita melihat sejarah Mahkamah Syariah dahulu.

Mahkamah Syariah merupakan suatu struktur Mahkamah yang berasingan daripada Mahkamah Sivil yang lain. Ketika Ordinan Mahkamah 1948 diluluskan dahulu, Mahkamah Syariah tidak dirujuk sebagai setaraf dengan Mahkamah-mahkamah Sivil tersebut. Begitu juga dengan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Akta Mahkamah Rendah 1948 di mana dalam peruntukan-peruntukannya, Mahkamah Syariah tidak dimasukkan dalam hierarki Mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sebaliknya kuasa penubuhan, pentadbiran dan prosedur Mahkamah Syariah serta bidang kuasanya diperuntukkan di bawah kuasa Badan Perundangan Negeri iaitu Enakmen-enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri. Jelaslah bahawa status Mahkamah Syariah hanyalah menjadi Mahkamah Negeri

yang hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Justeru itu setelah pindaan perkara 121(1A) maka Mahkamah Syariah kini kian diberi keutamaan dalam menguruskan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perkara yang diberikansepertimana yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua Senarai Satu Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan.

### **3.6 BIDANG KUASA MAHKAMAH SIVIL DALAM PERKARA PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam perkara anggapan mati ini terdapat di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (AKTA 164). Ianya terpakai kepada orang Islam dan juga orang bukan Islam. Akan tetapi jika peruntukan ini digunakan oleh orang Islam, mereka hendaklah membuat pengesahan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah yang berkenaan. Hal ini demikian, perkara berkaitan Agama Islam adalah di bawah kuasa negeri sepertimana yang diberikankuasa oleh Parlimen di bawah Jadual Dua, Senarai Satu, Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan.

### **3.7 BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH SIVIL DALAM PERKARA PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Rujukan boleh dibuat kepada kes *Tan Lim Kuan lawan Sabariah binti Md Noor*<sup>107</sup> dalam melihat Mahkamah Sivil lebih berbidang kuasa daripada Mahkamah Syariah apabila membabitkan salah satu pihak bukan Islam. Walaubagaimanapun dalam kes ini soal bidang kuasa tidak dibangkitkan, ini kerana jelas Plaintiff adalah seorang bukan Islam dan Mahkamah Sivil berbidang kuasa dan bukannya Mahkamah Syariah. YAA Abdul Hamid Mohamed<sup>108</sup>, menyatakan bahawa ramai orang menyangka dengan adanya perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan itu, masalah percanggahan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan

---

<sup>107</sup> [1995] 1 CLJ 323.

<sup>108</sup> Penghakiman dibuat oleh YAA Abdul Hamid Mohamed (Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang) dalam kes *Lim Chan Seng Iwn Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang & Satu Yang Lain* [1996] 3 CLJ 231.

Mahkamah Syariah akan selesai. Bagi beliau ia merupakan tanggapan yang salah. Sebabnya ialah Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam bukannya terhadap orang bukan Islam. Hal ini kerana persoalan Hukum Syarak boleh timbul dalam kes di mana salah satu pihak adalah bukan Islam.

Secara asasnya, berkenaan dengan anggapan mati ini, kedua-dua Mahkamah mempunyai bidang kuasa yang tersendiri iaitu Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mengenai anggapan mati di bawah peruntukan undang-undang keluarga Islam, keterangan dan juga pentadbiran undang-undang Islam dan Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan di dalam senarai persekutuan serta di dalam Akta Keterangan 1950. Perkara ini tidak berlaku sepertimana yang disangka kerana pindaan kepada perkara 121(1A) adalah merupakan salah satu cara mengurangkan percampuran pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Akan tetapi jika melihat perbezaannya, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang Islam sahaja manakala Mahkamah Sivil terpakai kepada orang bukan Islam terhadap anggapan mati ini. Tiada pertindihan bidang kuasa yang jelas ketara dapat dilihat kerana sesungguhnya Mahkamah Syariah berbidang kuasa terhadap permohonan anggapan mati terhadap orang Islam secara keseluruhannya.\

### **3.8 PERMOHONAN PIHAK-PIHAK**

Sesuatu permohonan anggapan mati akan dibuat apabila terdapat sesuatu isu yang melibatkan pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan. Berdasarkan aspek yang terlibat dalam anggapan mati ini, apabila melibatkan isu pembubaran perkahwinan

hanya isteri sahaja yang boleh memohon anggapan mati. Perkara ini tidak terpakai kepada anak dan juga ahli waris. Jika sesuatu permohonan anggapan mati di bawah perkara yang melibatkan permohonan untuk mendapatkan wali, sesuatu permohonan anggapan mati hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum permohonan mendapatkan kebenaran atau rujukan kepada hakim sepertimana di dalam peruntukan seksyen 18 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Permohonan ini hendaklah dibuat oleh seorang perempuan yang tidak mempunyai wali iaitu walinya tidak diketahui sama ada hidup ataupun mati. Seterusnya di dalam aspek perwarisan, sesuatu permohonan hendaklah dikemukakan oleh salah seorang ahli waris orang yang hilang sebelum atau semasa memulakan tindakan permohonan pembahagian faraid.

Semua perkara yang telah dinyatakan di atas adalah melalui suatu permohonan anggapan mati semasa proses kes berkaitan permohonan mendapatkan wali dan juga pembahagian faraid berjalan ataupun sebelum dilaksanakan permohonan itu kecuali bagi aspek pembubaran perkahwinan. Anggapan mati dari aspek pembubaran perkahwinan adalah suatu perkara yang jelas telah dinyatakan di bawah seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984. Justeru itu, permohonan ini adalah pakej bagi pembubaran perkahwinan seterusnya boleh dikemukakan surat kematian tersebut untuk perkara berkaitan perwarisan dan juga perwalian bagi anak perempuannya.

### **3.8.1 Pihak-Pihak Bukan Islam**

Perkara berkaitan dengan keagamaan dan undang-undang Islam telah diletakkan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Hal ini bermakna Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-



perkara yang dinyatakan di dalam senarai tersebut termasuklah perkara undang-undang persendirian Islam. Persoalan mengenai pertindihan bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah telah menjadi isu yang berpanjangan yang mana ia masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya sehingga hari ini. Hal ini telah diakui sendiri oleh YAA Datuk Hamid Mohamed sewaktu menjawat jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan. Beliau turut menyatakan bahawa Mahkamah Persekutuan telah meminta Parlimen mencari penyelesaian terhadap konflik antara bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah yang semakin serius.<sup>109</sup> Walaupun ianya dapat dikurangkan melalui pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, namun ia belum cukup kuat untuk mengatasi masalah tersebut.

Memang tidak dinafikan bahawa pindaan tersebut sebenarnya telah mengurangkan sedikit isu mengenai pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Pindaan ini menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang mana Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atasnya. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Mohammad Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib*.<sup>110</sup> Dalam kes ini, hakim telah menolak keputusan yang menyatakan bahawa pindaan 121(1A) tidak memberikan apa-apa kesan terhadap seksyen 4 Akta Kehakiman 1964. Mahkamah Agung menyatakan bahawa seksyen tersebut hanya akan mengatasi undang-undang biasa dan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah mengatasi seksyen 4 Akta Kehakiman 1964.<sup>111</sup>

---

<sup>109</sup> Latifah v Rosmawati [2006] 4 *MLJ* 705.

<sup>110</sup> [1992] 2 *MLJ* 793.

<sup>111</sup> *Mohammad Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib* [1992] 2 *MLJ* 793.

Oleh itu juga, Mahkamah Syariah berhak dan kompeten untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan umat Islam dan perkara-perkara yang disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Maka tidak timbullah soal bidang kuasa Mahkamah Syariah diambil oleh Mahkamah Sivil untuk mendengar kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang diri dan harta orang Islam. Secara tersurat, ianya seolah-olah menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah seratus peratus berbidang kuasa dalam perkara yang melibatkan Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan.

Namun, perlu diingatkan bahawa ia bukanlah mudah seperti yang disangkakan. Dalam konteks penulisan yang melibatkan perkara anggapan mati. Setakat hari ini Mahkamah Sivil juga mempunyai bidang kuasa dalam mendengar permohonan ini berdasarkan seksyen 108 Akta Keterangan 1950. Manakala Mahkamah Syariah masih jelas berbidang kuasa dalam perkara anggapan mati terutamanya dari aspek perwarisan, perwalian dan pembubaran perkahwinan berdasarkan peruntukan seksyen 46 (2)(b) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Seksyen 7 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 pula menjelaskan bahawa sesuatu permohonan anggapan mati hendaklah dimulakan dengan permohonan. Seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 juga menyatakan bahawa beban pembuktian bahawa orang yang telah hilang melebihi empat tahun adalah beralih kepada orang yang menegaskannya.

Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 turut memperuntukkan bahawa dalam hal perwarisan Mahkamah Syariah berbidang kuasa bagi menentukan orang yang berhak ke atas harta tersebut atau kepadanya orang itu berhak. Setiap peruntukan yang telah dinyatakan telah jelas bahawa akta-akta tersebut terpakai bagi orang yang beragama Islam sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan menerusi Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan: “kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri, dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah dan khairat ugama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat...”. Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukkan tersebut ianya hanyalah tertakluk kepada orang Islam sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa ke atas orang yang bukan Islam.

Permohonan anggapan mati ini sepertimana perlaksanannya di Mahkamah Syariah ianya hanya melibatkan satu pihak sahaja yang melalui prosiding permohonan dan affidavit di Mahkamah Syariah sepertimana yang telah jelas dinyatakan di dalam

Jadual Kedua seksyen 7 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 bahawa anggapan mati dimulakan dengan permohonan.

Jika pihak yang tidak beragama Islam merupakan si mati dalam permohonan anggapan mati ini, maka warisnya yang beragama Islam tidak boleh membuat permohonan anggapan mati ini di Mahkamah Syariah akan tetapi bolehlah membuat permohonan anggapan mati ini di Mahkamah Sivil. Begitu juga sekiranya si mati itu adalah orang Islam yang berkemungkinan pada masa hidupnya dia telah masuk Islam maka warisnya yang bukan Islam hendaklah membuat permohonan di Mahkamah Sivil jika tiada waris yang beragama Islam dan juga boleh membuat permohonan tersebut di Mahkamah Syariah. Sesuatu permohonan itu hendaklah di kemukakan di Mahkamah Sivil jika melibatkan Pemohon yang bukan Islam dan setelah Mahkamah melihat merit kepada permohonan tersebut maka Mahkamah Sivil akan membuat keputusan jika jelas permohonan ini dibuat berdasarkan permohonan mendapatkan probet atau surat mentadbir harta. Jika perkara ini adalah berkaitan dengan isu perwarisan dan memerlukan suatu dokumen yang menyatakan orang yang mati itu sudah pun mati maka suatu perisytiharan kematian perlu dibuat di Mahkamah Syariah kerana suatu perwarisan orang Islam itu tidak akan jatuh ke tangan ahli waris yang bukan Islam. Maka medium yang paling sesuai dalam mendengar kes berkaitan dengan anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam adalah di Mahkamah Syariah.

Sepatutnya, apabila Perlembagaan Persekutuan<sup>112</sup> telah menetapkan bahawa perkara sedemikian, maka Mahkamah Syariah berkompeten untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan umat Islam. Maka, soal pertindihan Mahkamah mana yang seharusnya berbidang kuasa tidak patut berlaku. Walaubagaimanapun, persoalan bidang kuasa ini tetap timbul apabila salah satu pihak yang adalah membabitkan orang bukan Islam.

Menyentuh sekiranya pihak yang terlibat dalam perkara permohonan anggapan mati adalah bukan Islam adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil bukannya dinafikan bahawa Mahkamah Syariah hanyalah berbidang kuasa terhadap orang Islam sahaja. Namun dalam hal ini, penulis berpendapat perkara ini bukanlah menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah langsung tidak mempunyai bidang kuasa ke atas perkara permohonan anggapan mati apabila timbul persoalan sebegini. Apa yang penulis dapat lihat ialah ada alternatif lain boleh digunakan di mana perkara-perkara yang melibatkan persoalan Hukum Syarak diselesaikan di Mahkamah Syariah manakala perkara yang melibatkan elemen-elemen sivil dan orang yang bukan Islam dibicarakan di Mahkamah Sivil. Secara tidak langsung akan timbul perkongsian bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Dalam merealisasikan sepenuhnya bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam persoalan yang melibatkan Hukum Syarak, bagi penulis kita memerlukan kepada satu pembaharuan yang berani selagi mana ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Sehingga hari ini, Mahkamah yang berkompeten untuk

---

<sup>112</sup> *Latifah vs Rosmawati [2006] 4 AMR 591/[2006] 4MLJ 705.*

membicarakan mengenai kes yang melibatkan pihak-pihak yang terlibat bukan orang Islam ialah Mahkamah Sivil.

### 3.8.2. Pihak-Pihak Orang Islam

Terdapat suatu kes berhubung dengan isu bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam permohonan bagi mendapatkan perintah anggapan mati di Mahkamah Sivil yang melibatkan orang Islam, iaitu *Re Ex Parte Application of Ridzwan Ibrahim (Presumption of Death)*.<sup>113</sup> Dalam kes ini YA Dato' Helliliah Mohd Yusof telah mengesahkan bahawa selain Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah turut mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan mengenai anggapan mati bagi orang Islam sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)1993, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)1998 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)1997.

Kes anggapan mati juga pernah di putuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, dalam kes Permohonan Anggapan Mati oleh Kelthom Binti Mohd Amin.<sup>114</sup> Dalam kes ini Pemohon memohon kepada Mahkamah supaya mengisytiharkan bahawa seseorang yang bernama Talib Bin Saari, yang didakwa sebagai suami Pemohon, ialah seorang yang *al-mafqūd* yang telah meninggal dunia. Permohonan ini dibuat oleh Pemohon untuk dua anggapan mati iaitu bagi Talib bin Saari dan Abdul bin Talib yang didakwa telah meninggal dunia pada 8 Mac 2000.

---

<sup>113</sup> [2002] 34 CLJ 502.

<sup>114</sup> Kes No: 41-07-1-2000.

Dalam kes itu Yang Arif Dato' Ismail bin Yahya telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah Negeri Terengganu, mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes tersebut. Dalam penghakiman beliau menyatakan di dalam penghakimannya seperti berikut:-<sup>115</sup>

*“Mengikut peruntukkan Hukum Syarak’ sebagaimana yang saya nyatakan di atas. Dan mengikut peruntukkan undang-undang sebagai mana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, dan peruntukkan subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, yang antara lain memperuntukkan kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam:*

*Seksyen 11.*

*(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-*

*(i) pertunangan, perkahwinan, ruju' , perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*

*(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*

*(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;*

*(iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*

*(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;*

*(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;*

*(vii) wakaf atau nazar;*

*(viii) pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;*

*(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;*

---

<sup>115</sup> Alasan Penghakiman Kes No 41-07-1-2000.

*(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;  
(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah  
seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan  
(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang  
kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis*

*Saya menyatakan saya berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi  
Syariah Negeri Terengganu mempunyai bidang kuasa untuk  
mendengar dan memutuskan permohonan ini”.*

Justeru itu, bagi permohonan anggapan mati, permohonan dan pelaksanaannya boleh dibuat di Mahkamah Syariah dan juga di Mahkamah Sivil. Akan tetapi kewujudan pindaan perkara 121(1A) menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh berbidang kuasa dalam hal dan perkara Mahkamah Syariah berbidang kuasa. Oleh demikian, perkara ini seharusnya dihormati dengan orang Islam memohon perkara permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah dalam aspek kekeluargaan Islam.

Mahkamah Sivil perlu menilai di mana merit permohonan sebenar dimohon. Berdasarkan kes ini juga, Mahkamah Sivil telah meneliti ekshibit yang dilampirkan oleh Pemohon yang menyatakan seperti berikut;

*Satu perintah anggapan mati simati adalah diperlukan sebelum  
petisyen untuk surat pentadbiran simati difailkan kerana tiada  
sebarang dokumen yang sah berkenaan dengan kematian Sheikh  
Mohamed Sheikh Ali dapat dikemukakan.*

Justeru itu, jika sesuatu permohonan dan affidavit menyatakan bahawa permohonan anggapan mati perlu disebabkan dari kes permohonan bagi mendapatkan surat pentadbir harta di Mahkamah Sivil, maka permohonan ini adalah di benarkan. Jika merit permohonan itu dibuat selain daripada itu, dan melibatkan isu perwalian, perwarisan dan juga perkahwinan maka medium yang paling sesuai adalah di Mahkamah Syariah. Kecenderungan ini berlaku adalah disebabkan perkara berkaitan dengan Akta Probate dan Surat Kuasa Mentadbir berada di bawah bidang kuasa



Mahkamah Sivil. Justeru itu, apabila melibatkan harta sama ada harta alih atau tidak alih yang nilainya melebihi RM 2 juta maka perkara ini memerlukan permohonan untuk mendapatkan surat mentadbir harta di Mahkamah Sivil. Justeru itulah, bagi permohonan anggapan mati yang melibatkan perkara bagi mendapatkan surat mentadbir harta, Mahkamah Sivil masih mempunyai bidang kuasa. Melalui temu bual dan perbincangan dengan Yang Arif Hj Abdul Walid Bin Hj Abu Hassan,<sup>116</sup> semasa perkhidmatan beliau di Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara, suatu persoalan berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes anggapan mati telah dirujuk oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Berdasarkan kajian Seksyen Syariah tersebut dengan meneliti kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah maka setelah diteliti kedua-dua Mahkamah mempunyai bidang kuasa yang sama. Saranan juga telah diberikan dan menyatakan bahawa orang Islam hendaklah memohon di Mahkamah Syariah terlebih dahulu.

Seterusnya berkaitan dengan permohonan yang melibatkan harta sama ada harta alih ataupun harta tidak alih, seseorang Pemohon perlu mendapatkan pembahagian di Unit Pusaka Kecil jika nilainya kurang 2 Juta Ringgit Malaysia dan di Mahkamah Tinggi jika nilainya melebihi 2 Juta Ringgit Malaysia. Akan tetapi perkara ini menjadi persoalan jika perintah faraid telah dikeluarkan di Mahkamah Syariah terlebih dahulu berkenaan anggapan mati dalam masa empat tahun kehilangan. Persoalannya adalah syarat semasa mengemukakan permohonan di Unit Pusaka kecil, suatu bukti kematian perlu diserahkan bagi melengkapkan permohonan.

---

<sup>116</sup> Temu bual bersama Yang Arif Abdul Walid Bin Abu Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 3 Disember 2010 jam 9.00 Pagi. Yang Arif sebelum ini telah berkhidmat di Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara sehingga Ogos 2010.

Antara bukti kematian<sup>117</sup> adalah perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, tragedi 13 Mei 1969, tragedi Muassem, dan perintah ini hanya boleh didapati selepas tujuh tahun dari tarikh berlakunya kejadian. Justeru itu jika suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah menyatakan orang yang hilang telah mati melebihi tujuh tahun dari tarikh kejadian maka atas budibicara Unit Pusaka Kecil untuk menerima perintah tersebut. Walaubagaimanapun, jika suatu perintah dari Mahkamah Syariah telah dikeluarkan dan Mahkamah Tinggi boleh menyemak dan mengesahkan bagi permohonan tersebut, maka adalah tidak menjadi keraguan bahawa perintah tersebut boleh diguna pakai sepertimana kes-kes yang telah diputuskan.

Sebagaimana yang diketahui berdasarkan bab yang sebelumnya bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara anggapan mati ini adalah diperuntukkan di bawah perkara pembubaran perkahwinan di dalam Bahagian Empat Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan) 2010. Kebanyakan negeri-negeri yang lain juga mempunyai peruntukan yang sama akan tetapi seksyen sahaja yang berlainan.

Manakala Mahkamah Sivil, peruntukan yang menunjukkan bidang kuasanya dalam perkara anggapan mati ini adalah diperuntukkan di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164) dan juga Akta Keterangan 1950 seksyen 108.

---

<sup>117</sup> Dipetik dari Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan). Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. <http://www.kptg.gov.my/index.php/ms/pusaka-kecil.html> pada 11 Disember 2010.

Untuk mengelakkan daripada percanggahan bidang kuasa dan juga menaikkan taraf dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Perlembagaan (Pindaan) 1998 (Akta A 704) Perkara 121 Persekutuan telah dibuat.

Kesan terpenting <sup>118</sup> daripada pindaan Perlembagaan Persekutuan ini ialah mengelakkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Ianya juga bermakna Mahkamah Syariah juga telah diiktiraf kewujudan dan kewibawaannya secara jelas oleh Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasanya dihormati dan tidak boleh diganggu gugat lagi. Ini bermakna, Mahkamah Syariah telah diberi kuasa penuh untuk menyelesaikan dan memutuskan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasanya. Sudah tidak ada ruang lagi bagi kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Awam juga mempunyai bidang kuasa yang sama dan boleh membicarakannya dan jika terdapat percanggahan maka keputusan Mahkamah Awam adalah Muktamad.

Dengan adanya pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 121(1A) maka keperluan kepada Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang tersendiri, kemas dan padat yang menjadikan Hukum Syarak sebagai rujukan muktamad adalah diperlukan.

Kerajaan Persekutuan melalui Akta Parlimen telah juga membuat pindaan yang memberi lebih kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat mengenai kesalahan Syariah, iaitu hukuman penjara sehingga tiga tahun, atau apa-apa denda sehingga RM 5,000 atau sebat enam rotan atau gabungan kedua-dua hukuman tersebut, yang dikenali sebagai Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984.

---

<sup>118</sup> Abdul Monir Yaacob (2006), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur.

Akta tersebut seperti yang telah dinyatakan adalah pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 yang hanya memperuntukkan hukuman apa-apa kesalahan hanya boleh dihukum dengan penjara untuk satu tempoh tidak melebihi enam bulan atau dengan tidak melebihi satu ribu ringgit (RM1,000) atau kedua-duanya sekali. Pindaan tersebut memberi lebih kuasa kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat sehingga penjara tiga tahun. Oleh itu untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan, kezaliman dapat dihapuskan dan di dalam perbicaraan, keterangan diperlukan kerana hakim hanya menjatuhkan hukuman berdasarkan bukti dan keterangan yang zahir.

Berdasarkan sebab-sebab di atas tadi dan demi untuk memastikan perbicaraan di Mahkamah Syariah berjalan seperti yang diharapkan, maka Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia telahpun menyiapkan cadangan Draf Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah untuk diterima pakai setelah diubah suai oleh negeri-negeri di Malaysia. Di antara negeri-negeri yang telah menerima pakai setelah diubah suai undang-undang tersebut ialah Kedah, Pahang, Kelantan, Sarawak, Melaka dan Negeri Sembilan.

### **3.9 PENDEKATAN 'SUBJECT MATTER' DAN 'REMEDY PRAYED FOR APPROACH' DALAM PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Walaupun telah dijelaskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan anggapan mati dan Mahkamah Sivil juga mempunyai bidang kuasa yang sama, tetapi yang jelas adalah berkaitan dengan peruntukan berkenaan dengan anggapan mati berdasarkan seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

Berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam mendengar di bawah seksyen 46(2)(b)(ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam dan juga seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) turut menguatkan lagi bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam kes permohonan anggapan mati. Mahkamah Sivil juga telah menggunakan seksyen 180 Akta Keterangan 1961 bagi permohonan anggapan mati. Ianya jelas digunakan di dalam aspek perwarisan yang melibatkan permohonan bagi mendapatkan surat pentadbir harta.

Justeru itu wujud apa yang dikatakan dengan perkongsian bidang kuasa dan perkara ini telah dipersetujui oleh Yang Amat Arif Datuk Mohamad Bin Abdullah.<sup>119</sup> Akan tetapi jika di rujuk perkara yang melibatkan kekeluargaan Islam, maka Mahkamah Syariah adalah Mahkamah yang berkompeten bagi membicarakan kes permohonan anggapan mati. Perkara ini turut dipersetujui oleh Yang Amat Arif Datuk Mahammad Bin Ibrahim<sup>120</sup> serta Yang Amat Arif Tuan Haji Mukhyiddin Bin Ibrahim.<sup>121</sup>

Penggunaan pendekatan ‘subject matter’ dan ‘remedy prayed for approach’ dalam suatu penghakiman adalah amat penting kerana ia memberi kesan dalam memutuskan bahawa Mahkamah manakah yang lebih berkompeten untuk membicarakan mengenai isu permohonan anggapan mati sama ada di Mahkamah Syariah ataupun di Mahkamah Sivil bagi persoalan perwarisan dalam aspek kekeluargaan Islam. Pendekatan ‘subject matter’ telah menjadi tanda aras bagi persoalan konflik bidang kuasa yang melibatkan Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil.

---

<sup>119</sup> Temu bual Ketua Hakim Syarie Wilayah Persekutuan pada 6 Disember 2010, Selasa, jam 4.50 Petang.

<sup>120</sup> Temu bual Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka pada 28 Julai 2011, Khamis jam 11 pagi.

<sup>121</sup> Temu bual Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor pada 16 Ogos 2011, Selasa, jam 12 tengahari.

Perkara ini dapat dilihat menerusi kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v Shaikh Zolkaffily Bin Shaikh Natar & Others*<sup>122</sup> yang mana kes ini telah diputuskan diperingkat rayuan Mahkamah Persekutuan. Hakim Malaya Yang Arif Haidar membenarkan rayuan Perayu dengan menyatakan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana hendaklah menfokuskan minda beliau lebih kepada persoalan utama bidang kuasa dan bukan menimbangkan dengan panjang lebar prinsip-prinsip yang terlibat dalam satu permohonan di bawah A18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT). Adalah jelas satu Mahkamah Syariah telah dirampas bidang kuasanya melalui s 48 (2) (b) (v), (vii) dan (ix) Enakmen Pulau Pinang berbanding dengan perkara pokok di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi. Oleh kerana perkara-perkara di hadapan hakim dengan nyata diberikan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah oleh Enakmen Pulau Pinang, ia adalah salah untuk hakim yang bijaksana menimbangkan dua suratcara yang didedahkan dan disimpulkan bahawa atas prinsip-prinsip dalam satu permohonan A 18, ia tidaklah biasa atau nyata bahawa tuntutan tersebut dengan jelas tidak boleh dikekalkan. Persoalan utama di hadapan hakim adalah tentang bidang kuasa.

Di dalam penghakimannya juga telah menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Tinggi tidak mempunyai peluang untuk menimbangkan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor*<sup>123</sup> yang menggunakan pendekatan ‘subject matter’ dan bukan pendekatan ‘remedy prayed for approach’. Hakikat bahawa remedi yang dimohon adalah untuk satu deklarasi tidak mengalihkan kes tersebut daripada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Hakim

---

<sup>122</sup> [2003] 3 MLJ 705.

<sup>123</sup> [1999] 1 MLJ 489.

Mahkamah Tinggi sepatutnya menggunakan pendekatan ‘subject matter’ dan bukanlah pendekatan ‘remedy prayed for approach’ untuk menentukan jika Mahkamah Syariah diberikan bidang kuasa tersebut. Kes yang telah mengikuti dalam mempertimbangkan persoalan bidang kuasa Mahkamah dengan menggunakan pendekatan ‘subject matter’ ialah *kes Soon Singh a/l Bikar Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor*<sup>124</sup> Mahkamah.

Formula ini dibuktikan dapat menyelesaikan beberapa persoalan berkaitan dengan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil berbanding dengan pendekatan “remedy prayed for approach” yang telah diguna pakai di dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman & Others*<sup>125</sup> yang mana kes ini tidak mengikut pendekatan ‘subject matter’ sepertimana kes yang menjadi ‘landmark’ kes bagi menyelesaikan persoalan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah jelas disenaraikan di bawah Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan pandangan Prof Tan Sri Ahmad Ibrahim,<sup>126</sup> salah satu kesan besar daripada pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan ialah mengurangkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil sepertimana yang berlaku di dalam kebanyakan kes yang telah diputuskan sebelum ini.

---

<sup>124</sup>[1999] 5 MLJ 618.

<sup>125</sup> [1992] 2 MLJ 244.

<sup>126</sup> Ahmad Ibrahim (1412H/1991), “Pindaan Kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya Kepada Pentadbiran Undang-undang Islam”, Jurnal Hukum, jld. 7, Bhgn II. Kuala Lumpur. Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), h. 129-137.

Antara kes yang telah dilaporkan yang mempunyai konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil adalah seperti kes *Myriam v Ariff*,<sup>127</sup> *Commissioners for Religious Affairs Terengganu & Ors v Tengku Mariam*,<sup>128</sup> *Nafsiah v Abdul Majid*,<sup>129</sup> *Roberts v Umami Kalthom*,<sup>130</sup> *Boto' binti Taha v Jaafar bin Muhammad*<sup>131</sup> dan sebagainya. Persoalan Mahkamah manakah yang lebih berkompeten dalam mendengar kes permohonan anggapan mati berdasarkan aspek perwarisan sama ada Mahkamah Sivil atau pun Mahkamah Syariah. Persoalan ini telah dileraikan dengan melihat kepada bidang kuasa yang wujud di Mahkamah Syariah dan juga di Mahkamah Sivil. Hanya yang tinggal, konsep “remedy prayed for” perlu di lihat dari segi apakah asas permohonan yang dibuat oleh pihak Pemohon di dalam kes permohonan anggapan mati ini.

Justeru itu, berdasarkan perbincangan kes di atas, didapati pendekatan yang paling berkesan bagi menyelesaikan persoalan bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil adalah pendekatan ‘subject matter’ dan bukanlah ‘remedy prayed for approach’. Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah dibincangkan di awal bab ini maka jelaslah permohonan anggapan mati ini adalah bidang kuasa Mahkamah Syariah sepenuhnya dan bukanlah bidang kuasa Mahkamah Sivil.

### **3.10 KESIMPULAN**

Sesuai permohonan bagi mendapatkan perintah anggapan mati yang melibatkan pihak-pihak yang beragama Islam di dalam aspek kekeluargaan Islam hendaklah difailkan di Mahkamah Syariah berdasarkan seksyen 7 Enakmen/Akta Tatacara Mal Mahkamah

---

<sup>127</sup> [1971] 1 MLJ 265.

<sup>128</sup> [1969] 1 MLJ 110.

<sup>129</sup> [1969] 2 MLJ 174 .

<sup>130</sup> [1966] 1 MLJ 163.

<sup>131</sup> [1985] 2 MLJ 98.



Syariah negeri-negeri yang menetapkan cara memulakan prosiding mal bagi permohonan anggapan mati hendaklah dimulakan melalui permohonan jika asasnya adalah berkaitan dengan pembubaran perkahwinan adalah di bawah seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Bagi asas permohonan anggapan mati berdasarkan aspek perwalian dan juga perwarisan hendaklah dibuat di bawah seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan juga seksyen 46 (2) (b) serta seksyen 50 Akta Pentadbiran undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan tahun 1993. Seksyen-seksyen tersebut memberi bidang kuasa mal berhubung dengan pembahagian dan perwarisan harta berwasiat dan tak berwasiat dan juga undang-undang persendirian Islam yang sememangnya merupakan hal perkara Negeri di bawah butiran 1 senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perkara mengenai probet dan surat kuasa mentadbir masih berada di bawah butiran 4 Senarai 1 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang mana Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa mengenainya.

Oleh yang demikian, seseorang Islam hendaklah menfailkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan perintah anggapan mati di Mahkamah Syariah berkaitan dengan perwarisan berdasarkan seksyen 46 (2) (b) (ix), seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dan seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Jika melibatkan perkara probet dan pentadbiran, maka permohonan hendaklah dibuat di Mahkamah Sivil menurut seksyen 108 Akta Keterangan 1950. Perhatian hendaklah diberi kepada tempoh anggapan mati yang diperuntukkan dalam kedua-kedua akta ialah empat tahun dan tujuh tahun.

Berdasarkan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di atas adalah jelas bahawa kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa berkaitan dengan anggapan mati. Peruntukan di Mahkamah Sivil terpakai bagi orang yang bukan Islam manakala peruntukan di Mahkamah Syariah terpakai bagi orang Islam. kewujudan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi tidak boleh mempunyai bidang kuasa ke atas apa-apa bidang kuasa yang telah diberikan kepada Mahkamah Syariah.

Peruntukan yang jelas di dalam permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah berdasarkan aspek pembubaran perkahwinan, perwarisan dan juga perwalian telah memberikan penekanan bahawa orang Islam hendaklah membuat permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah. Setelah mendapat perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah maka perintah itu hendaklah digunakan bagi perkara probet dan permohonan di Unit Pusaka Kecil sepertimana dokumen perintah pembahagian sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Penulis berpendapat bahawa kedua-dua dokumen iaitu perintah anggapan mati dan juga perintah pembahagian faraid adalah berkaitan antara satu sama lain kerana Mahkamah Syariah tidak akan membuat pembahagian faraid selagi mana anggapan mati tidak diputuskan terlebih dahulu. Perkara utama di dalam faraid adalah untuk memastikan ahli waris yang hidup di saat kematian si mati. Tambahan pula di dalam isu anggapan mati ini, seseorang yang tidak diketahui hidup atau mati hendaklah diputuskan terlebih dahulu.

Justeru itu, berdasarkan kes-kes yang telah dirujuk dalam perbincangan di atas didapati Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang jelas bagi mendengar, membicarakan dan memutuskan kes anggapan mati sama ada berdasarkan aspek pembubaran perkahwinan, perwalian mahupun perwarisan. Perkara ini telah disokong dengan merujuk kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Senarai Dua Senarai Negeri di dalam Perlembagaan Persekutuan, Pindaan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, seksyen bidang kuasa Mahkamah mendengar kes di dalam Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri, Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri dan Akta/Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri.

## **BAB IV**

### **ANALISIS ISU-ISU BERBANGKIT DARIPADA KES-KES PERMOHONAN ANGGAPAN MATI YANG DIPUTUSKAN DI MALAYSIA**

---

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Secara jelas, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mengenai anggapan mati melalui aspek kekeluargaan seperti perkahwinan, perwarisan dan juga perwalian. Bagi anggapan mati yang dibuat di bawah pembahagian harta berwasiat atau tidak berwasiat Mahkamah Sivil juga mempunyai bidang kuasa sepertimana Mahkamah Syariah miliki di bawah Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada itu juga anggapan mati di Mahkamah Tinggi Sivil dibuat di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950. Peruntukan ini adalah sama sepertimana peruntukan di bawah Akta Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Masalah pertindihan bidang kuasa ini akan dapat dilihat jika salah satu pihak adalah bukan Islam, atau melibatkan salah satu pihak itu bertukar agama sama ada telah murtad dari agama Islam ataupun telah memeluk agama Islam. Walaubagaimanapun, perkara ini juga terjadi dalam hal permohonan anggapan mati tanpa melibatkan salah satu pihak yang bukan beragama Islam.

Perkara ini akan dikaji oleh penulis dengan pendekatan kajian melalui temu bual hakim-hakim yang mengendalikan kes anggapan mati ini di Mahkamah Syariah di Malaysia dan juga Pegawai Syariah yang pernah menjawat jawatan hakim dan juga mereka yang terlibat secara langsung dengan dasar dan perbincangan berkaitan anggapan mati seperti Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara amnya.

Persoalan yang akan ditemu bual akan berlandaskan kepada hasil penelitian dan juga analisis dari fail-fail kes berkenaan dengan anggapan mati.

#### 4.1 STATISTIK PERMOHONAN ANGGAPAN MATI

**Jadual 4.1 Statistik Berdaftar Kes Permohonan Anggapan Mati (015) Bagi Negeri-Negeri Di Malaysia Dari Tahun 2005 Sehingga Tahun 2009**

NEGERI/TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009	KESELURUHAN KES DI NEGERI-NEGERI
JOHOR	0	1	0	0	2	3
KEDAH	0	0	0	1	0	1
KELANTAN	1	0	0	0	0	1
MELAKA	2	0	0	0	4	6
NEGERI SEMBILAN	1	0	0	0	0	1
PAHANG	1	0	0	0	0	1
PERAK	0	0	0	0	0	0
PERLIS	0	0	1	0	0	1
PULAU PINANG	0	0	0	0	0	0
SABAH	0	0	0	0	0	0
SARAWAK	0	0	0	0	1	1
SELANGOR	2	1	0	0	2	5
TERENGGANU	3	1	3	2	1	10
WILAYAH PERSEKUTUAN	0	0	0	0	1	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN KES BERDAFTAR DI MALAYSIA</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>11</b>	<b>31</b>

Sebagaimana jumlah kes yang didaftarkan dan diputuskan di Mahkamah Syariah, jadual 4.1 menerangkan statistik berdaftar kes permohonan anggapan mati (015) bagi negeri-negeri di

Malaysia dari tahun 2005 sehingga tahun 2009. Pendaftaran permohonan bagi kes anggapan mati ini adalah sedikit, malah tidak semua negeri mempunyai daftar kes yang melibatkan anggapan mati ini. Skop pemilihan tahun kes yang akan dikaji adalah dari tahun 2005 sehingga 2009. Tempoh 5 tahun diambil bagi melihat rumpun permohonan yang dibuat. Memandangkan pendaftaran kes yang kurang, penulis juga akan melihat kecenderungan permohonan anggapan mati pada tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2000 sehingga tahun 2004.

Berdasarkan statistik ini juga, negeri yang dipilih oleh penulis adalah negeri yang mencatatkan kes berdaftar yang tertinggi berkenaan anggapan mati iaitu Negeri Terengganu yang mencatatkan 10 kes, Negeri Selangor 5 kes dan Negeri Melaka 6 kes. Justeru itu, kajian ini akan melihat kepada senario permohonan yang didaftarkan, keadaan serta alasan permohonan ini dibuat.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan<sup>132</sup> kes permohonan anggapan mati adalah jarang dimohon disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

- 1- Tempoh yang diambil adalah panjang iaitu selama empat tahun (4) sedangkan isteri mempunyai alternatif lain untuk membubarkan perkahwinannya.
- 2- Keadaan fizikal Negara dan muka bumi juga menjadi faktor kerana Negara Malaysia tidak mengalami bencana alam yang teruk yang menyebabkan pasangan suami isteri ini boleh dipisahkan. Hal ini dapat dilihat jika di Indonesia yang mana selalunya berlaku *caremitif* iaitu bencana alam seperti *tsunami* yang banyak

---

<sup>132</sup>Temu bual Tuan Zulfikri Yaso', Pegawai Penyelidik Rayuan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 10 Oktober 2010 Jam 2.30 Petang. Beliau pernah menjadi Hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2005 sehingga tahun 2008.

mengorbankan nyawa dan hubungan kekeluargaan serta persaudaraan terputus dan tidak diketahui sama ada yang hilang itu sudah mati atau masih hidup.

- 3- Kebarangkalian yang dinyatakan terdapat satu kes sahaja yang diputuskan berdasarkan kes permohonan anggapan mati ini adalah disebabkan harta yang mana jika seseorang isteri menunggu empat tahun dan memohon permohonan anggapan mati ini dan disabitkan oleh hakim serta isteri tersebut menjalankan iddah kematian suami selama empat bulan sepuluh hari maka isteri tersebut akan mendapat harta peninggalan suaminya secara faraid manakala jika isteri tersebut membubarkan perkahwinan dengan cara ta'liq sebelum membuat anggapan mati contohnya maka isteri tersebut tidak akan mendapat harta peninggalan suaminya secara faraid.
  
- 4- Selain daripada itu juga, kebanyakan kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan ini, isteri tersebut tidak akan mengambil masa yang begitu lama untuk membubaran perkahwinannya malahan mereka ingin segera dilepaskan oleh suami yang tidak bertanggungjawab kerana pengabaianya meninggal langsung isterinya tanpa khabar berita selama tempoh melebihi satu tahun. Akan tetapi di dalam kes ini, jika pasti kehilangan suami tersebut bukan disebabkan meninggal langsung berkemungkinan pihak isteri akan menunggu tempoh yang lama sehingga sesuatu perkara yang mendesak akan berlaku seperti pembahagian harta atau anak perempuan mahu berkahwin.

- 5- Isteri juga mempunyai banyak pilihan untuk membubarkan perkahwinan seperti khulu', ta'liq, *fasakh* dan sebagainya selain daripada permohonan anggapan mati yang mempunyai tempoh yang panjang.

## **4.2 ANGGAPAN MATI DARI ASPEK PERWALIAN**

Penulis telah menganalisa kes yang telah diambil dari skop kajian kes tiga negeri iaitu Melaka, Selangor dan Terengganu. Sebanyak 5 kes anggapan mati yang dinilai berdasarkan aspek perwalian. Dua kes dikenal pasti di Negeri Melaka, dan 3 di Negeri Terengganu. Bagi negeri Selangor kes anggapan mati dari aspek perwalian tidak wujud seterusnya tidak akan dibincangkan di dalam bab ini. Manakala keputusan kes yang ditolak atau ditarik balik juga tidak akan dibincangkan oleh penulis kerana tidak mempunyai isu di dalam perbincangan anggapan mati.

### **4.2.1 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Perwalian Di Negeri Melaka**

Kes permohonan wali hakim dan anggapan mati didaftarkan secara berasingan tetapi boleh dibicarakan sekali dalam satu masa. Merujuk kepada kes permohonan no: 04001-015-0007-2009 adalah merupakan kes permohonan anggapan mati manakala kes permohonan no: 04001-051-0008-2009 adalah merupakan kes permohonan wali hakim yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Melaka Tengah, Melaka yang telah didaftarkan oleh Pemohon yang bernama Saedah binti Abdullah bagi tujuan mendapatkan wali hakim. Permohonan ini juga dibuat untuk kes anggapan mati kerana sebelum ini Pemohon sudah berkahwin dengan seorang yang bernama Daei mengikut adat orang asli sekitar tahun 1996. Suami Pemohon telah meninggalkan Pemohon sejak sekian lama sehinggalah Pemohon mendapat tahu dari



ibu suami Pemohon bahawa suami Pemohon telah meninggal dunia. Suami Pemohon telah meninggal dunia tanpa sebarang rekod kematian. Mahkamah setelah mendengar segala keterangan Pemohon beserta dengan saksi Pemohon telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 3 &4) :

Bagi kes permohonan wali hakim;

*Mahkamah membenarkan permohonan Pemohon untuk berkahwin dengan Hamid Bin Husin (No. K/p: 630121-71-5069) secara wali hakim mengikut Hukum Syarak.*

Bagi kes permohonan anggapan mati;

*Mahkamah perintahkan kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan seksyen 89 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002 disebabkan kekeliruan tentang sama ada Mahkamah Rendah berbidangkuasa atau tidak dalam mendengar, membicara dan membuat keputusan dalam kes ini.*

*Mahkamah perintahkan Pendaftar untuk memastikan kes ini didengar di Mahkamah Tinggi Syariah dengan segera disebabkan melibatkan seorang saudara baru (muallaf).*

Kes ini menjelaskan bahawa suatu permohonan wali hakim boleh diputuskan terlebih dahulu sebelum kes anggapan mati diputuskan. Penulis berpendapat bahawa kes anggapan mati perlu diputuskan terlebih dahulu supaya permohonan wali hakim diluluskan dengan menjelaskan bahawa seorang perempuan yang mahu berkahwin itu bukanlah isteri orang. Akan tetapi di dalam kes ini hakim telah berpuashati berdasarkan keterangan Pemohon dan juga saksi Pemohon yang mana suami Pemohon telah meninggal dunia akan tetapi rekod kematian tidak wujud. Justeru itu suatu permohonan anggapan mati perlu dikeluarkan bagi membolehkan seorang perempuan itu berkahwin lain yang mana perakuan itu menunjukkan perceraian mati.

#### 4.2.2 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Perwalian Di Negeri Terengganu

Berdasarkan kes permohonan no: 11005-015-0154-2005 berkaitan suatu permohonan telah dibuat oleh Pemohon yang bernama Roziani Binti Yusof di hadapan Tuan Hakim Haji Rosdi Bin Harun, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu. Permohonannya adalah berkaitan permohonan pensabitan anggapan mati bapanya yang bernama Yusof Bin Mohamad yang telah hilang selepas keluar pergi ke laut untuk bekerja sebagai Nelayan. Di dalam affidavit permohonan Pemohon menyatakan bahawa bapanya telah hilang di laut semasa ribut kuat melanda di tengah laut. Kes ini dibicarakan dengan memanggil dua orang saksi yang terdiri daripada tekong-tekong dan Nelayan yang lain menyatakan bahawa telah berlaku kejadian ribut yang kuat dan kemungkinan bot yang dinaiki oleh Yusof Bin Mohamad telah hilang dan karam. Oleh yang demikian, berdasarkan permohonan, affidavit permohonan, dokumen sokongan dan keterangan saksi-saksi dan setelah Mahkamah meneliti dan Mahkamah berpuashati dengan keterangan yang diberikan maka Tuan Hakim Haji Rosdi telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 5);

1. **Saya Sabit** ayah kandung kepada Roziani Bin Yusof yang bernama Yusof Bin Mohamad adalah seorang **AL-MAFQUD** mengikut Hukum Syarak’.
2. **Saya Hukum** Yusof Bin Mohamad telah mati dalam tragedi bot Nelayan hilang dipukul ribut pada satu hari dalam tahun 1981 di laut China Selatan.<sup>133</sup>

Justeru selepas Pemohon di dalam kes ini telah mendapatkan perintah berkenaan anggapan mati, prosiding bagi permohonan mendapatkan wali hakim boleh diteruskan dengan mengemukakan bukti anggapan mati itu.

---

<sup>133</sup> Perintah Kes No 11005-015-0154-2005.

Di samping itu juga terdapat kes permohonan no: 11006-015-0152-2005 di Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Terengganu berkaitan dengan permohonan anggapan mati ini telah di pohon oleh pihak Pemohon iaitu Suriadah Binti Mamat. Permohonan ini di sokong dengan affidavit yang menyatakan beliau adalah isteri @ balu kepada Mohd Zain Bin Awang yang mana pada bulan Jun 1975 ( 30 tahun yang lalu) suaminya telah keluar dari rumah di Kuantan ke laut di perairan Laut China Selatan untuk menangkap ikan dan semenjak itu, beliau tidak pernah pulang ke rumah. Beliau telah keluar ke laut bersama dengan lima orang lagi rakannya dengan menaiki bot, akan tetapi kesemuanya hilang akibat dipukul ombak dan dipercayai telah lemas di laut dan mayat-mayat mereka tidak ditemui.

Permohonan ini juga dibuat adalah kerana anaknya hendak berkahwin dan telah memohon wali hakim dan hakim mengarahkan suatu permohonan anggapan mati dibuat. Justeru itulah permohonan ini diperlukan oleh Mahkamah Syariah sebelum membenarkan permohonan mendapatkan wali tersebut.

Menerusi penelitian catatan perbicaraan kes permohonan anggapan mati yang dimohon oleh Pemohon Suriadah Binti Mamat, Hakim Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Terengganu iaitu Tuan Hakim Mohd Nadzri Bin Yusof telah membuat keputusan pada 29 Mei 2005 menyatakan bahawa (rujuk lampiran 6) ;

Saya sabitkan suami kepada Suriadah Binti Mamat yang bernama Mohd Zaini Bin Awang adalah seorang *al-mafqūd* mengikut Hukum Syara' dan saya hukumkan dirinya telah mati dalam kejadian bot Nelayan karam pada 15 Jun 1975 di Tanjung Api, Kuantan Pahang.

Berdasarkan affidavit permohonan pihak Pemohon ini, alasan permohonannya adalah kerana anak Pemohon iaitu Nor Kasmuri Binti Mohd Zain bercadang untuk berkahwin. Justeru itu, bagi menguruskan permohonan mendapatkan wali bagi perkahwinan tersebut, suatu perakuan atau dokumen menyatakan kematian wali tersebut diperlukan oleh Mahkamah. Suatu dokumen sokongan seperti akuan bersumpah atau akuan berkanun perlu dikemukakan bersama-sama dengan affidavit yang dilampirkan. Selain daripada itu juga, semasa prosiding ini dijalankan, suatu usaha bagi membuat iklan supaya menghendaki pihak Responden hadir turut diambil perhatian.<sup>134</sup>

Suatu kes permohonan no: 11200-015-0063-2008 yang telah diputuskan oleh Yang Arif Hakim Shaikh Ahmad bin Ismail, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dalam mendengar suatu kes anggapan mati bagi Awang Bin Mohamad yang dimohon oleh adik beradik seibu sebapa dengannya iaitu Manis Bin Mohamad. Kes ini telah melalui prosiding perbicaraan dengan mengemukakan saksi iaitu Zainah Binti Awang. Kes ini telah dikendalikan oleh Peguam Syarie Pemohon iaitu Syed Ahmad Shahabudin Syed Nong Mohamad daripada Tetuan Ahmad Shahabudin & Co dan setelah Mahkamah mendengar keterangan daripada Pemohon dan keterangan sokongan daripada saksi Pemohon dan setelah Pemohon bersumpah dengan sumpah istidzhar maka Yang Arif Hakim telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 7);

1. **SAYA SABIT** bahawa Awang bin Mohamad iaitu adik-beradik seibu sebapa dengan Pemohon adalah dianggap telah meninggal dunia di sisi hukum Syara’.

---

<sup>134</sup> Semakan catatan perbicaraan di dalam fail kes Permohonan *Kes No: 11006-015-0152-2005*.

2. **SAYA TOLAK** dengan persetujuan Permohonan Anggapan Mati terhadap Abu Bakar.
3. **TIADA** Perintah terhadap kos.

#### **4.3 ANGGAPAN MATI DARI ASPEK PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

Sebanyak 4 kes yang telah dianalisa oleh penulis daripada skop kajian kes negeri berdasarkan aspek pembubaran perkahwinan. Dua kes dari Negeri Melaka dan 3 kes dari Negeri Terengganu. Bagi negeri Selangor kes anggapan mati dari aspek pembubaran perkahwinan tidak wujud seterusnya tidak akan dibincangkan di dalam bab ini. Manakala keputusan kes yang ditolak atau ditarik balik juga tidak akan dibincangkan oleh penulis kerana tidak mempunyai isu di dalam perbincangan anggapan mati. Hanya kes yang diputuskan sebagai permohonan diluluskan akan dibincangkan oleh penulis di dalam bab ini bagi melihat bagaimana perintah yang dikeluarkan oleh hakim bagi mensabitkan anggapan mati. Sebaliknya kes yang diputuskan sebagai ditolak atau dibuang atau ditarik balik tidak akan dibincangkan kerana tiada isu yang perlu dikupas.

Bagi aspek pembubaran perkahwinan telah jelas Mahkamah Syariah adalah medium yang paling sesuai berdasarkan seksyen 53 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan) 2010 yang melibatkan pembubaran perkahwinan bagi permohonan yang dibuat oleh isteri kerana peruntukan ini adalah untuk mendapatkan status perkahwinan.

Di samping itu juga seksyen 53(2) Akta yang sama menerangkan bahawa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 53(1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami dalam erti seksyen 14(4)(b) yang mana menyatakan bahawa, jika

perempuan itu adalah seorang balu, dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya. Justeru di dalam peruntukan ini, suatu pembubaran perkahwinan yang berkaitan dengan anggapan mati hendaklah dibuat dengan membuktikan bahawa suami yang telah hilang itu telah meninggal dunia.

#### **4.3.1 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Pembubaran Perkahwinan Di Negeri Melaka**

Terdapat dua sahaja kes dari skop kajian kes penulis di Negeri Melaka yang berkaitan dengan pembubaran perkahwinan. Rujukan telah dibuat terhadap kes permohonan no: 04100-015-0042-2009 yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Kes ini adalah berasal dari kes permohonan no: 04001-015-0007-2009 yang telah dipanjangkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah ke Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Pemohon di dalam kes ini adalah Saedah Binti Abdullah seorang saudara baru. Perintah permohonan wali hakim telah diperolehi dan dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah oleh Tuan Hakim Mohammad Zamri Bin Roslan. Berdasarkan kepada keterangan dan saksi Pemohon, suatu perintah telah dikeluarkan oleh Yang Amat Arif (YAA) Datuk Mahammad Bin Ibrahim, Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 8);

Maka dengan ini Mahkamah Perintahkan seperti berikut:-

1. Mahkamah isytiharkan bahawa oleh kerana Pemohon, Saedah binti Abdullah telah memeluk Islam pada tahun 2000 sedangkan ketika itu suaminya tidak memeluk Islam, maka ketika itu terubuhlah perkahwinan Pemohon kerana telah melepasi tempoh eddah sepertimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak.

2. Mahkamah perintahkan bahawa Pemohon, Saedah Binti Abdullah tiada apa-apa hubungan dengan suaminya lagi.

Berdasarkan kenyataan ini, penulis telah membuat temu bual<sup>135</sup> dengan YAA Datuk Mahammad Bin Ibrahim bagi mendapatkan penjelasan berkaitan kes ini. Beliau menyatakan bahawa kes ini telah didengar dengan sewajarnya. Kenyataan pihak Pemohon yang mendapat maklum daripada ibu suami Pemohon bahawa suaminya telah mati diterima oleh Mahkamah. Tetapi persoalan utama yang menjadi pegangan beliau ialah soal kemasukan Pemohon dalam agama Islam pada tahun 2000, sedangkan suami Pemohon terbukti tidak memeluk Islam pada masa itu. Kegagalan Pemohon menunjukkan bukti tahun kematian suaminya itu membuatkan Mahkamah mengambil konsep *masalah* dengan membuat keputusan membubarkan perkahwinan Pemohon berdasarkan keislaman Pemohon seterusnya memutuskan kes anggapan mati ini dengan menyatakan bahawa Pemohon tiada apa-apa hubungan dengan suaminya dan Pemohon boleh berkahwin dengan lelaki lain.

#### **4.3.2 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Pembubaran Perkahwinan Di Negeri Terengganu**

Terdapat kes berkaitan dengan permohonan anggapan mati ini iaitu permohonan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu melalui kes permohonan no: *11006-015-0016-2006* yang dimohon oleh Zainun Binti Awang. Di dalam permohonan, beliau menyatakan kepada Mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa Responden (suami beliau iaitu Noor Mohamad Bin Musa) telah mati di tengah laut. Permohonan ini disokong dengan affidavit yang dilampirkan dengan menyatakan bahawa Pemohon dalam kes ini merupakan isteri yang sah kepada Responden dan

---

<sup>135</sup> Temu bual dengan YAA Datuk Mahammad Bin Ibrahim, Ketua Hakim Syarie Melaka bertarikh 28 Julai 2011, Khamis, jam 11 pagi.

semasa hayatnya Responden merupakan seorang Nelayan di Kampung Seberang Tuan Chik.

Pada tahun 1984 Responden telah keluar menangkap ikan di laut dan pada malamnya berlaku ribut kuat dan selepas ribut berhenti didapati Responden telah hilang bersama dengan botnya dan tidak dapat dikesan sehinggalah permohonan ini dibuat. Orang ramai telah menganggap bahawa Responden telah mati kerana Responden tidak ditemui dan tidak pernah pulang ke pangkuan ahli keluarga.<sup>136</sup> Pemohon yakin bahawa Responden telah mati di tengah lautan. Prosiding permohonan ini telah berjalan dengan mengemukakan saksi, dokumen-dokumen sokongan, iklan yang dibuat dan juga Pemohon telah bersumpah. Seterusnya Tuan Hakim Mohd Nazri Bin Yusof pada 18 Januari 2006 telah memutuskan bahawa (rujuk lampiran 9);

Saya sabitkan suami kepada Zainun Binti Awang, yang bernama Noor Mohamad bin Musa adalah seorang *al-māfqud* mengikut Hukum Syara' dan menurut Seksyen 50 (1) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 dan saya hukumkan dia telah mati dalam tragedi bot Nelayan yang hilang dari pengkalan Kampung Seberang Tuan Chik pada 16 Jun 1984 di perairan Laut China Selatan.<sup>137</sup>

Berdasarkan perintah yang telah jelas dinyatakan oleh Tuan Hakim Nadzi bin Yusof, permohonan ini adalah berkaitan dengan pembubaran perkahwinan yang mana di bawah seksyen 50 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1985 menyatakan;

Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhawinan mengenainya bagi suatu tempoh tujuh tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin

<sup>136</sup> Permohonan dan Affidavit Permohonan No; 11006-015-0016-2006. Pliding Kes No: 41-017-99 Haminah Binti Ahmad dan Asmadi Bin Karim @ Zakaria.

<sup>137</sup> Perintah Tuan Hakim Mohd Nazri Bin Yusof, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu melalui Permohonan No; 11006-015-0016-2006 bertarikh 18 Januari 2006.



semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau *fasakh* sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 50.

Kes lain pula adalah kes permohonan no: 11100-015-0205-2004 yang didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman oleh Pemohon yang bernama Wan Mazlina Binti Wan Muhammad dan telah menamakan Aidisham Bin Alwi sebagai Responden di dalam kes ini. Responden yang dinamakan adalah merupakan suami kepada Pemohon yang mana di dalam affidavit, Pemohon menyatakan bahawa suaminya telah pergi ke Indonesia dan tidak pernah pulang selepas tarikh itu. Pemohon juga menyatakan bahawa suaminya mempunyai penyakit lelah/tibi dan rekod kematian Responden tidak wujud. Justeru itulah Pemohon telah membuat permohonan anggapan mati bagi membubarkan perkahwinannya.

Pada 8 Ogos 2004, Tuan Hakim Kamalruazmi Bin Ismail telah membuat keputusan seperti berikut (rujuk lampiran 10):

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Kamar dalam kehadiran Pemohon dan saksi-saksinya. Setelah menghalusi affidavit Pemohon dan mendengar keterangan-keterangan, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH- PERINTAH BERIKUT;**

**SAYA** sabit suami kepada Wan Mazlina Binti Wan Muhammad, KPT: 761129-10-5222 bernama Aidisham Bin Alwi, KPT: 681007-71-5214 adalah dipercayai telah meninggal dunia berdasarkan keterangan saksi-saksi dan dokumen yang telah dikemukakan dan saya hukumkan dianya telah mati kerana menghidap penyakit lelah/tibi pada 30 Mei 2002 bersamaan 17 Rabiul Awal 1423H di Indonesia.

Kes yang sama juga telah didaftarkan oleh Aishah Binti Abdullah di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman, Terengganu dalam perkara permohonan anggapan mati<sup>138</sup>. Pada 20 Jun 2007, Tuan Hakim Kamalruazmi Bin Ismail telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 11):

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Kamar dalam kehadiran Pemohon dan saksi-saksinya. Setelah menghalusi affidavit Pemohon dan mendengar keterangan-keterangan, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH- PERINTAH BERIKUT;**

SAYA sabit suami kepada Aishah Binti Abdullah KPT : 490128-02-5544 bernama Mohd Kasim Bin Abdullah yang merupakan warganegara Myanmar adalah dipercayai telah meninggal dunia berdasarkan keterangan saksi-saksi dan dokumen yang telah dikemukakan dan saya hukumkan dianya telah mati kerana menghidap penyakit batuk kering pada 21 April 1990 bersamaan 5 Ramadhan 1411H di Bok Pian, Myanmar.

Jelas peruntukan di atas menyatakan bahawa suami mana-mana perempuan telah mati atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya adalah bagi isteri sahaja. Justeru itu, seksyen ini dipakai kepada aspek pembubaran perkahwinan yang mana hanya isteri sahaja yang boleh membuat permohonan di bawah seksyen 50 ini.

Seksyen ini seterusnya dibaca bersama dengan seksyen 50 (2) (3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1985. Seksyen ini menyatakan bahawa ;

(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti seksyen 12(4) (b).

---

<sup>138</sup> Kes No: 11004-015-0351-2007

(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.

(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.

Seksyen 12(4) (b) menyatakan bahawa;

(4) Jika perempuan itu adalah seorang balu—

(a) ...

(b) dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.

Peruntukan seksyen 53(3) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984<sup>139</sup> menyatakan jika suatu perakuan anggapan mati mungkin telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, maka dalam perkara pembubaran perkahwinan bagi orang Islam suatu perkara anggapan mati hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah. Mahkamah Tinggi yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Mahkamah Sivil. Perkara ini adalah berdasarkan Akta Tafsiran 1967 yang menyebut bahawa Mahkamah Tinggi adalah merujuk kepada Mahkamah Sivil.

Justeru itu, berdasarkan peruntukan di atas, permohonan yang dibuat oleh Pemohon di Mahkamah Syariah adalah menjelaskan bahawa Pemohon boleh berkahwin dengan lelaki lain dengan membuktikan kematian suaminya melalui permohonan anggapan mati ini. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam peruntukan seksyen 53(4) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Peruntukan ini menyatakan bahawa perakuan anggapan mati yang dibuat di bawah akta ini

---

<sup>139</sup> Lihat juga seksyen 50(3) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1985.

hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian. Justeru itu, setelah disifatkan sebagai perceraian, perceraian ini dinyatakan perceraian mati yang boleh didaftarkan di dalam sijil cerai mati sepertimana Sijil Cerai Mati di dalam Borang 5f Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 (rujuk lampiran 12).

#### **4.4 ANGGAPAN MATI DARI ASPEK PERWARISAN**

Kajian kes yang terlibat di dalam aspek perwarisan ini telah diperolehi dari skop kajian kes yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Melaka, Selangor dan Terengganu. Sebanyak 12 kes telah dianalisa oleh penulis di bawah aspek perwarisan iaitu sebanyak 3 kes dari Negeri Melaka, 5 kes dari Negeri Selangor dan 4 kes dari Negeri Terengganu. Begitu juga di dalam perkara ini keputusan kes yang akan dibincangkan adalah yang berstatus permohonan diluluskan sahaja. Kes yang diputuskan sebagai ditolak, dibuang, ditarik balik atau dirafa' tidak akan dibincangkan oleh penulis di dalam bab ini.

##### **4.4.1 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Perwarisan Di Negeri Melaka**

Terdapat tiga kes anggapan mati dari aspek perwarisan yang ditemui berdasarkan skop kajian kes di Negeri Melaka. Semua kes tersebut telah diputuskan oleh Ketua Hakim Syarie yang menjalankan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Bidang kuasa untuk mendengar kes anggapan mati ini adalah berdasarkan seksyen 49 (3)(b) (viii) serta (xi) dan juga seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Tahun 2002. Perkara ini telah disebut oleh Ketua Hakim Syarie Melaka semasa temu bual oleh penulis.<sup>140</sup> Rujukan telah dibuat oleh penulis dan mendapati

---

<sup>140</sup> Temu bual bersama YAA Datuk Mahammad Bin Ibrahim, Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka bertarikh 28 Julai 2011 hari Khamis jam 11 Pagi bertempat di Pejabat Ketua Hakim Syarie Melaka.

bahawa perkara yang disebutkan di bawah seksyen 49 dan seksyen 53 telah diambil kira sepenuhnya oleh Hakim yang memutuskan kes anggapan mati di Negeri Melaka.

Merujuk kepada kes anggapan mati yang telah dianalisa, perkataan isytihar, mengisytiharkan dan mengesahkan diguna pakai di dalam keputusan Hakim bagi mensabitkan permohonan anggapan mati berdasarkan aspek perwarisan. Merujuk kepada permohonan anggapan mati yang dibuat oleh Abu Bakar Bin Din<sup>141</sup> Mahkamah memerintahkan seperti berikut (rujuk lampiran 13):

1. Mahkamah perintahkan dan isytiharkan bahawa Allahyarham Dorani bin Dollah telah meninggal dunia sebelum Jepun datang ke Malaya dalam anggaran tahun 1941.
2. Oleh kerana tidak ada waris terhadap pusaka Allahyarham tersebut, Mahkamah perintahkan Pemohon, Abu Bakar bin Din, No. K/Plaintif: 470810-04-5101 hendaklah menyerahkan geran tanah tersebut iaitu MCL 596, Lot 643, Mukim Sempang Daerah Jasin, Melaka kepada Baitulmal Negeri Melaka.
3. Perintah ini berkuatkuasa serta merta.

Perkataan isytiharkan telah digunakan bagi memutuskan kes anggapan mati di dalam kes tersebut. Seterusnya kes yang difailkan oleh Pemohon yang bernama Ramah Binti Mahat<sup>142</sup> pada tahun 2004. Keputusan kes tersebut adalah seperti berikut (rujuk lampiran 14):

1. Mahkamah mengesahkan bahawa kedua-dua Allahyarham Busok @ Burok Binti Matdris telah meninggal dunia dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampung Umbai, Melaka.
2. Mahkamah mengisytiharkan bahawa Allahyarham Awang Bin MatDris telah meninggal dunia pada tahun 1930an dan Allahyarham Busok @ Burok Binti Matdris telah meninggal dunia pada tahun 1950an.

---

<sup>141</sup> Kes No: 04100-015-0523-2009.

<sup>142</sup> Kes No 04100-015-0092-2004.

Perintah di dalam kes ini telah menggunakan perkataan mengesahkan di dalam mensabitkan permohonan anggapan mati. Seterusnya kes yang difailkan oleh Pemohon yang bernama Puteh Binti Keleng,<sup>143</sup> Mahkamah telah memutuskan kes tersebut seperti berikut (rujuk lampiran 15):

Mahkamah dengan ini mengesahkan bahawa Tiah Binti Rulah yang tiada khabar berita lebih daripada 4 tahun mengikut Hukum Syarak diisytiharkan telah meninggal dunia.

Ketiga-tiga kes tersebut telah difailkan berdasarkan aspek perwarisan kerana di dalam affidavit Pemohon, Pemohon telah menyatakan alasan permohonan ini difailkan iaitu bagi tujuan mendapatkan perintah anggapan mati untuk pembahagian faraid. Setelah perintah ini dikeluarkan maka kes permohonan perintah pembahagian faraid boleh diteruskan oleh Pemohon. Perkara ini amatlah diperlukan oleh Mahkamah Syariah kerana di dalam perkara pembahagian faraid, penentuan hidup atau mati seseorang itu perlulah dibuat bagi menetapkan ahli waris yang berhak terhadap pembahagian faraid bagi harta si mati.

#### **4.4.2 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Perwarisan Di Negeri Selangor**

Kes yang telah difailkan oleh Mohammad Saiful Bin Basri<sup>144</sup> di hadapan Tuan Mohamad Fauzi Bin Ismail, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur adalah berkaitan dengan permohonan anggapan mati di Selangor. Mahkamah telah memutuskan seperti berikut (rujuk lampiran 16):

1. Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon untuk mendapatkan perintah Anggapan mati berdasarkan Seksyen 61 (3)(b)(xii) yang dibaca bersama seksyen 62(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003;

---

<sup>143</sup> Kes No:04100-015-0090-2005.

<sup>144</sup> Kes No: 10007-015-0164-2006

2. Maka dengan itu, mulai hari ini 8hb Mei 2006, Mahkamah memutuskan bahawa Basri bin Hj Suli Kad Pengenalan 0243856 dianggap telah meninggal dunia.

3. Dan segala harta-harta yang ditinggalkannya diisytihar sebagai harta pusaka yang boleh diwarisi oleh ahli-ahli waris yang masih hidup bermula hari ini.

Kes ini adalah dari kes asal permohonan no: 10100-015-0299-2005 yang telah difailkan oleh Pemohon akan tetapi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah memerintahkan agar kes ini dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur kerana kes ini merupakan kes dibawah bidang kuasa Mahkamah Rendah. Bidang kuasa ini telah dilihat menerusi seksyen 61(3)(b)(xii) yang dibaca bersama dengan seksyen 62(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang menunjukkan permohonan faraid yang telah dimohon melalui Mahkamah Tinggi tidak sampai kepada jumlah tuntutan RM 50,000.00. Justeru itu, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah mengarahkan kes ini didengar di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Bagi kes no: 10000-015-0002-2004 yang telah difailkan oleh Plaintiff Marsum Paing dan Defenden Norshiah Arshad ialah merupakan kes rayuan berkaitan dengan anggapan mati yang telah difailkan tetapi Plaintiff telah menarik balik kes tersebut kerana kesilapan di dalam asas permohonan. Keputusan panel rayuan telah membenarkan kes ini ditarik balik pada tarikh 5 April 2005.

Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah mendengar suatu permohonan anggapan mati yang telah dimohon oleh Haizulhyam B Othman melalui kes permohonan no:

10400-015-0055-2009 yang telah difailkan. Walaubagaimanapun, Pemohon di dalam kes ini telah menarik balik permohonan atas kehendak Pemohon sendiri dan pada 7 Julai 2009, Yang Arif Hj Mohammad Khalid Bin Shae@Shaii telah memerintahkan seperti berikut (rujuk lampiran 17):

TINDAKAN INI setelah ditetapkan untuk sebutan pada hari ini di hadapan Hakim Yang Arif Tuan Hj Mohammad Khalid Bin Shae@Shaii, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. DAN DALAM KEHADIRAN Tuan Haji Abdul Razak bin Muhidin, dari Tetuan Abdul Razak Muhidin & Associates, peguam Syarie bagi pihak Pemohon, MAKA ADALAH PADA HARI INI DIPERINTAHKAN bahawa Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon untuk menarik balik kes dan membenarkan permohonan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dan tanpa perintah mengenai kos.

Kes yang terakhir adalah berkaitan anggapan mati dari aspek perwarisan di negeri Selangor ialah yang membabitkan Pemohon Siti Rohani Bt Hassan yang memohon anggapan mati . Kes permohonan no: 10100-015-0284-2009 telah selesai pada 3 Mei 2010 yang mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor iaitu Yang Arif Haji Abu Zaky bin Mohamad telah meluluskan permohonan Pemohon dan mensabitkan permohonan Pemohon. Seterusnya Pemohon telah meneruskan kes permohonan perintah faraid yang terhenti sementara menunggu keputusan anggapan mati si mati iaitu Hassan yang merupakan bapa kepada Pemohon.

#### **4.4.3 Kes Anggapan Mati Dari Aspek Perwarisan Di Negeri Terengganu**

Dalam aspek perwarisan, seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 di gunapakai bagi Mahkamah Syariah memutuskan kes berkenaan dengan anggapan mati. Rujukan terhadap kes di Mahkamah Syariah Negeri Terengganu yang dimohon oleh Kelthom Binti Mat Amin melalui kes Mal :



41-017-1-2000 berdasarkan seksyen 50 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 1985 menyatakan bahawa Pemohon telah berkahwin dengan Responden (Talib Bin Saari) pada tahun 1967 dan telah dikurniakan 3 orang anak yang mana salah seorang telah meninggal dunia.

Pemohon memohon kepada Mahkamah untuk mengisytiharkan suaminya yang tidak pernah pulang hampir 33 tahun. Di dalam keterangan Pemohon di Mahkamah menyatakan bahawa suami beliau telah keluar rumah pada tahun 1972 dan pada ketika itu beliau bekerja di Hospital Kuala Terengganu sebagai tukang masak. Sejak daripada itu, suami beliau tidak pernah pulang hingga permohonan ini dibuat. Pemohon pernah membuat iklan di dalam surat khabar Utusan pada tahun 2000 yang mana ianya telah ditenderkan kepada Mahkamah sebagai 'P1'. Selain itu, beliau dan anak beliau telah membuat pelbagai usaha mencari suami beliau di kampung asalnya di Banting atau Morib Selangor tetapi dimaklumkan oleh Ketua Kampung tersebut Shaari Talib tidak pernah pulang sejak 30 tahun yang lalu. Pemohon juga berusaha mendapatkan maklumat hingga ke Pejabat Pendaftaran tetapi Responden tidak pernah membuat pertukaran kad pengenalan dan tiada sebarang rekod kematian telah dikeluarkan.

Responden pernah berkahwin di Morib dan Pemohon kenal dengan bekas isteri Responden yang mana mereka telah mempunyai empat orang anak dan Pemohon serta anaknya pernah menemui mereka tetapi dimaklumkan bahawa Responden tidak pernah balik. Pemohon di dalam kes ini telah mengemukakan dua orang saksi yang

tidak diragui lagi seperti kehendak seksyen 83 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Terengganu 2001 yang mensyaratkan adil, aqil dan baligh.

Tujuan permohonan ini dinyatakan adalah disebabkan untuk mengesahkan kematian untuk membahagikan harta pusaka anaknya (Abdul) iaitu sebanyak RM 12,000.00. Oleh yang demikian jika Pemohon tidak mendapat sijil kematian tersebut boleh menyebabkan harta pusaka tersebut tidak dapat dibahagikan dan ini sudah tentu menyulitkan pelbagai pihak serta menggalakkan kes di Amanah Raya tertangguh sekian lama.

Tujuan permohonan ini adalah berdasarkan seksyen 50 yang mana di bawah seksyen tersebut menyatakan bahawa :

50(1) jika suami seorang perempuan telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh tujuh tahun atau lebih dan hal keadaan adalah begitu hingga ia patut bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula dianggap menurut Hukum Syarak sebagai telah mati tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar mengeluarkan dalam borang yang ditetapkan suatu perakuan menganggap suami itu telah mati dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut enakmen ini.

Berdasarkan enakmen ini, Hakim yang mendengar kes ini iaitu, Yang Arif Hakim Dato' Hj Ismail Bin Yahya telah mengeluarkan perintah yang menyatakan seperti berikut (rujuk lampiran 18);

Saya sabitkan Talib Bin Saari KP: 0529808 alamat asal di Kampung Surau Haji Daud, Pengadang Buluh, Kuala Terengganu, Terengganu adalah *al-māfqud* sejak 1972 sabit meninggal dunia pada 28.1.2004.<sup>145</sup>

---

<sup>145</sup> Perintah Mahkamah Syariah Negeri Terengganu melalui Kes Mal No; 41-017-1-2000 bertarikh 10 Mac 2008.

Berdasarkan kepada penelitian perjalanan kes ini, Mahkamah telah mensabitkan Responden meninggal dunia pada 28 Januari 2004 adalah disebabkan pada tarikh itulah Mahkamah telah dibuktikan dengan keterangan saksi yang menyokong permohonan tersebut. Kes ini telah berjalan sehinggalah keputusan telah diberikan pada 10 Mac 2008.

Alasan penghakiman Yang Arif Dato' Hj Ismail Bin Hj Yahya telah disampaikan penghakimannya oleh Yang Amat Arif Tuan Mohamad Bin Abdullah, SMZ., AMT., PJK. Yang bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada 10 Mac 2008 (rujuk lampiran 19) juga telah diteliti dan mendapati merit yang telah digunakan oleh pihak Peguam Pemohon adalah terkeluar dari kehendak Pemohon. Peguam Syarie Pemohon menghujahkan bahawa Pemohon memohon untuk mendapatkan suatu perakuan menganggapkan suaminya telah mati mengikut peruntukan seksyen 50 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Akan tetapi di dalam permohonan Pemohon adalah bagi mengisytiharkan kematian suami beliau yang hilang sejak 30 tahun yang dahulu.

Justeru itulah, Yang Arif Hakim Dato' Hj Ismail Bin Hj Yahya telah mengisytiharkan Responden sebagai *al-mafqūd* pada tahun 1972 kerana berdasarkan affidavit Pemohon menyatakan bahawa semasa itu Pemohon mengandung tiga bulan anak yang ketiga dan Mahkamah mensabitkan Responden meninggal dunia pada 28 Januari 2004 kerana permohonan ini tamat didengar di hadapan Yang Arif Hakim pada tarikh tersebut.<sup>146</sup>

---

<sup>146</sup> Alasan Penghakiman Yang Arif Hakim Dato' Hj Ismail Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu melalui *Kes No: 41-017-1-2000*.

Antara lain perintah yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut menerusi kes permohonan no: 11001-015-0107-2005 yang difailkan oleh Pemohon yang bernama Rosmadi Bin Ismail @ Abdul Rashid telah dibuat sebelum permohonan pembahagian faraid dibuat oleh Pemohon. Kes ini adalah berkaitan permohonan anggapan mati terhadap ayah kandung Pemohon. Pada 22 Mac 2005 permohonan ini telah didengar dan telah diputuskan oleh hakim berkenaan dan keputusannya adalah seperti berikut (rujuk lampiran 20):

ATAS PERMOHONAN Pemohon, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut dengan kehadiran Pemohon dan dua orang saksi, setelah mendengar keterangan Pemohon dan saksi-saksi beserta affidavit Pemohon, MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH SEPERTI BERIKUT;-

1. Saya sabit Ismail @ Abd. Rashid bin Mohd Nor, KP: 2871114 telah meninggal dunia pada 27 April, 1994.

Begitu juga dengan kes permohonan no: 11006-015-0285-2004 yang difailkan oleh Embong Bin Abu Bakar di hadapan Hakim Tuan Haji Rosdi Bin Harun, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu. Permohonan ini adalah berkaitan dengan permohonan anggapan mati untuk anak kepada Embong bin Abu Bakar. Pada 13 September 2004, Mahkamah telah memberi keputusan terhadap permohonan Pemohon seperti berikut (rujuk lampiran 21):

ATAS PERMOHONAN Pemohon, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Kamar Hakim, dalam kehadiran Pemohon dan saksi-saksinya. Setelah menghalusi affidavit Pemohon dan mendengar keterangan-keterangan, MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH – PERINTAH BERIKUT;-

SAYA sabit Mohd Yusuff bin A.Ghouse Myan, No. KP: A 0600021, adalah anak kandung kepada Embong bin Abu Bakar, KPT: 370803-

11-5097, adalah seorang Al-Mafqud mengikut Hukum Syara' dan saya hukulkannya telah mati dalam tragedi bot Nelayan karam pada 6hb Disember 1999 di Laut China Selatan.

SAYA sabit simati Mohd Yusuff bin A.Ghouse Myan, No. KP: A 0600021, adalah anak kandung kepada Embong Bin Abu Bakar, KPT: 370803-11-5097.

Penulis juga mendapati terdapat satu lagi kes yang dibuat berdasarkan aspek perwarisan. Kes permohonan no: 11100-015-0046-2009 ini telah difailkan oleh Ngah Bin Mamat di hadapan Yang Arif Tuan Mohamad Bin Abdullah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Perintah atas permohonan ini telah dikeluarkan pada 27 Julai 2009 yang menyatakan seperti berikut (rujuk lampiran 22):

ATAS PERMOHONAN Pemohon, permohonan ini ditetapkan untuk keputusan pada hari ini di dalam Mahkamah Terbuka, dalam kehadiran Peguam Syarie Pemohon, Encik Mohd Badrol bin Awang daripada Tetuan Anuwar, Badrol & Rakan-Rakan, tanpa kehadiran Pemohon, dan Yang Arif Hakim setelah mendengar keterangan bersumpah Pemohon dan saksi-saksinya dan setelah meneliti hujahan bertulis Peguam Syarie Pemohon, telah membuat perintah-perintah sebagaimana berikut:

1. Permohonan Pemohon, Ngah Bin Mamat, (KPT: 330820-11-5009) ini dibenarkan dan diluluskan oleh Mahkamah.
2. SAYA sabitkan seorang individu bernama Mamat bin Yacob, Si mati di atas.

Terdapat juga permohonan anggapan mati yang dibuat telah menggunakan peruntukan yang salah bagi mendapatkan anggapan mati rentetan dari kes permohonan pengeluaran perintah faraid di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mendapati Pemohon selaku ahli waris telah memohon di bawah peruntukan seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

Berdasarkan pemerhatian kes tersebut,<sup>147</sup> Yang Arif Hakim telah mendapati bahawa permohonan tersebut telah dibuat di bawah kausa tindakan yang salah. Justeru itu kes tersebut telah dibuang. Perkara ini dinyatakan adalah disebabkan, seksyen tersebut hanya terpakai kepada Pemohon yang bergelar isteri. Memandangkan kes ini dibuang, Yang Arif Hakim telah membuat kajian sama ada Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar kes anggapan mati dari aspek perwarisan ataupun tidak.

Tinjauan telah dilakukan pada satu lagi kes permohonan anggapan mati di bawah isu perwarisan telah berjalan prosiding sehingga peringkat keputusan dan Yang Arif Hakim mendapati kes tersebut perlu diputuskan berdasarkan bidang kuasa Mahkamah mendengar kes di bawah seksyen 46 (2) (b) (ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 50 dari Akta yang sama juga dan seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Selepas keputusan anggapan mati telah dikeluarkan prosiding permohonan mengeluarkan perintah faraid diteruskan di Mahkamah yang sama bagi memastikan ahli waris yang berhak dalam pembahagian faraid tersebut.

Selain daripada itu juga, rujukan telah dibuat terhadap 10 kes anggapan mati dari tahun 2005 sehingga 2009 dan didapati semua kes didaftarkan di bawah prosiding permulaan kes dengan permohonan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 dan negeri-negeri dalam segala aspek kekeluargaan iaitu perwarisan, perwalian dan juga pembubaran perkahwinan.

---

<sup>147</sup> Pemerhatian turut serta telah dibuat di Dewan 2 Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari bulan Oktober 2010 sehingga bulan Disember 2010.

#### **4.5 TEMPOH BAGI MEMBENARKAN PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah –wilayah Persekutuan) 1984 dan juga Seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Terangganu 1985 jelas menunjukkan perbezaan antara tempoh. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan 2010) sebagai contoh negeri-negeri menyatakan empat tahun kehilangan manakala Negeri Terangganu adalah tujuh tahun kehilangan.

Perbezaan tempoh ini adalah disebabkan perundangan Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Oleh sebab itulah perbezaan tempoh yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri Terangganu menetapkan tempoh kehilangan bagi seksyen ini adalah tujuh tahun. Manakala Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) menyatakan empat tahun yang mana semasa proses penggubalan undang-undang di Parlimen telah melalui satu perjalanan mengikut aturan penggubalan undang-undang yang telah ditetapkan. Justeru itu, pelaksanaan bagi negeri-negeri adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

#### **4.6 ELEMEN-ELEMEN PENGHAKIMAN BAGI MENSABITKAN ANGGAPAN MATI**

Berdasarkan permohonan anggapan mati beserta dengan affidavit yang dilampirkan, beberapa elemen penting dalam penghakiman bagi mensabitkan seseorang itu sebagai *mafqud* adalah seperti berikut ;<sup>148</sup>

---

<sup>148</sup> Alasan Penghakiman *Kes No: 41-017-1-2000*.

**i) Asas Permohonan**

Permohonan anggapan mati ini dibuat adalah berdasarkan tiga aspek yang telah dinyatakan di dalam perbincangan awal penulisan ini iaitu aspek pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan. Asas permohonan hendaklah supaya Mahkamah memahami apakah asas permohonan anggapan mati ini dibuat merujuk kepada peruntukan yang ada. Jika sesuatu permohonan yang menyatakan asas permohonan adalah berkaitan dengan perwarisan, Pemohon hendaklah menyatakan di dalam permohonannya senarai waris-waris yang masih hidup dan berhak mendapatkan harta tersebut. Jika orang yang hilang itu adalah ahli waris, pemohon hendaklah menyatakan di dalam permohonannya mengenai pembahagian faraid.

**ii) Keterangan saksi menyokong permohonan**

Seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan bahawa beban membuktikan bahawa orang yang hilang selama empat tahun adalah beralih kepada orang yang menyatakannya. Saksi yang digunakan seharusnya mengetahui dengan mendalam ataupun mempunyai pertalian yang rapat dengan orang yang telah menghilangkan diri selama tempoh yang telah ditetapkan.

Syarat-syarat saksi perlu dipatuhi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 83 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Saksi yang dikemukakan adalah bagi membantu Mahkamah membuat suatu penghakiman yang tidak diragui bagi mensabitkan seseorang yang hilang itu sebagai *al-mafqūd*.



Setelah Mahkamah meneliti asas permohonan Pemohon, kehadiran saksi bagi menyokong permohonan pihak Pemohon perlu dilaksanakan sebagaimana contoh kes No : 41 017-1-99 yang dimohon oleh Haminah Binti Mohamad dan Asmadi Bin Karim @ Zakaria yang mana Hakim telah mengarahkan (*awak-awak*) yang di tumpangkan oleh orang yang hilang telah hadir ke Mahkamah bagi memberi kenyataan.

**iii) Usaha-usaha yang di jalankan bagi permohonan anggapan mati**

Berdasarkan penelitian kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah, penulis mendapati bahawa suatu usaha bagi membuktikan orang yang hilang itu sudah mati amatlah diperlukan. Sebagai contoh di dalam kes yang telah diputuskan oleh Yang Arif Dato' Hj Ismail Bin Yahya di dalam kes<sup>149</sup> Pemohon yang bernama Kelthom Binti Mat Amin. Permohonan ini telah disokong dengan akuan berkanun atau akuan bersumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Akuan ini hendaklah menyatakan bahawa orang yang hilang tersebut tidak pernah pulang ke pangkuan keluarga, tidak pula ditemui oleh kawan-kawannya, tidak dengar khabar berita sama ada hidup ataupun mati seterusnya menyatakan apakah asas permohonan ini dibuat sama ada bagi pembubabarn perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan.

Carian di Jabatan Pendaftaran juga hendaklah dibuat bagi mengesan di mana alamat terakhir orang yang hilang dan juga mengenal pasti sama ada terdapat pendaftaran kematian yang telah didaftarkan di atas nama orang yang hilang itu.

---

<sup>149</sup> Kes No: 41-017-1-2000.

Laporan polis yang dibuat semasa kejadian tersebut berlaku juga diperlukan oleh Mahkamah bagi mensabitkan permohonan pihak Pemohon. Seterusnya apa-apa dokumen yang difikirkan perlu, haruslah dikemukakan kepada Mahkamah sebagai bukti.

**iv) Mahkamah berpuashati**

Setelah elemen yang telah dibincangkan dibawa di hadapan hakim, maka Mahkamah akan meneliti segala keterangan yang dikemukakan. Apabila Mahkamah berpuashati maka Mahkamah akan mensabitkan permohonan pihak Pemohon berdasarkan Hukum Syarak. Elemen ini banyak bergantung kepada ijtihad Hakim dalam membuat keputusan berdasarkan Hukum Syarak seterusnya memberikan kecenderungan kepada Hakim membuat keputusan dengan tepat.

#### **4.7 PENSABITAN ANGGAPAN MATI**

Sesuatu keputusan oleh Hakim yang mendengar permohonan anggapan mati ini telah dikenal pasti berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan dan perintah tersebut menyatakan bahawa "...saya sabitkan Responden sebagai *al-mafqūd* pada tahun ...". Apa yang dinyatakan *al-mafqūd* adalah orang yang hilang. Tarikh kematian *al-mafqūd* dalam kebanyakan perintah melalui kes yang diputuskan akan dinyatakan seperti contoh kes Kelthom binti Mat Amin yang menghukumkan orang yang hilang itu telah mati pada tarikh dibuktikan orang yang hilang telah mati atau pada tarikh masa pendengaran kes oleh

Pemohon dan juga keterangan saksi selesai didengar di hadapan Yang Arif Hakim, maka disabitkan orang yang hilang itu telah mati sebagai contohnya pada 28 Januari 2004.<sup>150</sup>

#### **4.8 PENGESAHAN ANGGAPAN MATI DI MAHKAMAH SYARIAH**

Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan mensyaratkan empat tahun atau lebih bagi tempoh kehilangan suami maka barulah pihak isteri boleh memohon untuk membuat permohonan ini. Pengesahan akan dibuat berdasarkan hujah atau keterangan yang dikemukakan di dalam perbicaraan semasa prosiding berjalan. Hakim akan mempertimbangkan keterangan tersebut dengan mengambil kira beberapa aspek.

Para hakim akan menjatuhkan hukuman bersandarkan *athār* sahabat sepertimana Umar al-Khattab menghukum bagi kes suami hilang yang mana menunggu tempoh empat tahun iaitu tempoh paling lama bagi sesuatu kehamilan dan beri'ddah dengan i'ddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari.

#### **4.9 PENGESAHAN ANGGAPAN MATI DI MAHKAMAH SIVIL**

Manakala Mahkamah Sivil memberikan tempoh selama tujuh tahun bagi seseorang isteri itu membuat permohonan anggapan mati sama ada isteri itu ingin memohon harta peninggalan suaminya yang hilang itu atau berkahwin lagi dengan lelaki lain.

Menurut Seksyen 63<sup>151</sup> Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164);<sup>152</sup>

---

<sup>150</sup> *Kes No: 41-017-1-2000.*

<sup>151</sup> Seksyen 63 (1), (2) & (3) *Akta Tafsiran 1976.*

<sup>152</sup> Shamsuddin Suor (1994), *Panduan Ringkas Akta Membaharui Undang-undang (perkahwinan dan Penceraian) 1976 (AKTA 164).* Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 112-114.

*(1) jika seseorang yang telah berkahwin menyatakan bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi menjangkakan bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu telah mati, maka ia boleh menyampaikan sesuatu petisyen kepada mahkamah supaya pihak yang satu lagi itu dianggap sebagai telah mati dan supaya perkahwinan itu dibubarkan, dan mahkamah jika berpuas hati bahawa alasan-alasan yang munasabah itu ada, boleh membuat suatu dekri nisi penganggapan mati dan cerai.*

Seksyen ni menjelaskan langkah-langkah perbicaraan sesuatu petisyen untuk mendapatkan *dekri nisi* atas alasan suatu pihak kepada perkahwinan yang dianggap telah mati. Menurut seksyen-kecil (1) di atas, petisyen boleh dibuat kepada Mahkamah dengan alasan yang munasabah menyatakan suatu pihak kepada perkahwinan itu dipercayai telah mati dan meminta supaya perkahwinan mereka dibubarkan. Mahkamah berasaskan kepada alasan-alasan yang diberikan itu boleh membuat suatu *dekri nisi* penganggapan cerai mati. Terdapat tiga perkara penting yang perlu dipertimbangkan, (i) menjangkakan pihak yang satu lagi itu telah mati, (ii) ada alasan-alasan yang munasabah, dan (iii) Mahkamah berpuas hati dengan alasan-alasan yang telah diberikan.

*(2) Dalam sesuatu perbicaraan itu fakta bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu telah tidak ada bersama sipetisyen berterusan selama tempoh tujuh tahun ke atas dan sipetisyen itu tiada sesuatu sebab bagi mempercayai pihak yang hilang itu masih hidup.*

Jika kurang daripada tujuh tahun, suatu keterangan yang positif menganggap salah satu pihak itu telah mati boleh juga dipertimbangkan dengan melihat kepada hal dan keadaan yang dibawa ke Mahkamah. Apabila tempoh tujuh tahun itu telah berlalu dan kehilangan atau ketiadaannya itu masih belum jelas, pempetisyen masih boleh berjaya di dalam permohonannya jika dalam tempoh tujuh tahun itu tidak juga mendapat apa-apa berita yang boleh dipercayai pihak satu lagi itu masih hidup.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, sekiranya pihak yang satu lagi itu didapati masih hidup setelah *dekri nisi* dibuat oleh Mahkamah tetapi belum menjadi mutlak, *dekri nisi* tersebut boleh dibatalkan.<sup>153</sup> Sebaliknya jika *dekri nisi* telah mutlak perkahwinan pasangan tersebut akan dianggap sebagai telah dibubarkan. Dalam hal ini Mahkamah boleh membuat pertimbangan sama seperti di dalam kes-kes penceraian.

*(3) Seksyen 61 dan 62 hendaklah dipakai bagi sesuatu petisyen dan sesuatu dekri di bawah seksyen ini sebagaimana seksyen-seksyen itu dipakai masing-masing bagi sesuatu petisyen untuk penceraian dan sesuatu dekri penceraian.*

Sesuatu *dekri* penceraian yang diperintahkan oleh mahkamah atas penganggapan mati, hendaklah terlebih dahulu menjadi suatu *dekri nisi* sepertimana yang telah digariskan oleh seksyen tersebut. Selepas sesuatu *dekri* penceraian itu menjadi mutlak, salah satu pihak kepada perkahwinan itu bolehlah berkahwin semula.

#### **4.10 PENGELUARAN SIJIL KEMATIAN BERDASARKAN KEPUTUSAN KES PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Sesuatu pengeluaran sijil kematian berdasarkan keputusan kes permohonan anggapan mati boleh dikemukakan di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengeluarkan dokumen berkenaan. Pengeluaran sijil kematian itu seharusnya melalui proses permohonan anggapan mati sama ada Mahkamah Syariah atau di Mahkamah Sivil.

Melalui temu bual yang dibuat terhadap Yang Amat Arif Dato' Mohamad Bin Abdullah, Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan<sup>154</sup> pada suatu Mesyuarat dengan agensi-agensi Kerajaan di Labuan pada suatu masa dahulu, beliau menyatakan

---

<sup>153</sup> Lihat s.61(2)(b) *Akta Membaharui Undang-undang (perkahwinan dan Penceraian)* 1976.

<sup>154</sup> Temu bual dengan Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 6 Disember 2010 Jam 4.50 Petang.

ketetapan mesyuarat, Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Pendaftaran Negara memaklumkan bahawa apa-apa perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sama ada pendaftaran anak (sabitah nasab), pengesahan perkahwinan dan juga kematian diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengeluarkan dokumen berkaitan, sama ada dokumen tersebut adalah berkaitan dengan sijil kelahiran dan juga sijil kematian. Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil perhatian bagi sesuatu perkara yang memerlukan perintah. Justeru itu, Jabatan Pendaftaran Negara memaklumkan bahawa pihak mereka juga memerlukan sesuatu perintah daripada Mahkamah bagi meluluskan sesuatu permohonan yang dibuat oleh pelanggan mereka sama ada berkaitan dengan pengeluaran sijil dan juga penukaran kad pengenalan.

Suatu perintah yang menyatakan anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil boleh diguna pakai di Mahkamah Syariah bagi kes kekeluargaan Islam akan tetapi hendaklah melalui suatu proses penapisan bagi menyatakan benar bahawa suatu anggapan mati itu diputuskan berdasarkan Hukum Syarak. Dalam erti kata lain, suatu anggapan mati itu hendaklah disahkan atau dikeluarkan perintahnya oleh Mahkamah Syariah berdasarkan Hukum Syarak. Pandangan<sup>155</sup> ini telah dinyatakan oleh Tuan Zulkifli Yaso yang pernah menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan sekitar tahun 2008.

Berdasarkan aspek pembubaran perkahwinan, didapati di Negeri Kelantan telah menyediakan satu borang Sijil Cerai Mati yang perlu diberikan kepada Pemohon setelah permohonan mendapat keputusan bahawa suaminya yang hilang itu telah mati dan disifatkan keputusan hakim adalah disebabkan perceraian antara Pemohon dan juga Responden (orang yang dianggap telah mati). (rujuk lampiran 12).

---

<sup>155</sup> Temu bual Tuan Zulkifli Bin Yaso'a (Penyelidik Kanan Hakim Rayuan) pada 8 Disember 2010 jam 9.00 pagi.

#### **4.11 IMPLIKASI KEPUTUSAN PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Jika seseorang itu hilang melewati umur orang yang hidup, iaitu daripada tarikh lahirnya, maka dia dihukum sebagai sudah mati. Apabila dia sudah dihukumkan sebagai mati maka, dia dan isterinya boleh diputuskan sebagai telah bercerai, hartanya boleh dibahagikan kepada pewaris-pewaris yang masih hidup dan orang yang hilang sudah tidak berhak untuk menerima warisan dari mana-mana pihak waris.

Kesan daripada perintah anggapan mati yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah sama ada Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil, jika pemohon adalah seorang isteri orang yang hilang, maka isteri tersebut hendaklah mendaftarkan perintah tersebut di Jabatan Pendaftaran Negara bagi memperolehi sijil mati dan dianggap telah berlaku perceraian mati. Setelah itu pihak isteri orang yang telah disabit sebagai telah mati hendaklah menjalani iddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari dan sesudah itu bolehlah perempuan itu berkahwin dengan lelaki lain.

Manakala apabila Pemohon itu adalah seorang anak perempuan dalam permohonan anggapan mati ini maka proses pendaftaran bagi mendapatkan sijil kematian juga hendaklah dibuat bagi tujuan rekod dan setelah itu bolehlah seorang anak itu membuat proses bagi mendapatkan wali atau berpindah wali bagi urusan perkahwinannya.

Manakala jika melibatkan Pemohonan pembahagian harta maka jika suatu perintah anggapan mati telah dikeluarkan oleh Mahkamah, ahli-ahli waris bolehlah menyelesaikan pembahagian tersebut mengikut faraid atau yang dipersetujui oleh ahli-ahli waris. Bagi

perkara ini, jika ahli waris tidak mahu menunggu perintah anggapan mati bagi orang yang hilang ini diputuskan, pembahagian boleh dijalankan dengan membekukan bahagian orang yang hilang sehingga Mahkamah mengeluarkan keputusan. Selepas Mahkamah mengeluarkan keputusan jika orang yang hilang itu telah disabitkan sebagai mati oleh Mahkamah, maka harta yang dibekukan itu boleh dibahagikan kepada ahli waris yang lain mengikut bahagian yang telah ditetapkan di dalam sijil faraid.

#### **4.12 DATA-DATA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KES PERMOHONAN ANGGAPAN MATI**

Di Selangor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan, Pulau-Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan, telah diperuntukkan jika suami seorang perempuan itu meninggal (mati) atau telah dipercayai dia telah mati atau beritanya pun tidak didengari beberapa lama oleh sebab keadaan yang demikian iaitu patutlah dia dipandang mengikut Undang-undang Islam seperti mati bagi membolehkan isterinya berkahwin lagi tetapi surat keterangan mati di bawah Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati F.M.S.Cap.190 tidak dapat dikemukakan kepada Mahkamah maka seorang hakim bolehlah di atas permintaan perempuan dan kepastian daripada penyiasatan yang betul mengeluarkan perintah anggapan mati mengikut Undang-Undang Islam berdasarkan satu surat keterangan yang menyifatkan kematian suaminya itu.

Selepas daripada itu isteri tersebut bolehlah berkahwin lagi mengikut Undang-undang berkenaan selepas menjalani i'ddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, seseorang perempuan tidak boleh berkahwin lagi sehingga suatu surat keterangan yang dikeluarkan di bawah peruntukan di atas dikemukakan kepada Pendaftar Pernikahan, Cerai dan Rujuk untuk perkahwinan yang



baru. Surat keterangan yang telah dikeluarkan di bawah peruntukan di atas hendaklah didaftarkan seperti surat cerai.<sup>156</sup>

Di Pahang, diperuntukkan jika suami dipercayai telah mati, atau tidak ada perkhabaran dalam keadaan-keadaan sepertimana dia patut disifatkan telah mati menurut Hukum Syarak, untuk tujuan supaya isterinya mengeluarkan satu surat akuan menyifatkan suami tersebut telah mati berdasarkan anggapan mengikut Hukum Syarak maka isteri tersebut adalah bebas berkahwin semula dan surat tersebut adalah disifatkan sebagai satu surat mati suami. Surat akuan yang dikeluarkan mengikut peruntukan di atas hendaklah didaftarkan seolah-olah berlaku penceraian.<sup>157</sup>

Di Perlis telah diperuntukkan bahawa suatu permohonan daripada seseorang perempuan berkenaan dengan anggapan mati di bawah perkara pembubaran perkahwinan, hakim bolehlah mengeluarkan kepada perempuan itu suatu surat akuan yang menganggap kematian suaminya seperti berikut:

- a. Jika ada sebab yang boleh dipercayai bahawa suami perempuan itu telah meninggal dunia; dan
- b. Jika suami perempuan itu tidak didengar beritanya sebegitu lama dan dengan demikian dipercayai telah meninggal dunia.
- c. Surat akuan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dianggap seperti surat kematian suami tersebut itu.<sup>158</sup>

---

<sup>156</sup>Lihat juga peruntukan yang sama di bawah seksyen 14(4)(b) di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Enakmen undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, Enakmen Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sabah) 1992, di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) Tahun 1991 dan Ordinan Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sarawak) 2001.

<sup>157</sup> *ibid*

<sup>158</sup> *Ibid.*

Suami yang tidak diketahui di mana berada boleh juga dikaitkan dengan anggapan mati.<sup>159</sup> Perkara ini dapat dijelaskan dengan merujuk satu kes di Kelantan sebelum berkuat kuasanya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1983. Berdasarkan kes *Atikah lwn. Razali*<sup>160</sup> pihak-pihak yang berkenaan berasal dari Kemboja dan telah berkahwin di Pnom Penh pada tahun 1965. Pihak suami telah ditawan oleh Komunis dalam tahun 1972 dan pihak isteri telah melarikan diri ke Siam dan kemudiannya ke Malaysia dalam tahun 1975. Semenjak pihak suami ditawan oleh Komunis, suami itu tidak dapat dikesan, dan harta kepunyaannya juga tidak ada. Keterangan pihak isteri telah disokong oleh dua orang saksi lelaki. Mahkamah mendapati bahawa suami termasuk dalam golongan *mu'sir* dan meminta pihak isteri bersumpah *istidzhar*. Setelah isteri bersumpah, Mahkamah membenarkan pembubaran perkahwinan itu.

Dalam suatu kes di Kelantan juga selepas berkuat kuasanya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1983, *Rafiah lwn. Hassan*<sup>161</sup> pihak-pihak berkenaan telah berkahwin pada 1hb Julai 1981. Pada 10 Mac 1987, pihak suami seperti biasa menjalankan urusan perniagaannya tetapi semenjak itu suaminya tidak pernah kembali ke pangkuan keluarga. Pihak suami tidak pernah mengirinkan nafkah kepada pihak isteri dan tidak meninggalkan harta untuk nafkah. Pada 19hb Ogos 1987, pihak isteri telah membuat tuntutan *fasakh* di bawah seksyen 38(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983. Setelah mendengar keterangan saksi-saksi, Mahkamah menerima tuntutan pihak isteri disebabkan pihak suami ghaib dan Mahkamah membenarkan penceraian di bawah fasal am dalam seksyen 38(f) enakmen tersebut.

---

<sup>159</sup>Nik Noraini Nik Badli Shah,(1998), *Perkahwinan Dan Penceraian Di bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: International Law Book Service.

<sup>160</sup> (1972) 2 JH 113

<sup>161</sup> (1987) 6 JH 112

Dalam suatu kes di Kuala Lumpur, *Habsah Lwn Ahmad*<sup>162</sup>, pihak-pihak yang berkenaan telah berkahwin pada tahun 1979, pihak suami telah membawa isterinya ke Singapura di mana menurut pihak isteri, suaminya telah cuba memaksanya menjadi pelacur. Pihak isteri telah kembali kepada keluarganya pada tahun 1980. Suaminya tidak pernah mengirinkan nafkah kepadanya. Saman tidak dapat disampaikan kepada pihak suami dan Mahkamah memerintahkan supaya nama pihak suami diiklankan di akhbar tempatan. Selepas iklan disiarkan, Mahkamah berpuas hati bahawa suami itu ghaib dan telah tidak meninggalkan harta dalam lingkungan 60 batu untuk menjadikan harta tersebut sebagai nafkah kepada isteri serta anak-anak. Setelah pihak isteri mengangkat sumpah *istidzhar* dan atas keterangan dua orang saksi, maka mahkamah membenarkan tuntutan *fasakh* tersebut.

Seksyen 52(1) Akta Undang-undang Kelurga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 telah menerima pakai tafsiran liberal Mazhab Maliki dan menyatakan dua belas alasan yang membolehkan seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak berhak mendapat perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk *fasakh*, termasuklah alasan bahawa tempat di mana suami itu berada tidak diketahui lebih dari tempoh lebih dari satu tahun.

#### **4.13 KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas, permohonan anggapan mati ini jelas telah wujud bidang kuasa di bawah Mahkamah Syariah iaitu daripada Seksyen 7 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1993, seksyen 53 Akta Undang-undang Keluarga

---

<sup>162</sup> (1985) 6 JH 320.

Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1984, Seksyen 46(2)(b)(ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1997. Berbanding dengan Mahkamah Sivil, bidang kuasa yang wujud adalah di bawah seksyen 180 Akta Keterangan 1951. Justeru itu antara kedua-dua sistem kehakiman ini, Mahkamah Syariah mempunyai lebih bidang kuasa dari aspek pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan manakala Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa di bawah aspek perwarisan iaitu permohonan rentetan daripada aspek kehartaan bagi permohonan untuk mendapatkan surat mentadbir harta.

Jika diteliti, asas permohonan anggapan mati yang dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil adalah berlainan. Justeru itu, apabila suatu dokumen perintah anggapan mati ini dikemukakan kepada Mahkamah Syariah bagi perkara berkaitan dengan perwalian, perwarisan dan juga pembubaran perkahwinan dan perkara ini perlu dibuat semula di Mahkamah Syariah melalui prosiding permohonan.

Walaupun wujud perkara yang sama bagi membuat semula anggapan mati tersebut, jika diteliti permohonan anggapan mati di Mahkamah Syariah lebih telus. Tambahan lagi apabila sesuatu kes itu perlu diputuskan berdasarkan Hukum Syarak maka Mahkamah Syariah adalah lebih berkompeten mendengar, membicarakan seterusnya memutuskan kes berkenaan anggapan mati dari aspek kekeluargaan Islam iaitu pembubaran perkahwinan, perwalian dan juga perwarisan bagi orang-orang Islam.

Sesungguhnya bagi mewujudkan keharmonian di antara kedua-dua institusi kehakiman ini, adalah lebih teratur dan jelas apabila sesuatu permohonan anggapan mati yang dibuat oleh orang Islam ini dibuat di Mahkamah Syariah mengikut pemastautinan Pemohon dan permohonan anggapan mati di Mahkamah Tinggi Sivil dibuat oleh Pemohon yang bukan Islam sahaja. Justeru itu, wujudlah keharmonian dan menguatkan lagi pindaan peruntukan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

---

#### **5.0 PENDAHULUAN**

Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara anggapan mati ini adalah diperuntukkan di bawah perkara pembubaran perkahwinan bahagian empat Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 Wilayah Persekutuan. Seksyen 46 (2)(b)(i)&(ix) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 bagi menentukan bidang kuasa Mahkamah Syariah mendengar permohonan kes anggapan mati dari aspek perwalian, pembubaran perkahwinan dan juga perwarisan. Seksyen 80 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 menjelaskan bahawa suatu permohonan anggapan mati jelas boleh dimohon di Mahkamah Syariah. Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 turut mengukuhkan lagi bahawa suatu permohonan anggapan mati dari aspek perwarisan dalam mengeluarkan perintah pembahagian faraid di Mahkamah Syariah. Kebanyakan negeri-negeri yang lain juga mempunyai peruntukan yang sama akan tetapi seksyen sahaja yang berlainan.

Manakala di Mahkamah Sivil, peruntukan undang-undang yang ada menunjukkan bidang kuasanya dalam perkara anggapan mati ini adalah di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (AKTA 164) dan perkara ini dipakai oleh orang bukan Islam. Peruntukan ini jelas hanya di guna pakai oleh orang bukan Islam dan ianya tidak terpakai kepada orang Islam. Di samping itu juga, permohonan anggapan mati yang dibuat adalah di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 yang menyatakan tempoh kehilangan adalah tujuh tahun berbeza dengan Mahkamah Syariah yang memperuntukkan

empat tahun kehilangan dan peruntukan ini terpakai kepada semua sama ada orang Islam ataupun bukan Islam.

Sebagaimana yang diketahui, bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah lebih tinggi daripada Mahkamah Sivil dalam perkara permohonan anggapan mati yang melibatkan aspek-aspek kekeluargaan Islam. Hal ini demikian jika satu pihak membuat permohonan anggapan mati di Mahkamah Sivil setelah selesainya kes tersebut, pihak pemohon hendaklah melaporkan atau membuat pengesahan pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah kerana semestinya itu adalah perkara di bawah undang-undang keluarga Islam.

Mahkamah Syariah merupakan suatu struktur Mahkamah yang berasingan daripada Mahkamah Sivil yang lain. Ketika Ordinan Mahkamah 1948 diluluskan dahulu, Mahkamah Syariah tidak dirujuk sebagai setaraf dengan Mahkamah-Mahkamah Sivil. Begitu juga dengan Akta Mahkamah Tinggi 1964 dan Akta Mahkamah Rendah 1948 di mana dalam peruntukan-peruntutannya, Mahkamah Syariah tidak dimasukkan dalam hierarki Mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sebaliknya kuasa penubuhan, pentadbiran dan prosedur Mahkamah Syariah serta bidang kuasanya di peruntukkan di bawah kuasa Badan Perundangan Negeri iaitu Enakmen-enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri. Jelaslah bahawa status Mahkamah Syariah hanyalah menjadi Mahkamah Negeri yang hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Justeru itu setelah pindaan perkara 121(1A) maka Mahkamah Syariah kini kian diberi keutamaan dalam menguruskan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perkara yang diberikan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Jadual 2 Senarai Satu Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan.

## 5.1 RUMUSAN KESELURUHAN

Berdasarkan pentafsiran yang telah dibincangkan menerusi bab dua dan juga bab tiga, anggapan mati ini boleh ditafsirkan sebagai suatu perintah anggapan yang di keluarkan oleh Mahkamah bahawa orang yang hilang melebihi empat tahun telah pun mati dan apa-apa tindakan selanjutnya bagi mengemukakan sijil kematian perlu dilaksanakan di Jabatan Pendaftaran Negara dan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah tersebut adalah disifatkan sebagai dokumen kematian.

Berbalik kepada isu bidang kuasa berkenaan dengan anggapan mati, permohonan ini boleh dibuat di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil. Oleh itu jika diteliti terdapat perkongsian bidang kuasa yang melibatkan permohonan anggapan mati dari aspek perwarisan. Walaubagaimanapun, pihak yang membuat permohonan anggapan mati di Mahkamah Sivil hendaklah membuat pengesahan pembubaran perkahwinan dan perwalian di Mahkamah Syariah. Hal ini demikian perkara berkaitan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang diperuntukkan dalam Jadual 2 Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan dan suatu pengesahan anggapan mati hendaklah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berkaitan. Tambahan pula perkara ini jelas dinyatakan di bawah seksyen 14(4)(b) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan) 2010 yang menyatakan walaupun terdapat perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil, suatu perakuan anggapan mati di Mahkamah Syariah perlu dibuat.



Justeru itu, ada yang menyatakan bahawa perkara ini akan menyusahkan pihak-pihak. Selain daripada itu juga, jika perkara ini terjadi, Mahkamah Syariah akan menggunakan perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dengan membuat suatu tapisan berdasarkan Hukum Syarak dan akan meneruskan perbicaraan untuk menyiasat suatu anggapan mati yang dibuat adalah benar dan boleh disabitkan mengikut Hukum Syarak seterusnya membubarkan perkahwinan bagi orang-orang Islam. Perkara ini juga diperhatikan bahawa apabila suatu perintah anggapan mati yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil, maka Mahkamah Syariah akan menggunakannya menjadi salah satu dokumen sokongan semasa perbicaraan kes pembubaran perkahwinan kerana di Mahkamah Tinggi Sivil telah memperuntukkan tempoh kehilangan orang yang hilang itu adalah tujuh tahun atau lebih manakala di Mahkamah Syariah memperuntukkan tempoh empat tahun sebagai tempoh pembuktian mensabitkan orang yang hilang itu sebagai telah mati.

Namun begitu, dokumen berkenaan seharusnya melalui suatu tapisan dan penelitian dengan mengambil keterangan oleh pihak Pemohon bagi tujuan pembubaran perkahwinan dan berkaitan aspek kekeluargaan Islam.

Permohonan anggapan mati ini adalah sedikit berdasarkan statistik yang telah di keluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Statistik ini menunjukkan permohonan anggapan mati banyak berlaku di Terengganu. Jika diteliti, kebanyakan pendapatan masyarakat di Negeri Terengganu adalah Nelayan dan mereka perlu keluar mencari rezeki di lautan dalam. Kebarangkalian ini sering terjadi apabila berlakunya ribut yang kuat, kapal Nelayan yang mereka naiki akan karam dilanda ombak. Perkara ini dibuktikan sendiri

berdasarkan pemerhatian geografi di pantai timur terutama di Negeri Terengganu secara berterusan oleh penulis semasa musim tengkujuh pada tarikh 17 sehingga 21 Disember 2010.

Di dapati juga, permohonan dan juga affidavit permohonan anggapan mati ini yang telah dibuat berdasarkan penelitian kes-kes yang telah selesai menyatakan bahawa kehilangan mereka ini adalah melebihi tempoh 10 tahun. Timbul persoalan mengapa perkara sebegini berlaku?. Setelah penelitian terhadap kes yang telah dikaji, didapati masyarakat kurang prihatin terhadap tempoh yang membolehkan anggapan mati ini dibuat. Mengapa perlu menunggu sehingga 10 tahun, 15 tahun dan 30 tahun untuk membuat permohonan anggapan mati itu. Sewajarnya Pemohon mengetahui supaya jika empat tahun kehilangan, suatu permohonan anggapan mati boleh dibuat di semua negeri-negeri di Malaysia kecuali di Negeri Terengganu yang memerlukan tempoh tujuh tahun kehilangan.

Di samping itu juga, setelah diteliti permohonan dan affidavit permohonan anggapan mati ini, asas permohonan anggapan mati ini dibuat apabila berlaku suatu perkara yang mendesak seperti contoh untuk mendapatkan wali kerana wali sedia ada tidak diketahui hidup ataupun mati. Selain itu juga permohonan ini dibuat di waktu yang mendesak apabila waris orang yang hilang telah mati dan dalam proses untuk membahagikan harta kepada waris adalah sukar kerana salah seorang ahli waris tidak diketahui hidup ataupun telah mati.

Seharusnya perkara utama yang perlu diambil tindakan adalah berkenaan dengan pembubaran perkahwinan yang mana apabila Mahkamah Syariah telah mensabitkan bahawa orang yang hilang telah mati, maka pembubaran perkahwinan hendaklah dibuat

berdasarkan perceraian mati. Apabila perceraian mati telah diisytiharkan, maka proses untuk mendaftarkan sijil kematian di Jabatan Pendaftaran Negara perlu dibuat. Pemohon iaitu isteri bagi orang yang hilang itu tidak perlu menunggu kepada suatu tempoh yang lama jika jelas kehilangan orang yang hilang itu tidak dapat dikesan dan tidak diterima perkhabarannya setelah usaha-usaha membuat iklan bagi memanggil orang yang hilang itu menghadirkan diri ke Mahkamah telah dibuat.

Bagi permohonan perwalian dan juga perwarisan jika suatu permohonan anggapan mati sudah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan melalui perintah tersebut juga telah dibuat pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara, maka sijil kematian tersebut boleh dikemukakan kepada Mahkamah untuk menguruskan permohonan bagi mendapatkan wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali nasab.

Seterunya di dalam aspek perwarisan, jika suatu perakuan kematian telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dan juga telah dikeluarkan sijil kematian maka urusan pembuktian kematian boleh dibuat dalam urusan pembahagian harta faraid dan juga apabila melibatkan urusan di Unit Pusaka Kecil jika berkaitan dengan kehartaan tidak alih yang nilaiannya di bawah 2 Juta Ringgit Malaysia. Justeru itu, mudahlah segala urusan bagi menjalankan suatu perkara itu jika sijil kematian oleh Jabatan Pendaftaran Negara melalui perintah-perintah Mahkamah telah dikeluarkan.

## **5.2 CADANGAN**

Dalam melakukan sesuatu perkara, kerjasama dari semua pihak adalah sangat diperlukan bagi melicinkan pentadbiran tanpa melibatkan prosedur yang panjang serta merumitkan. Antara kerjasama yang amat diperlukan ialah masyarakat, individu, pertubuhan kerajaan dan juga bukan kerajaan supaya sentiasa membincangkan isu serta hak wanita amnya bagi memberikan pendedahan kepada mereka bahawa pentingnya hak wanita dalam sesebuah kehidupan.

Oleh itu cadangan yang dapat membantu kefahaman kepada pihak yang terlibat ialah dengan mengukuhkan peranan individu dan masyarakat, memperjelaskan peranan undang-undang untuk memainkan peranan sebenarnya, pentadbiran institusi kehakiman, serta peranan media massa yang sememangnya menjadi subjek utama menyedarkan masyarakat bagi menangani sesuatu masalah. Justeru itu, penghuraian berikut dapat dilihat pada peranannya di bawah ini.

### **5.2.1 Peranan Individu Dan Masyarakat**

Setiap individu hendaklah peka terhadap hak masing-masing. Pendedahan menerusi pembacaan umum dan melihat kepada jiran tetangga juga adalah perlu, bertepatan dengan negara ini yang hidup dalam masyarakat majmuk. Sikap tegur menegur adalah sesuatu yang mulia di sisi agama. Oleh itu jika terdapat hal yang berkaitan kekeluargaan, orang yang rapat dengan orang yang berkenaan hendaklah menegur. Contoh yang dapat ditunjukkan disini ialah apabila si anak menghadapi masalah

suaminya tidak menyampaikan khabar berita kepada keluarganya sehingga tempoh yang munasabah iaitu lebih empat tahun, maka hendaklah mereka menyampaikan hal ini kepada Mahkamah Syariah untuk pembubaran perkahwinan serta mendapatkan hak perwarisan jika suami tersebut itu meninggalkan harta. Selain daripada itu, kepada isteri-isteri yang telah kehilangan suami dan tidak pula suaminya itu menghantar khabar berita, mereka perlu membuat permohonan anggapan mati untuk membubarkan perkahwinan seterusnya mendapatkan pembahagian harta jika suaminya yang hilang itu mempunyai harta.

Seharusnya masyarakat perlu tahu bahawa anggapan mati ini perlu dibuat bagi sesuatu perkara itu tidak menjadi sia-sia terutama sekali dalam kontek tempoh masa menunggu yang terlalu lama sehingga mencecah puluhan tahun. Perkara ini dapat disimpulkan bahawa permohonan ini dibuat dengan tempoh yang hampir kepada puluhan tahun adalah disebabkan masyarakat yang kurang prihatin dan juga kurangnya pengetahuan masyarakat dalam aspek kekeluargaan Islam di Malaysia ini.

### **5.2.2 Peranan Undang-Undang**

Peranan undang-undang ini selalu dikaitkan dengan peruntukkan undang-undang. Maka dengan ini pihak yang berwajib seperti Persatuan Peguam Negara atau individu yang mewakili persatuan kerajaan dan bukan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab mengenai isu-isu kekeluargaan ini hendaklah tampil bagi memperjelaskan peruntukan serta mendedahkan prosedur berkaitan undang-undang ini. Isu undang-undang ini bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat kini, akan

tetapi pemahaman mengenai peruntukan serta prosedur adalah sesuatu yang asing bagi mereka.

Disarankan pihak-pihak yang terlibat dengan undang-undang seperti Jabatan Peguam Negara dan sebagainya mengadakan bengkel atau forum untuk memberikan penjelasan berkaitan dengan isu-isu yang berbangkit hasil daripada aduan, isu semasa sebagai contoh isu berkaitan dengan anggapan mati.

Oleh yang demikian penerangan dan pendedahan umum haruslah diperluaskan agar masyarakat mengetahui dan memahami penjelasan sesuatu peruntukan undang-undang tersebut. Suatu peruntukan itu perlu ditafsirkan supaya masyarakat lebih memahami apakah maksud peruntukan tersebut.

### **5.2.3 Pentadbiran Mahkamah**

Mahkamah Syariah adalah di bawah pentadbiran negeri berdasarkan Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada itu juga, peranan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam menjalankan piagam pelanggannya iaitu menyemak dan menyeragamkan undang-undang Islam yang komprehensif, berkesan dan sistematik berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah dalam tempoh lima (5) tahun (2013) perlu diambil kira.

Selain daripada itu juga, setiap Jabatan Kehakiman Syariah Negeri yang beroperasi di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri telah mewujudkan laman portal masing-masing

dan melalui kaedah inilah disebarkan maklumat kepada masyarakat untuk membuat rujukan dan memberikan pandangan atau cadangan ataupun juga permasalahan yang dialami kepada pentadbiran Mahkamah.

Dewasa kini juga pentadbiran Mahkamah adalah diperingkat yang memberangsangkan kerana setiap pentadbiran diselia oleh satu jawatankuasa iaitu Arahan Amalan yang mana semua negeri yang memakai sistem guna sama dan orang yang terlibat dengan undang-undang iaitu pengamal undang-undang hendaklah mengikut arahan yang diberikan supaya prosiding dijalankan berjalan dengan lancar dan berkesan.

Selain daripada itu juga, pengamal undang-undang dan juga Mahkamah hendaklah sentiasa peka terhadap Arahan Amalan yang terbaru yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Malaysia. Tambahan pula, sesuatu arahan Ketua Hakim Syarie Negeri dan juga arahan Ketua Pendaftar menguatkan lagi pentadbiran Mahkamah supaya pentadbiran Mahkamah bagi membicarakan, mendengar dan memutuskan kes berjalan dengan lebih efisien.

Berdasarkan isu anggapan mati yang menetapkan tempoh berbeza di dalam enakmen keluarga Islam dan juga enakmen keterangan di Negeri Terengganu perlu dikaji dan diselaraskan supaya peruntukan tempoh tujuh tahun bagi anggapan mati di dalam enakmen keluarga adalah selari dengan peruntukan enakmen keterangan Syariah yang menyatakan beban membuktikan bahawa seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya selama empat tahun masih hidup.

Di samping itu juga apabila sesuatu kes yang telah diputuskan telah selesai maka seharusnya sesuatu perjalanan kes itu akan di masukkan di dalam Jurnal Hukum dan terbitan-terbitan lain seperti ulasan kes yang dibuat oleh ahli akademik dan sebagainya. Penghakiman yang dikeluarkan akan diterbitkan dalam Jurnal Hukum yang mana ianya akan melalui suatu penapisan di dalam Lembaga Jurnal Hukum yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bersama ahli akademik. Jurnal Hukum ini akan dijual kepada masyarakat yang mengamalkan undang-undang dan masyarakat yang prihatin yang ingin tahu boleh membuat pembacaan seterusnya menambahkan pengetahuan terhadap isu-isu kekeluargaan Islam.

#### **5.2.4 Peranan Media Massa**

Peranan media massa juga adalah amat penting dalam menangani isu-isu kekeluargaan Islam. Hal ini demikian setiap rumah mempunyai sebuah televisyen dan juga komputer bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan luas. Berdasarkan iklan akhbar harian Utusan pada 21 Januari 2010 menyatakan bahawa Jumlah penduduk Malaysia dijangka mencecah 28.9 juta orang pada tahun 2010 berdasarkan kadar pertumbuhan kira-kira 2.1 peratus pada setiap tahun. Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan, Datuk Wan Ramlah Wan Abd. Raof telah berkata, bahawa jumlah penduduk tahun 2009 meningkat 1.54 peratus iaitu daripada 27.7 juta pada tahun 2008 kepada 28.2 juta orang. Orang Melayu kekal dengan kaum paling banyak iaitu 66.7 peratus diikuti Cina 24.6 peratus dan India 7.4 peratus dan kaum lain iaitu Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 1.3 peratus.



Jika dilihat daripada statistik ini, Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan penduduk di Malaysia pada tahun 2010 hampir mencecah 30 Juta orang dan masyarakat melayu yang dikategorikan Islam adalah mempunyai jumlah yang hampir mencecah 20 juta lebih penduduk. Oleh itu setiap rumah akan mempunyai sekurang-kurangnya satu televisyen, satu komputer, satu radio dan satu telefon berdasarkan skala pendapatan masyarakat yang sedang meningkat. Oleh itu rangkaian-rangkaian ini adalah sesuatu yang paling hampir dengan diri masyarakat untuk memberikan pendedahan yang secukupnya mengenai kefahaman undang-undang kekeluargaan Islam secara amnya.

Berdasarkan capaian alat komunikasi yang telah wujud terhadap masyarakat di Malaysia ini, maka input yang disalurkan kepada masyarakat seharusnya lebih membanggakan dan perkara ini secara langsungnya melibatkan para wartawan agar mereka sentiasa mencari bahan yang sarat dengan pengetahuan terutama sekali berdasarkan aspek kekeluargaan Islam.

Kewujudan syarikat televisyen (TV) berbayar dan ASTRO Malaysia dalam menyediakan rancangan seperti Kes Syariah serta Sebutan Syariah juga menyumbangkan peningkatan pemahaman masyarakat terhadap isu-isu kekeluargaan Islam di Malaysia ini.

Seharusnya perkara ini perlu dipergiatkan lagi bagi mempertingkatkan skala pengukuran kefahaman masyarakat di Malaysia terhadap isu kekeluargaan Islam

seterusnya menghindarkan masyarakat yang tertindas dan teraniaya dari mendapatkan hak mereka yang sewajarnya.

Peranan para wartawan dengan mewujudkan kolaborasi dengan pengamal undang-undang perlu dipertingkatkan agar sesuatu perkara yang murni dan yang sedang hangat dibincangkan dapat diberikan pendedahan kepada masyarakat mengikut garis panduan yang telah disediakan. Perkara ini mempunyai kebaikan dengan memberikan pendedahan awal terhadap kes yang telah dibicarakan agar sesuatu kes itu mendapat pengajaran dan teladan kepada masyarakat umum seterusnya memberikan pendedahan berkaitan dengan permohonan anggapan mati.

### **5.3 KERJASAMA SEMUA PIHAK**

Berdasarkan peranan yang telah dijelaskan di atas tadi, semua pihak seharusnya berganding bahu dalam memberikan kerjasama antara satu sama lain bagi melicinkan proses pentadbiran kehakiman. Di samping itu juga semua pihak hendaklah pro-aktif dalam menjalankan tugas masing-masing, seperti institusi kehakiman, menjalankan tugas dengan mendengar kes, membicarakan kes seterusnya memutuskan kes dengan adil dan saksama. Peranan media menghebahkan isu-isu semasa berkaitan dengan perundangan Islam selaras dengan perkembangan ke arah Negara maju perlu dipertingkatkan. Pertubuhan kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan perlu membantu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi memberi pendedahan kepada masyarakat Islam di Negara ini secara meluas sehingga ke peringkat akar umbi seterusnya melahirkan masyarakat yang celik undang-undang agar mereka mengetahui hak mereka yang sebenar.

Selain daripada itu juga, pihak kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Malaysia melalui Jabatan Bantuan Guaman memperhebatkan lagi membantu masyarakat yang kurang mampu bagi mendapatkan perkhidmatan guaman seterusnya memberikan nasihat dan pandangan melalui klinik undang-undang bergerak di suatu kawasan bandar sehinggalah ke kawasan pedalaman dan perkara ini seharusnya terpakai dalam segala aspek kekeluargaan Islam.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam perkara anggapan mati ini terdapat di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (AKTA 164). Ianya jelas terpakai terpakai kepada orang bukan Islam. Akan tetapi peruntukan berkaitan dengan anggapan mati di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 turut diguna pakai oleh orang Islam bagi perkara yang melibatkan perwarisan. Bagi pembubaran perkahwinan telah jelas bahawa peruntukan yang diguna pakai oleh orang Islam ialah sepertimana Akta/enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri. Hal ini demikian, perkara berkaitan agama Islam adalah di bawah kuasa negeri sepertimana yang diberikan kuasa oleh Parlimen di bawah Jadual Dua, Senarai Dua Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan perbincangan di dalam bab lima ini, cadangan yang dikemukakan perlulah direalisasikan dengan sewajarnya agar ianya tidak menjadikan cadangan hanya tinggal cadangan sahaja. Pemikiran sebahagian masyarakat yang memandang serong terhadap

institusi kehakiman Syariah perlu diperbetulkan agar ianya menjadi selaras dengan konsep kehakiman Syariah iaitu menegakkan keadilan.

Persepsi masyarakat yang hanya memandang institusi kehakiman Sivil juga perlu diperbetulkan bagi masyarakat yang beragama Islam. Sesuatu perkara setelah pindaan perkara 121(1A) jika berkenaan orang-orang Islam institusi yang berkompeten bagi mendengar kes adalah Mahkamah Syariah. Jika perkara yang nyata disebut di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil maka perkara yang melibatkan bidang kuasa Mahkamah Sivil perlu dikemukakan di Mahkamah Sivil. Akan tetapi kebanyakan isu kekeluargaan Islam adalah dibicarakan, didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Seharusnya isu yang berkaitan dengan konflik bidang kuasa ataupun dikenali sebagai perkongsian bidang kuasa tidak berlaku lagi setelah pindaan ke atas perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dibuat. Justeru itu, peranan semua pihak dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing perlu dilaksanakan dengan penuh dedikasi agar permasalahan berkenaan dengan kekeluargaan Islam mudah di atasi.

## BIBLIOGRAFI

### Kitab Arab

- Al-Shaykh Muhammad Ali Al-Sobuni, 1407H/1987M, *Al-Mawārith fi Al-Syariah Al-Islāmiyah fi Dhauil Kitāb wa Al-Sunah*.
- Dr. Mustaffa al-Khan, Dr. Mustafā al-Bugha dan Ali al-Syarbani, (1426H/2005M), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. jld. ke-2,, cet. ke-6, percetakan Darul Qalam, Damsyik, Syria, h. 267.
- Khinn, Mustafa Sa`id (al-) (1998), *al-Fiqh al-Manhājī `ala Madhhab al-Imām al-Syāfi`i*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Kasānī, Abu Bakr ibn Mas`ud ( 1998), *Badā'i` al-Sanā'i` fi Tartib al-Syarā'i` al-Tab`ah*. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Farhūn, `Abd Allah ibn Muhammad (ibn) ( 1995), *Tabsīrat al-Hukkām fi Usūl al-Aqdiyyah wa-Manāhij al-Ahkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Muhammad Ridā (1983), *al-Farq Umar Ibn Khattab*. Beirut: Dār al-Kutub al-Athāniyyah.
- Nādi Muhammad Naim (1999), *Mawt ad-Dimāgh Baina al-Thib wa al-Islām*. Beirut: Dār-al-Fikr al-Mūasir.
- Nawāwi (al-) (1989), *Minhāj al-Tālibin*. Penerbit Hizbi.
- Qayyim al-Jawziyyah (ibn) (1953), *al-Turuq al-Ḥukmiyyah Fi al-Siyāsah al-Syar`iyyah*. al-Kaherah: Matba`ah al-Sunnah al-Muhammadiyah.
- Ramli, Muhammad ibn Ahmad (al-) (1938), *Nihāyat al-Muhtāj ila Syārh al-Minhāj : Includes Hashiyah by al-Syabramāllisi and al-Māghribi al-Rashidi*. Mesir: Mustafā al-Bābi al-Ḥalabī.
- Syarbīnī, Muhammad ibn Ahmad (al-) (1958), *Mughnī al-Muhtāj : Ila Ma`rifat Ma`ānī Alfaz al-Minhāj*. Kaherah: Matba`at Mustafā al-Bābi al-Halabi.
- Syātibi, Ibrāhim ibn Mūsa(al-) (1991), *al-Muwāfaqāt fi usūl al-syāri`ah*. Bayrut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_ ( t.t), *Āhkam Al –`Adliyyah: Undang-undang Sivil Islam*. (terj) Md. Akhir Hj Yaacob (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaydān, Karīm (al-) (1998), *Nizām al-Qadā' fi al-Ṣḥārī'ah al-Islāmiyyah*. (t.tp): Muassasah al-Risālah.

\_\_\_\_\_ (1986), *Usūl al-fiqh al-Islāmi*. Damsyik : Dār al-Fikr.

### **Kitab Tafsir**

Zuhailī, Wahbah (al-) (2001), *Tafsir al-Munir*. Malaysia & Nusantara: Persatuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia And Publication.

### **Bahasa Melayu**

*Haji Mohd Salleh Haji Ahmad, (2009), Perkahwinan dan perceraian dalam Islam. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd. : Selangor.*

I.Doī ‘ Abdur Rahman (t.t), *Undang-undang Syariah*. (ed) Rohani Abdul Rahim (2003). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khin,(al-) Mustofa Al-Bugho & as-Syarbaji ( 2002), *Fiqh al- Manhaji : Kitab Fikah Mazhab Syāfi’i : Menghuraikan Bab Undang -undang Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Mahmud Saedon A.Othman (2003), *Undang-undang Keterangan Islam* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mahmood Zuhdi & Raihanah Azahari (1989), *Undang-undang Keluarga Islam, Konsep & Perlaksaaannya di Malaysia*. Fakulti Syariah: Universiti Malaya.

Mat Saad Abd. Rahman (2006), *Undang-undang Keluarga Islam : Aturan Perkahwinan : Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.

Mohd. Fauzi Muhamad (2003), *Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab 2nd ed*. Semenyih, Selangor: Synergymate. Sdn. Bhd..

Mohd Fauzi Muhamad (1998), *Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd..

Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang. (2006). *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Ali Ash-Shabuni, (1995) *Pembahagian Waris Menurut Islam*, terj. A.M. Basamalah, Gema Insani Press, Jakarta.

Munir Yaakub. (2007). *Tinjauan Kepada Perundangan Islam di Malaysia* . Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur.

- Mustafa Haji Daud. (1997). *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Noraini Nik Badli Shah (1998), *Perkahwinan Dan Penceraian Di bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Internatonal Law Book Service.
- Said Ibrahim (1996), *400, Soal Jawab Nikah Kahwin*. Selangor: Media Hasda.
- Sanusi Mahmood (1984), *Undang-undang Keluarga Dalam Islam*. Kelantan: Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan.
- Shamsuddin Suhor (1994), *Panduan Ringkas Akta Membaharui Undang- undang (perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Farid Sufian. Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes Jumaaton Iwn Raja Hizaruddin dalam *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuhayli, Wahbah (al-) (1996), *Fiqh dan Perundangan Islam*. terj. Ahmad Shahbari Salamon et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaydān, Karīm (al-) (t.t), *Sistem Kehakiman Islam*. terj Mohd. Saleh. Ahmad (1997). Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid.
- \_\_\_\_\_ ( t.t), *Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah* (ed) Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal & Farid Sufian Shuaib (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

### **Buku Bahasa Inggeris**

- Chm Tet Yung (,1998), *Singapore Law Series: Evidence, Malay Law Review*, Singapore Malaysia: Butterworths.
- Jamal J.Nasir (1990), *The Islamic Personal Status*. New York: Graham & Trotman.
- Mohd. Zakaria Siddīqi (2001), *Islamic Law And Judiciary: Trend- Setting Judicial Pronouncements On Islamic Law Since 1950*.
- Nik Noraini Nik Badli Shah (1998), *Marriage & Divorce Under Islamic Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Qayyim al-Jawziyyah (ibn) (t.t), Muhammad ibn Abī Bakr (2000), *The Legal Methods In Islamic Administration*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Sudipto Sarkar & V R Manohar (1993), *Sarkar on Evidence*. New Delhi: Wadhawa and Company Law Publishers.

Perri' O'Shaughnessy (2003), *Presumption Of Death*. Great Britain: Piatkus Book Ltd.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Mulla's Principles Of Mahomedan Law*. (ed) M.Hidayatullah (1990). Bombay: NM Tripathi Private Ltd.

Rafiah salim (1989), *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases, Material and Commentary*. Kuala Lumpur – Singapore: Butterworths.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Muslim Law*, (ed) Syed Khalid Rashid (1996). Lucknow: Eastern Book Company.

### **Jurnal**

Raihanah Abdullah (1997). *Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh*, Jurnal Syariah 5(1): 51-62. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

### **Makalah**

Anita Abdul Rahim (1996), "Konflik Bidangkuasa Antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil: Sejauh mana Per.121 (1A) Perlembagaan Persekutuan Berperanan?", *Jurnal Fakulti Undang- undang*, jld. 10, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.